untuk menulis surat kepada raja-raja dan pembesar asing seperti *Surat Sultan Abu Hayat, Ternate kepada King John 111, Portugal* bertarikh 1521M dan 1522M, *Surat Sultan Iskandar Muda di Aceh kepada Raja James I* pada 1615M dan *Surat Sultan Nuku di Tidore kepada John Crisp, gabenor di Bengkulu* pada 1785M. Surat lain dari pemerintah asing kepada raja tempatan yang turut menggunakan bahasa Melayu dengan tulisan Jawi ialah surat dari Gabenor Jeneral R. de Klerk kepada Sultan Muhammad Bahauddin, Palembang pada 1779M dan 1782M. Kesemua bukti ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu sudah berkembang ke satu puncak kegemilangan yang tinggi apabila digunakan di peringkat antarabangsa. Menurut Gallop (1994) penemuan beribu-ribu pucuk surat dari setiap penjuru dunia Melayu, menunjukkan bahawa selama beberapa abad, bahasa Melayu telah memainkan peranan sebagai bahasa perdagangan dan diplomasi bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di wilayah-wilayah lain seperti Indonesia, Singapura, Brunei, Thailand, Kambodia dan Filipina. Malahan lebih jauh dari itu, bahasa Melayu turut menjadi medium komunikasi dalam kalangan orang Melayu, Aceh, Minangkabau, Jawa, Bali, Bugis dan Madura. Dalam lingkungan bukan Melayu pula, bahasa tersebut digunakan untuk tujuan perutusan dengan orang Cina, Arab, India, Inggeris, Belanda, Perancis dan Portugal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam proses menjalankan kajian ini, antara kerajaan Melayu lama yang menarik perhatian pengkaji ialah kerajaan Aceh, Palembang, Bengkulu dan Muko-muko di Kepulauan Sumatera, Banjarmasin di Kalimantan, dan Ternate di Kepulauan Maluku. Tumpuan pengkaji kepada kerajaan-kerajaan tersebut bukan sahaja kerana peranannya sebagai pusat perdagangan, pusat pentadbiran, pusat kebudayaan dan pendidikan tetapi juga kerana telah diketahui bahawa istana-istana yang terdapat dalam kerajaan tersebut sudah menjadi pusat kepustakaan dan hubungan diplomatik. Dalam membincangkan perkara ini, Raja Masittah (1993) menyatakan peranan istana sebagai pusat pengembangan ilmu dan pusat karang mengarang tidak dapat disangkal lagi malahan istana turut menjadi tempat penyalinan manuskrip dan tempat perhimpunan ulama serta pujangga. Raja akan memerintahkan 'pujangga istana' atau penyalin yang dilantik untuk menulis dan menyalin hikayat-hikayat, salasilah dan naskhah-naskhah yang dikehendakinya. Hal ini terbukti apabila terdapat banyak buku telah merakamkan bahawa kerajaan Melayu Aceh pernah menjadi pusat perdagangan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pusat pengajian Islam dan kegiatan keilmuan yang terkenal, terutama semasa pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1606-1636M). Banyak tokoh ilmuan telah lahir di Aceh dengan pelbagai karya yang ulung. Antara tokoh dan karya mereka ialah Hamzah Fansuri dari Barus dengan karyanya *Syair Burung Pungguk*, *Syair Dagang* dan *Syair Perahu*, Abdul Rauf al-Fansuri dari Singkel dengan karyanya *Tafsir al-Quran al-Baidawi*, *Kifayatul-Muhtajin* dan *Umdat al-Muhtadin* dan Syamsuddin al-Sumatrani dari Pasai yang menghasilkan *Tanbihut-Tullah* dan *Anwarud-Daqaiq*. Kerajaan Melayu lain yang turut menjadi tumpuan dalam kajian ini ialah Kesultanan Ternate di Kepulauan Maluku yang meninggalkan dua pucuk surat tertua, yang ditulis dalam abad ke-16M.

Tradisi penulisan surat telah lama diamalkan oleh Raja-raja, malahan juga oleh penguasa-penguasa Melayu dan bukan Melayu terutamanya dalam mengurus pentadbiran kerajaan dan menjalin hubungan diplomatik dengan pedagang-pedagang dan pemerintah dari kerajaan lain. Sehubungan itu, tradisi penulisan ini menuntut kepada penggunaan satu bahasa dan sistem tulisan yang difahami dan boleh diterima pakai oleh semua pihak yang terlibat. Menurut Putten (2003) surat-surat yang dikirim dengan tujuan diplomatik, ditulis dengan sangat teliti dan berhati-hati mengikut pola dasar dengan memakai frasa yang sesuai dengan status dan maksud surat itu. Di sini, terbuktilah keupayaan bahasa Melayu dan tulisan Jawi sebagai bahasa dan tulisan utama yang perlu dikuasai dan malah telah digunakan dalam pelbagai urusan menerusi penulisan surat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepentingan surat Melayu lama tidak akan dapat dirasai dan dihayati oleh generasi kini jika tidak ada satu kajian yang teliti dilakukan terhadap dokumen tersebut. Penelitian terhadap surat-surat Melayu lama antara lain, dapat memberi pengetahuan baharu tentang jenis-jenis surat, isi kandungan yang dibincangkan dan aspek fizikal pada sepucuk surat. Ab. Razak (2002, 2006) menerusi kajiannya, membahagikan surat kepada dua jenis utama iaitu surat sosial dan surat perjanjian. Surat sosial ialah surat yang dihantar oleh seseorang pengirim kepada penerima sama ada seorang raja, pembesar, ataupun orang tertentu. Kandungan surat jenis ini menyentuh hal-hal peribadi, termasuk usaha untuk mendapatkan bantuan dan perniagaan. Dari segi komponen, surat sosial terdiri daripada kepala surat, cap, kata-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kata pujian, isi/kandungan surat, prapenutup dan penutup. Jenis yang kedua ialah surat perjanjian iaitu surat persetujuan ataupun persetiaan bersama antara pihak tertentu yang terlibat dalam perjanjian itu sama ada melibatkan individu dengan individu dan juga antara satu pihak dengan yang lain. Secara umumnya, surat perjanjian adalah seperti perjanjian rasmi melibatkan persetiaan antara pihak sultan Melayu dengan pihak Barat seperti Portugis, Belanda dan Inggeris atau surat perjanjian yang termeterai antara pembesar-pembesar sesebuah negeri dengan raja yang memerintah. Berbeza dengan surat sosial, komponen surat perjanjian terdiri daripada kepala surat, kandungan surat, penutup, cap dan tandatangan.

Perbincangan di atas telah memberi gambaran ringkas berhubung kedudukan bahasa Melayu, tulisan Jawi dan peranan pihak istana dalam tradisi penulisan di Alam Melayu terutamanya dalam penulisan surat-menyurat. Sehubungan itu, dapat dirumuskan bahawa surat yang menggunakan bahasa Melayu bertulisan Jawi, merupakan medium komunikasi utama pada zaman dahulu dan telah memainkan peranan penting dalam urusan pentadbiran kerajaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Bilangan manuskrip bertulisan Jawi amat banyak. Malahan di Malaysia sendiri, terdapat lebih daripada 4,000 buah manuskrip bertulisan Jawi yang belum dikaji dan diterjemah, tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), dengan yang paling lama dianggarkan berusia kira-kira 400 tahun (Azm Nh 2012). Perkara ini selaras dengan pernyataan Ding (2009) yang mendapati hanya sekitar 30% daripada 10,000 buah manuskrip Melayu sahaja yang telah dikaji. Hal ini memberi gambaran bahawa masih banyak ilmu dan maklumat peribumi Melayu dalam pelbagai bidang yang belum diketahui umum. Sehingga kini belum ada kajian khusus dan terperinci dibuat tentang sistem ejaan Jawi masa lampau. Keadaan ini mesti ada sebabnya. Merujuk Ab. Razak (1998) salah satu daripada penyebabnya ialah manuskrip Melayu lama amat sukar dibaca kerana ditulis dalam tulisan Jawi dengan pelbagai gaya dan bentuk. Dalam hal ini, Wan Ali (1996) menjelaskan bahawa tulisan Jawi yang terdapat dalam manuskrip Melayu tertua adalah dalam pelbagai bentuk stail yang kadangkala amat sukar dipadankan dengan jenis khat Islam yang utama seperti *Thuluth*, *Nasakh*,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Riq'adh dan sebagainya. Walau pun perkara yang dinyatakan ini adalah berhubung stail atau gaya tulisan, namun pengkaji berpandangan hal tersebut turut menyumbang kepada kesukaran untuk mengenal pasti ejaan sesuatu perkataan yang ditulis apabila perkataan tersebut tidak dapat dibaca dengan betul. Isu berbangkit di sini ialah apakah kaedah ejaannya?. Adakah surat daripada raja Melayu di tempat yang berlainan itu mempunyai kaedah ejaan yang berlainan?. Jika berlainan, apakah kelainan tersebut? Sehubungan itu, apakah yang menyebabkan timbulnya kelainan itu? Adakah terdapat pengaruh daripada luar, terutamanya negara Arab?. Jika tidak, apakah peranan alim ulama kerana merekalah orang yang paling dekat kepada tulisan Jawi yang berasal daripada bahasa Arab?. Rentetan isu ini perlu difikirkan selain daripada isu-isu yang lain. Memandangkan kajian berhubung perkara-perkara tersebut belum pernah dilakukan terhadap surat-surat Melayu lama secara terperinci, maka pengkaji cuba menumpukan perhatian kepada variasi kaedah ejaan Jawi dari abad ke-16, 17 dan 18.

Tidak dapat dinafikan sepanjang penelitian dalam kajian ini, pengkaji menemui beberapa kajian terdahulu yang telah dijalankan oleh pengkaji lain berhubung sistem ejaan Jawi berdasarkan pelbagai manuskrip Melayu lama. Namun kajian tersebut belum mencukupi untuk melihat sejarah perkembangan sistem ejaan Jawi secara keseluruhannya. Hal ini demikian kerana, tulisan Jawi telah digunakan sebagai medium penulisan di kepulauan Melayu sejak berabad lamanya. Oleh itu satu kajian yang terperinci dan mendalam sahaja yang mampu mencari jawapan berhubung sistem ejaan Jawi sepanjang tempoh tersebut. Kewujudan pelbagai sistem ejaan Jawi termasuk Sistem Ejaan Pakatan, Sistem Ejaan Za'ba, Sistem Ejaan Dian, Sistem Ejaan Utusan dan Sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan menunjukkan ejaan Jawi telah mengalami perubahan-perubahan dan pembaharuan-pembaharuan tertentu dari semasa ke semasa. Perkembangan itu berlaku dalam abad ke-20. Persoalannya di sini, tidakkah ada sistem ejaan yang berlainan sebelum itu seperti yang disebut Abdul Razak (1998)?. Pengkaji pasti jawapannya ada, kerana ejaan Jawi dalam manuskrip Bone, Ternate, Acheh dan Abdullah Munsyi di Singapura memang berbeza.

Selain daripada permasalahan yang telah dinyatakan, seperkara lagi yang mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini adalah kerana nilai yang dimiliki oleh surat Melayu lama, seperti disifatkan oleh Dzul Haimi (2006) sebagai wajah dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kedaulatan orang-orang Melayu. Walau bagaimanapun menurut Ab Razak (1997) kajian berhubung dengannya didapati masih kurang dan jika ada pun kajian tersebut belum menyeluruh cakupannya. Oleh itu masih banyak kajian perlu dilakukan oleh para pengkaji dan juga pencinta manuskrip sejajar dengan kedudukan surat Melayu lama sebagai khazanah yang tidak terhingga nilainya. Namun begitu, hal ini menjadi semakin sukar kerana tidak ramai pengkaji yang berminat untuk mengkaji manuskrip ini dan kebanyakan kajian yang dilakukan lebih berkisar kepada aspek sastera, budaya dan sejarah sahaja. Aspek bahasa dan aspek lain yang berkaitan dengannya terabai begitu sahaja. Justeru, aspek-aspek tersebut juga perlu diberi perhatian kerana manuskrip yang berupa surat-surat dari sebuah kerajaan kepada sebuah kerajaan atau antara individu dengan individu yang lain bukan sahaja mengandungi pelbagai perkara dari aspek kesusasteraan, budaya dan sejarah malahan juga mengandungi aspek kebahasaan yang perlu diberi perhatian sewajarnya.

1.4 PERMASALAHAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menyedari kedudukan manuskrip Melayu lama sebagai khazanah warisan yang amat berharga, banyak usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak untuk menjaganya daripada rosak atau hilang. Usaha tersebut sebenarnya tidak mencukupi malahan usaha terus menerus perlu dilakukan untuk memahami dan menghayati isi kandungan manuskrip berkenaan. Kalau masalah pertama itu melibatkan penjagaan fizikal manuskrip itu, tetapi masalah kedua bukan sahaja bergantung pada langkah penjagaan aspek fizikal, tetapi juga melibatkan pemahaman isi kandungan manuskrip tersebut. Masalah kedua inilah yang melibatkan sistem ejaan Jawi. Aspek yang ingin diketahui ialah; apakah kaedah ejaan Jawi yang digunakan dalam penulisan surat-surat Melayu lama itu?.

Berdasarkan persoalan di atas, jelas menunjukkan bahawa wujudnya banyak pola ejaan Jawi dalam penulisan bahasa Melayu. Lebih-lebih lagi, dengan adanya kelompangan dalam kaedah ejaan Jawi seperti yang digunakan dalam manuskrip Melayu dan surat di raja Melayu zaman dahulu. Masalah ini berkemungkinan wujud kerana pada peringkat awal penggunaan tulisan Jawi, tidak ada peraturan tertentu berhubung cara ejaan Jawi semasa menulis. Misalnya terdapat keadaan satu perkataan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dieja dengan dua atau lebih bentuk ejaan. Contohnya perkataan "Ternate" dalam Surat Sultan Ternate (1521M) dieja dengan tiga bentuk ejaan iaitu ترناة, ترنات dan ترناته. Selain itu, ada banyak perkataan yang berlainan dieja sama (homograf). Contohnya perkataan *belas* dan *balas* yang dieja dengan ejaan yang sama iaitu (بلس). Lebih meruncing ketika itu kerana, tidak ada panduan berhubung sistem ejaan Jawi yang boleh dirujuk untuk menyelesaikan masalah itu. Masalah tersebut semakin lama semakin besar dan memerlukan perhatian dan kajian akademik untuk mencari penyelesaiannya. Kelompangan dalam ejaan Jawi khususnya ejaan yang digunakan dalam manuskrip Melayu lama menyebabkan kajian manuskrip sukar dijalankan apatah lagi jika pengkaji tidak mahir dengan tulisan Jawi. Kelompangan ini disifatkan pengkaji filologi di dalam bidang sastera Melayu lama sebagai korupsi dalam teks. Sebahagian korupsi itu berpunca daripada masalah kecelaruan ejaan, kalau pun tidak boleh disebut sebagai kesalahan ejaan. Masalah itu berpunca daripada tidak adanya ketekalan dan kebakuan dalam sistem ejaan Jawi. Hal ini mungkin juga disebabkan belum ada kesedaran dalam kalangan para sarjana, bahasa dan budaya zaman lalu berhubung hal tersebut. Tambahan pula ketika itu belum dibangunkan institusi yang boleh mengawal selia perkara tersebut seperti Dewan Bahasa dan Pustaka di Malaysia atau Balai Pustaka di Indonesia seperti yang ada hari ini.

Kesedaran inilah yang telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Usaha untuk memahami sistem ejaan Jawi yang digunakan dalam surat Melayu lama ini memerlukan penelitian yang mendalam bagi membolehkan satu kesimpulan dapat dihasilkan kelak. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini telah menganalisis cara pengejaan perkataan dalam surat Melayu lama dari abad ke-16 hingga abad ke-18 bagi mengenal pasti kaedah ejaan yang digunakan dalam penulisan surat-surat tersebut. Kajian ini kemudiannya menjurus kepada aspek perbandingan kaedah ejaan Jawi dalam surat-surat berkenaan.

1.5 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran tentang ejaan Jawi yang berlaku di Alam Melayu dari abad ke-16 hingga abad ke-18. Untuk mencapai tujuan tersebut,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aspek yang dianalisis ialah kaedah ejaan Jawi dalam surat-surat Melayu selama 300 tahun atau tiga abad. Menurut Ding (2008) kalau masa 300 tahun kelihatan cukup lama untuk usia manusia, tetapi tempoh tersebut adalah pendek dalam mengukur perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam bahasa, baik dari segi ejaannya, sebutan (fonologi) atau nahunya (iaitu morfologi, dan sintaksisnya).

Sehubungan itu, kajian ini tertumpu kepada surat-surat bertulisan Jawi dari tiga buah kerajaan Melayu yang terdiri daripada Kepulauan Sumatera iaitu Aceh, Palembang, Bengkulu dan Muko-muko, Kalimantan iaitu Banjarmasin dan Kepulauan Maluku iaitu Ternate. Penganalisisan ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah ejaan Jawi dari abad ke-16 hingga abad ke-18 di tempat-tempat berlainan. Surat Melayu lama menjadi pilihan dalam kajian ini memandangkan bahan tersebut sesuai digunakan dalam usaha mengesan dan mengenal pasti kaedah ejaan Jawi yang pernah digunakan di Alam Melayu sebelum berlaku perubahan yang membawa kepada kemunculan sistem ejaan Jawi yang digunakan kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 OBJEKTIF KAJIAN

Berlatar belakangkan penerangan di atas, kajian ini mempunyai tiga objektif utama yang ingin dicapai iaitu:

i. Menganalisis kaedah ejaan Jawi bagi perkataan dwisuku/trisuku yang berkombinasi vokal dan berkombinasi diftong mengikut kategori suku kata, dan kaedah ejaan bagi perkataan ekasuku mengikut kategori huruf vokal dalam surat Melayu lama dari abad ke-16 hingga abad ke-18.

ii. Membuat perbandingan antara surat dan abad untuk mengenal pasti kaedah ejaan Jawi yang paling dominan bagi perkataan dwisuku/trisuku yang berkombinasi vokal dan berkombinasi diftong, dan kaedah ejaan bagi perkataan ekasuku mengikut kategori huruf vokal dalam surat Melayu lama dari abad ke-16 hingga abad ke-18.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Menganalisis penggunaan dan perubahan lambang huruf gubalan Melayu, penggunaan tanda diakritik, kaedah ejaan kata ganda, kaedah ejaan berangkai dan kaedah ejaan kata pinjaman Arab dalam surat Melayu lama dari abad ke-16 hingga abad ke-18.

1.7 PERSOALAN DAN HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan objektif di atas, pengkaji membentuk persoalan kajian berikut:

i. Apakah kaedah ejaan Jawi bagi perkataan dwisuku/trisuku yang berkombinasi vokal dan berkombinasi diftong mengikut kategori suku kata, dan kaedah ejaan bagi perkataan ekasuku mengikut kategori huruf vokal dalam surat Melayu lama abad ke 16 hingga ke-18?

ii. Apakah kaedah ejaan Jawi yang paling dominan bagi perkataan dwisuku/trisuku yang berkombinasi vokal dan berkombinasi diftong mengikut kategori suku kata, dan kaedah ejaan bagi perkataan ekasuku mengikut kategori huruf vokal antara surat dan abad?

iii. Adakah ejaan Jawi dalam surat Melayu lama dari abad ke-16 hingga abad ke-18 menggunakan huruf gubalan Melayu dan mempunyai tanda diakritik, serta mempunyai kaedah ejaan tertentu bagi kata ganda, ejaan berangkai dan kata pinjaman Arab?

Hipotesis kajian ini ialah:

i. Kaedah ejaan Jawi yang digunakan dalam Surat Melayu lama abad ke-16 tidak berbeza dengan kaedah ejaan Jawi yang digunakan dalam surat Melayu lama abad ke-17 dan 18.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Usaha-usaha penelitian yang dilakukan terhadap penulisan dalam sesebuah dokumen telah menemukan pengkaji dengan pelbagai perkara termasuk cara satu-satu kata itu dieja dan disebut. Menurut Ab Razak (1998) apabila sesuatu kata-kata atau ayat-ayat ditulis, ia akan terdiri daripada bunyi-bunyi atau lambang-lambang tulisan yang kemudiannya dikodkan dalam bentuk yang boleh dikomunikasikan. Dalam konteks ejaan Jawi, pada hakikatnya kaedah ejaan Jawi lama berbeza dengan kaedah ejaan Jawi baharu iaitu Sistem Ejaan Jawi yang Disempurnakan (SEJYD). Perbezaan ini akan dapat dikenal pasti menerusi penelitian yang dibuat dalam sesebuah kajian kerana dapatannya akan membolehkan kaedah ejaan Jawi bagi sesuatu perkataan itu dikenal pasti bentuknya. Jika dikaitkan dengan kajian ini, bahan yang ditulis dan terhasil sebagai medium komunikasi adalah berbentuk surat. Bagaimana cara sebutan perkataan yang terkandung dalam surat tersebut amat bergantung kepada cara ejaannya. Sehubungan itu pengkaji berpendapat, penelitian terhadap ejaan Jawi merupakan satu langkah yang penting dan perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum usaha menerokai mesej atau ilmu pengetahuan yang terkandung dalam surat Melayu lama dapat dilakukan selanjutnya. Usaha ini sejajar dengan pandangan Wan Mohd Shaghir (1996) yang menyatakan bahawa surat-surat Melayu silam penting untuk diselamatkan dan dipelihara sebagaimana pentingnya manuskrip Melayu kreatif kerana daripadanya dapat diketahui sejarah, politik, kebudayaan, kesenian, perkembangan ekonomi, perkembangan bahasa, dan lain-lain. Justeru kajian ini dilihat penting, memandangkan tidak terdapat kajian terperinci dijalankan berhubung sistem ejaan Jawi sebelum abad ke-20. Hal ini bermakna, walaupun perhatian diberi kepada aspek ejaan, tetapi sebenarnya perhatian turut diberi kepada cara perkataan itu disebut oleh orang Ternate, Acheh dan lain-lain. Dalam kajian ini, tumpuan utama diberi kepada kaedah penulisan perkataan Melayu menggunakan ejaan Jawi. Oleh itu dapatannya turut memberi gambaran berhubung sebutan (fonetik) perkataan tersebut oleh penutur yang berbeza-beza itu.

Dalam memperkatakan hal ini, perkara yang terang dan nyata ialah, sudah tentu sebutan dan ejaan Jawi selama 300 tahun dahulu itu bukan sahaja berlainan keadaannya daripada sebutan dan ejaan sekarang, tetapi juga berlainan dari satu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tempat ke satu tempat yang lain. Tidak kira apakah perbezaan dan perubahan itu sudah dialami penutur bahasa Melayu masa dahulu, yang menariknya ialah orang Melayu daripada kurun ke-19 masih boleh memahami tulisan Jawi daripada kurun ke-18, dan mungkin juga orang Melayu daripada kurun ke-18 itu memahami tulisan Jawi daripada kurun ke-17 dan sebelumnya. Pemahaman mereka itu membolehkan manuskrip daripada abad ke-15 dan abad-abad lain itu disalin terus-menerus sehinggakan kita dapat mewarisi kira-kira 10,000 naskhah manuskrip Melayu. Namun begitu, peralihan masa memperlihatkan ramai dalam kalangan generasi baharu yang tidak mahir membaca teks lama bertulisan Jawi. Daripada keadaan yang berlaku itu, menurut Ding (2008) tahulah kita betapa besar kesulitan dan kepayahan kepada orang Melayu yang biasa membaca tulisan Jawi baharu dalam buku teks dan akhbar cetak untuk membaca dan menghayati isi kandungan teks yang menggunakan tulisan Jawi lama kerana sistemnya berbeza daripada sistem ejaan yang mereka ketahui. Perbezaan ini menjadi masalah utama kepada teks lama sehingga menyebabkan bahan ini tidak dapat menarik perhatian generasi baharu dan faktor ini juga antara sebab utama teks lama itu menjadi barang antik dan barang hiasan di perpustakaan dan muzium, walaupun hakikatnya teks itu ialah sumber maklumat peribumi Melayu di Alam Melayu selama 500 tahun dahulu. Oleh itu, kajian ini penting dalam usaha mengatasi kesukaran untuk membaca teks lama yang menggunakan ejaan Jawi lama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mutakhir ini, walaupun banyak kempen telah dijalankan oleh pelbagai pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan badan-badan bukan kerajaan, di samping penganjuran banyak seminar tentang tulisan Jawi, tetapi bilangan orang yang berminat untuk membaca dan mengkaji teks lama dengan sistem tulisan Jawi yang berlainan itu makin menurun dan bukannya meningkat. Penurunan ini antara lain disebabkan ramai sarjana yang tahu membaca sistem tulisan Jawi lama itu bersara dan tempat mereka sukar dan tidak dapat diganti. Dari sinilah timbullah peribahasa Melayu baru: *Patah tak tumbuh, hilang tak berganti.* Langkah untuk melegakan dan mengurangkan, walaupun mungkin tidak dapat menyelesaikan masalah-masalah tersebut telah mendorong pengkaji untuk menjalankan penyelidikan ini. Di sinilah terletaknya kepentingan kajian ini, apabila menjadikan teks lama bertulisan Jawi sebagai bahan kajian. Usaha ini amat penting dalam membina asas tradisi ilmu peribumi Melayu yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikomunikasikan dengan tulisan Jawi sebelum ia ditulis dalam huruf Latin kerana penyelidikan yang membabitkan sistem ejaan Jawi lama ini akan mendekatkan masyarakat kepada tradisi ilmu pribumi Melayu. Dengan itu, maka penyelidikan ini juga boleh dianggap sebagai tapak kecil dalam langkah besar kerajaan Malaysia memartabatkan kembali tulisan Jawi sebagai warisan dan lambang jati diri peribumi Melayu.

Kajian seumpamanya ini juga penting kerana tujuannya bukan untuk menyingkap kembali sejarah kegemilangan penulisan surat Melayu zaman lampau, tetapi juga menyingkap semula sejarah kegemilangan tulisan Jawi supaya dapat dihayati masyarakat masa kini. Usaha ini penting ke arah mendidik generasi baru di negara ini untuk menyayangi tradisi tulisan Jawi yang semakin lama semakin tertarik kepada tulisan Rumi. Hal ini sejajar dengan utiliti kegunaan tulisan Jawi menurut Rais (2006) yang terbahagi kepada beberapa faktor iaitu:

i. Jawi diperlukan dalam pendidikan agama Islam khususnya dalam pengajaran Al-Quran.
ii. Jawi mempunyai jiwa kemasyarakatan dan seni yang tersendiri.
iii. Jawi mempunyai nilai seni menerusi penghasilan pelbagai tulisan *khat*.
iv. Jawi ialah tulisan pengkajian sejarah. Dengan adanya pengetahuan tulisan Jawi, penyelidikan tentang manuskrip lama dapat disusul dengan baik.
v. Pembudayaan tulisan Jawi dalam pendidikan di semua peringkat amat berguna sebagai faktor warisan.
vi. Sebahagian sumber perundangan Syariah ditulis menggunakan tulisan Jawi. Sehubungan kemahiran membaca Jawi diperlukan ketika membaca kitab rujukan, penyelidikan dan dokumentasi lain yang kebanyakannya bertulisan Jawi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping itu, penting juga dinilai dan dihargai bahawa melalui bahan bacaan bertulisan Jawi, sebahagian besar kebangkitan semangat nasionalisme dan pendorong perjuangan dapat dicetuskan sejak berabad-abad lamanya.

Harapan tinggi yang dinyatakan di atas terletak pada hasil penyelidikan ini dalam merungkai pelbagai kecelaruan, kekeliruan dan percanggahan ejaan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tulisan Jawi sepanjang tempoh 300 tahun itu. Tempoh sepanjang tiga abad itu juga amat penting dalam sejarah perkembangan tulisan Jawi dari banyak aspek. Antaranya, pengkaji dapat membuktikan kaedah ejaan Jawi yang telah digunakan 300 tahun dahulu sama ada mengukuhkan atau menyangkal mana-mana pendapat yang sudah diberi selama ini seperti yang dinyatakan dalam Kajian Kepustakaan di Bab II.

1.9 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan tentang skop dan limitasi kajian yang merangkumi kaedah ejaan Jawi, surat kajian, tempat kajian dan tempoh masa yang dikaji dalam kajian ini.

1.9.1 Kaedah ejaan Jawi

Seperti yang sudah disebut sebelum ini, kajian ini menumpukan perhatian kepada perkembangan ejaan Jawi dari abad ke-16 hingga abad ke-18. Sudah pasti terdapat banyak perubahan yang berlaku dalam penulisan Jawi dalam tempoh 300 tahun itu. Perubahan dan perkembangan bahasa, sama ada dari segi sebutan, ejaan, tulisan, nahu dan lain-lain itu pastinya ada kaitan dengan perubahan sosio-budaya, ekonomi dan politik yang berlaku dengan adanya kuasa Eropah, Belanda dan Inggeris sebagai kuasa perdagangan dan kebudayaan tradisional di samping pengaruh dari India, China, Arab dan negara-negara jiran di Alam Melayu. Sehubungan itu, kajian ini mengambil pendekatan untuk meneliti perubahan tersebut dengan memberi tumpuan kepada kaedah ejaan perkataan ekasuku berkombinasi vokal dan dwisuku/trisuku yang berkombinasi vokal dan diftong. Tidak ketinggalan, kajian ini turut meneliti kaedah ejaan kata ganda, ejaan berangkai, perkataan pinjaman Arab, penggunaan tanda diakritik dan penggunaan huruf gubalan Melayu.

1.9.2 Surat kajian

Dalam kajian ini, bahan yang digunakan ialah surat Melayu lama bertulisan Jawi. Hal ini bermaksud sebarang manuskrip Melayu lama yang lain dan surat Melayu yang bertulisan Rumi tidak digunakan sebagai bahan kajian. Walau bagaimanapun hanya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


surat sosial digunakan sebagai bahan kajian kerana isi kandungannya lebih ringkas berbanding surat perjanjian. Dari segi jumlah pula, sebanyak 10 pucuk surat telah digunakan sebagai bahan kajian ini. Walaupun terdapat ratusan surat Melayu lama, namun kajian ini berfokus kepada 10 pucuk surat yang dipilih berdasarkan kriteria berikut:

i. Surat dari raja atau pemerintah di Alam Melayu kepada pihak asing dan sebaliknya yang ditulis dalam abad ke-16, 17 dan 18.
ii. Surat Melayu lama yang bertulisan Jawi dan berbahasa Melayu yang ditulis dalam abad ke-16, 17 dan 18.

1.9.3 Tempat kajian

Kajian ini melibatkan tiga buah kerajaan Melayu seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.3 di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.3 Tempat kajian
Sumber: Ding Choo Ming 2009


Ketiga-tiga buah kerajaan tersebut terletak di Kepulauan Sumatera iaitu Aceh, Palembang, Bengkulu dan Muko-muko, di Kalimantan iaitu Banjarmasin dan di Kepulauan Maluku iaitu Ternate.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.4 Tempoh masa

Limitasi abad yang dikaji pula meliputi abad ke-16 hingga ke-18. Penetapan tempoh ini dibuat kerana sistem ejaan Jawi yang digunakan dalam tempoh tersebut masih bersifat asli iaitu belum menerima perubahan hasil perancangan korpus ejaan seperti yang berlaku dalam abad ke-20. Dengan ini lebih banyak surat dapat dikaji kerana ia melibatkan tiga buah kerajaan Melayu yang merangkumi tiga abad seperti yang ditunjukkan dalam garisan masa seperti Rajah 1.4 berikut:



Rajah 1.4 Tempoh masa bahan kajian

Dengan berpandukan skop dan batasan kajian di atas, kajian ini telah dijalankan dalam usaha menjawab objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 KERANGKA TEORI

Sistem ejaan yang ideal perlu seragam (Haugen 1966), hendaklah menggambarkan sistem fonologi bahasa yang berkenaan dan bukan hakikat fonetiknya (Garvin 1973) supaya kebiasaan-kebiasaan ucapan yang berbeza dapat diterjemah ke dalam sistem ejaan tersebut (Haugen 1966). Eastman (1983) menegaskan sistem ejaan yang berasaskan abjad mengandungi suatu konvensi atau persetujuan tentang cara menulis dan mengeja yang dirujuk kepada aturan-aturan penggunaan huruf, tanda baca, penulisan huruf besar, penyukuan kata, penulisan dan pembahagi kata, pengejaan kata serapan, pengejaan kata baharu dan sebagainya. Merujuk kepada rangkuman pandangan para sarjana tersebut, jelaslah bahawa pengkajian sesuatu sistem ejaan seharusnya dilandasi dengan beberapa pandangan sebagai kerangka teori bagi mengukuhkan dapatan kajian. Sehubungan itu, pengkaji telah mengambil pandangan beberapa orang sarjana dalam bidang pengkajian Jawi sebagai rujukan utama dalam kajian ini. Kerangka tersebut dirangkum daripada idea Md Said (1935), Kang (1990 &

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1995), Amat Juhari (1991 & 1994), Hashim (2006), Ismail (2009) dan Hamdan (2013).

Pengkaji menggunakan kerangka teori yang digabungkan dari pandangan sarjana-sarjana tersebut kerana belum ada satu teori khusus diketengahkan oleh para sarjana berhubung perkembangan sistem ejaan Jawi. Secara terperinci, pandangan tersebut dirumuskan seperti berikut:

1.10.1 Kerangka teori Md Said (1935) berhubung bentuk ejaan Jawi

Md Said (1935) menyatakan terdapat lima bentuk ejaan Jawi iaitu ejaan lama, ejaan tua, ejaan baharu, ejaan Arab dan ejaan kemelayuan. Secara terperinci ejaan-ejaan tersebut adalah seperti berikut:

i. **Ejaan lama**, iaitu ejaan yang tidak memakai huruf vokal. Ejaan ini ialah ejaan pengaruh Arab tahap kedua. Misalnya مک (maka) dan سوده (sudah).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. **Ejaan tua,** iaitu ejaan yang memakai huruf vokal pada salah satu sukukata. Ejaan ini merujuk kepada ejaan pengaruh Melayu tahap pertama. Misalnya: اين (ini), ايت (itu) dan lain-lain.

iii. **Ejaan baharu**, iaitu ejaan yang memakai huruf vokal dalam setiap perkataan. Misalnya: باوا (bawa).

iv. **Ejaan Arab,** iaitu ejaan yang mengikut ejaan asal dari bahasa Arab bagi perkataan pinjaman Arab. Misalnya: صلاة (solat). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pengecualian, iaitu pada perkataan-perkataan yang kurang atau lebih penggunaan huruf vokal di dalamnya.

v. **Ejaan Kemelayuan,** iaitu ejaan Arab yang dimelayukan. Perkataan ini dieja dengan menambah atau mengurangkan huruf vokal. Ejaan jenis ini bergantung

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pada kelancaran atau sedapnya sebutan tersebut digunakan dalam bahasa Melayu.

1.10.2 Kerangka teori Kang (1990 & 1995), Amat Juhari (1991 & 1994), dan Hashim (2006) berhubung tahap perkembangan ejaan Jawi

Kang (1990 & 1995), Amat Juhari (1991 & 1994), dan Hashim (2006) membahagikan perkembangan ejaan Jawi kepada empat tahap iaitu mengikut ejaan Arab sepenuhnya, pengaruh sistem ejaan Arab, pengaruh Melayu tahap satu, dan pengaruh Melayu tahap dua:

i. **Tahap pertama ialah mengikut sistem ejaan Arab sepenuhnya** iaitu ejaan Jawi menggunakan tanda-tanda baris dan *tasydid*.

ii. **Tahap kedua ialah dipengaruhi oleh sistem ejaan Arab** (Arab gondol) iaitu mengekalkan ejaan serta huruf sedia ada tetapi menghilangkan baris dan tanda diakritik yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. **Tahap ketiga ialah sistem ejaan Jawi pengaruh Melayu** iaitu pengwujudan huruf vokal. Ada tiga huruf benar Arab dijadikan huruf vokal selain mengekalkannya sebagai huruf benar iaitu huruf *alif* (ا), *wau* (و) dan *ya* (ي). Huruf-huruf vokal hanya dimasukkan pada suku kata pertama.

iv. **Tahap keempat ialah sistem ejaan Jawi pengaruh Melayu sepenuhnya** dengan penambahan huruf vokal pada suku kata kedua di samping mengekalkannya pada suku kata pertama.

1.10.3 Kerangka teori Ismail (2009) berhubung kaedah ejaan Jawi lama

Ismail (2009) dalam kajiannya bertajuk *Manuskrip kesusasteraan tradisional Melayu sekitar tahun 1600M: telaah sistem tulisan Jawi dan analisis pemikiran Melayu nusantara* mengutarakan idea berikut berhubung kaedah ejaan Jawi lama:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Pada peringkat awal: kaedah pemvokalan suku kata perkataan Jawi sama ada "menggunakan" atau "tidak menggunakan" tanda baris atau tanda *tasydid*.

ii. Kemudiannya, cara ejaan telah bertukar apabila menerima pengaruh setempat iaitu mengalami proses kemelayuan. Menerusi pengaruh dari bahasa Melayu ini, kaedah pemvokalan suku kata perkataan Jawi secara baris digunakan sepenuhnya dengan dizahirkan tanda baris dan *tasydid* dan pemvokalan secara abjad dilakukan dengan menggunakan huruf vokal *alif* (ا), *wau* (و) dan *ya* (ي).

iii. Seterusnya, kaedah pemvokalan suku kata perkataan Jawi dengan menggunakan huruf vokal *alif* (ا), *wau* (و) dan *ya* (ي) dan kaedah pemvokalan suku kata perkataan Jawi dengan menggunakan tanda baris yang tidak lagi dizahirkan seperti zaman dahulu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu mengikut pandangan ini, tidak terdapat petunjuk bahawa kaedah pemvokalan suku kata perkataan Jawi berkembang secara bertahap daripada kaedah pemvokalan suku kata Jawi secara baris kepada kaedah pemvokalan suku kata secara abjad.

1.10.4 Kerangka teori Hamdan (2013) berhubung induk permasalahan ejaan Jawi

Menurut Hamdan (2013) induk permasalahan dalam sistem ejaan Jawi adalah pada perkara-perkara berikut:

i. Penggunaan huruf vokal dalam mengeja suku kata merupakan induk permasalahan atau titik tolak analisis dalam sistem ejaan Jawi. Jika satu-satu suku kata itu dieja dengan menggunakan huruf vokal, maka ejaan begini dikira mengikut Kaedah Vokal. Jika sebaliknya satu-satu suku kata itu dieja tanpa menggunakan huruf vokal, maka keadaan ini dikira mengikut Kaedah Tanpa Vokal/Kaedah Baris. Kaedah baris adalah kaedah ejaan yang ditiru daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sistem ejaan Arab; iaitu baris *fathah* melambangkan vokal /a/, baris *kasrah* melambangkan vokal /i/ dan baris *dammah* melambangkan vokal /u/. Walaupun dikatakan kaedah baris, namun pada praktiknya, baris itu tidak pernah dizahirkan dalam tulisan.

ii. Bahasa Melayu menggunakan enam vokal sedangkan huruf Jawi yang digunakan untuk melambangkannya cuma tiga. Dengan demikian berlakulah perkongsian lambang vokal. Dalam kebanyakan konteks vokal /e/ dan /a/ berkongsi menggunakan lambang < ا >. Vokal /i/ dan /é/ berkongsi menggunakan lambang <ـيـ> atau <ي> manakala vokal /u/ dan /o/ berkongsi menggunakan lambang <او> atau <و>. Perinciannya adalah seperti dalam Jadual 1.1 berikut:

Jadual 1.1 Konteks dalam lambang vokal Rumi dan padanannya dengan Jawi

Vokal	Konteks & Lambang		
	Awal kata	Tengah Kata	Akhir Kata
/ e /	ا	ـ	ى
/ a /	ا	ا/ـ	ا/ـ
/ i /	ايـ	ـيـ	ـي
/ é /	ايـ	ـيـ	ـي
/ u /	او	ـو	ـو
/ o /	او	ـو	ـو

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hamdan (2013) turut menyatakan perkara-perkara berikut:

i. Sebahagian besar perkataan dalam bahasa Melayu adalah berbentuk dwisuku. Hanya sedikit yang berbentuk ekasuku atau trisuku ke atas. Oleh itu, sistem ejaan Jawi telah mengatur kaedah mengeja kata-kata dwisuku itu. Kata-kata yang lebih daripada dwisuku ditetapkan kaedahnya supaya dua suku kata yang terakhir mematuhi kaedah mengeja dwisuku manakala suku kata lainnya mesti mengikut kaedah mengeja suku kata.

ii. Evolusi sistem ejaan Jawi bermula dengan penggunaan huruf-huruf konsonan sahaja tanpa huruf vokal. Bunyi vokal tidak diberi apa-apa lambang. Hanya diandaikan sahaja yang baris-baris (*harakat*) seperti dalam bahasa Arab telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

digunakan walhal pada tahap amalinya baris-baris itu tidak pernah dizahirkan secara grafik. Namun demikian kaedah begini diberi nama Kaedah Tanpa Vokal atau Kaedah Baris. Dengan kata lain, setiap huruf konsonan itu sebenarnya melambangkan satu suku kata. Huruf *ba* misalnya boleh melambangkan suku kata [be], [ba], [bi], [bé], [bu] dan [bo]. Dari Kaedah Tanpa Vokal atau Kaedah Baris yang tidak menggunakan huruf vokal, sistem itu bergerak menuju kepada penggunaan huruf vokal, lalu lahirlah kaedah yang dikenali sebagai Kaedah Huruf Saksi/huruf vokal. Jika ketiadaan penggunaan huruf vokal, ditandai dengan nombor [0] dan penggunaan huruf vokal pula ditandai dengan nombor [1], maka pola ejaan kata dwisuku itu boleh jadi seperti berikut:

[0 + 0] = Tidak menggunakan huruf vokal di kedua-dua suku kata.

[0 + 1] = Menggunakan huruf vokal di suku kata kedua sahaja.

[1 + 0] = Menggunakan huruf vokal di suku kata pertama sahaja.

[1 + 1] = Menggunakan huruf vokal di kedua-dua suku kata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Jadi sistem ejaan Jawi bergerak dari [0+0] melalui [0+1]/[1+0] menuju ke [1+1]. Akan tetapi tidak semua kata dwisuku yang bergerak menuju ke Kaedah Huruf Vokal seratus peratus dan bukan semuanya bermula dengan [0+0]. Ada pula yang berpatah balik: dari [0+0] sampai ke [1+1] lalu patah balik ke [1+0] atau [0=1]. Selain itu pada abad yang sama atau di lokasi yang sama terdapat pula ejaan yang beragam untuk kata seperti contoh dalam Jadual 1.2 berikut:

Jadual 1.2 Pola [u + a]

Sumber Data	SKB + SKB	SKT + SKB	SKB + SKT	SKT+ SKT
Surat 1- Aceh Abad 16	[0 +0] دک	[1 +1] ڤونچا	[0 +1] هوتغ	[0 +1] سومڤه
Surat 2 – Jambi Abad 16	[0 +1] ڤوج	[0 +1] اوغک	[0 = 1] کورڤ	[0 +1] توغکل
Surat 3 – Aceh Abad 17	[1 +1] ڤورا	[1 + 0] جمڤا	[0 +1] بودق [1 +1] بوات	[0 +1] سومبڠ

Merujuk Jadual 1.2, dari segi horizontal: Abad 16 [SKB+SKB] Aceh masih di tahap [0+0] sedangkan Jambi sudah melangkah ke [0+1]. Bagi [SKT+SKB] nampaknya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aceh sudah sampai ke tahap [1+1] sedangkan Jambi masih di tahap [0+1]. Berasaskan data ini, didapati bahawa ejaan kata yang berpola [SKB+SKT] dan [SKT+SKT] sudah mencapai keseragaman antara kedua-dua wilayah. Dari segi vertikal pula, surat Aceh menunjukkan ejaan kata yang berpola [SKB+SKB] sudah bergerak dari tahap [0+0] pada abad 16 ke tahap [1+1] pada abad 17. Untuk yang berpola [SKT+SKB] berlaku pergerakan ke belakang dari tahap [1+1] pada abad 16 mengundur ke tahap [1+0]. Ejaan kata yang berpola [SKB+SKT] dan [SKT+SKT] sudah mencapai tahap kemantapan merentas jangka waktu dua abad. Akan tetapi terdapat kekecualian: kata yang berpola [SKB+SKT] dan berstruktur KVVK telah mengalami perubahan daripada tahap [0+1] pada abad 16 menjadi [1+1] pada abad 17.

Berdasarkan semua kerangka teori daripada Md Said (1935), Kang (1990 & 1995), Amat Juhari (1991 & 1994), Hashim (2006), Ismail (2009) dan Hamdan (2013) yang menekuni bidang perkaedahan Jawi, rumusan yang dapat dihasilkan oleh pengkaji berhubung bentuk ejaan Jawi, tahap perkembangan ejaan Jawi, kaedah ejaan Jawi lama dan induk permasalahan ejaan Jawi ditunjukkan dalam Rajah 1.5 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.5 Kerangka Teori Perkembangan Ejaan Jawi berdasarkan pandangan sarjana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 DEFINISI ISTILAH

Bahagian ini membincangkan definisi bagi istilah-istilah penting yang mendasari tajuk kajian ini iaitu kaedah ejaan Jawi dan Surat Melayu lama.

1.11.1 Kaedah ejaan Jawi

Perkataan *kaedah* mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) bermaksud cara atau aturan (membuat sesuatu), hukum atau prinsip. Justeru itu, sesuatu kaedah terdiri daripada sesuatu siri tindakan yang sistematik dan tersusun untuk mencapai sesuatu matlamat. Perkataan *ejaan Jawi* merujuk kepada sistem huruf/ejaan bahasa Melayu yang dipinjam dari aksara Arab dan Parsi (Kamus Filologi 1995, Kang 1993) dan ditakrifkan juga sebagai tulisan bahasa Melayu dalam huruf Arab (Ding & Roosfa 2006). Selaras dengan keperluan bahasa Melayu, ada lima huruf tambahan yang dicipta bagi melengkapkan huruf pinjaman tersebut. Dari segi penulisan, tulisan Jawi ditulis dari kanan ke kiri, seperti tulisan Arab dan berbeza daripada tulisan Melayu Rumi yang ditulis dari kiri ke kanan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Hamdan (1987) dan Adi Yasran (2013) huruf-huruf Arab yang asalnya 31 itu telah ditambah sebanyak lima huruf lagi iaitu *nya, ga, pa, nga* dan *ca* untuk melambangkan bunyi-bunyi Melayu yang tiada dalam bahasa Arab. Dengan itu terhasillah siri abjad Jawi yang lengkap bagi bahasa Melayu. Di samping penggunaan huruf, cara ejaan perkataan juga adalah aspek yang penting ketika menulis perkataan dalam tulisan Jawi. Ejaan Jawi tertakluk kepada beberapa peraturan tertentu dalam penulisannya agar apa yang ditulis sama dengan apa yang disebut dan dimaksudkan.

Berdasarkan makna di atas, kaedah ejaan Jawi dalam kajian ini bermaksud aturan atau kaedah ejaan aksara Jawi iaitu sistem tulisan baharu yang terhasil daripada pinjaman huruf Arab dan Paris serta ditambah dengan huruf gubalan Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.2 Surat Melayu lama

Menurut Wan Mohd Shagir (1996) perkataan surat atau *warkah* berasal dari perkataan bahasa Arab iaitu ورقة (*waraqatun/warqatun*). Dalam Kamus Dewan (1989) *warqah* dieja sebagai 'warkah' dan 'warkat' yang bererti surat dan kandungan (isi) surat. Dalam menjelaskan hal ini, Putten (2003) menerangkan surat adalah tulisan pada kertas atau bahan lain (yang dimaksudkan untuk) dikirim oleh si penulis kepada orang lain. Kata-kata di dalam surat dirancang dalam bentuk yang sesuai dengan tradisi penulisan surat dan menggunakan sekelompok kata-kata yang khas untuk sarana komunikasi itu agar isi dan bentuk surat tersebut sesuai dengan harapan pembaca.

Surat Melayu lama yang dikaji dalam penyelidikan ini ialah surat rasmi daripada raja-raja Melayu yang mempunyai ciri, sifat dan bentuknya yang tersendiri. Secara umumnya, Ab Razak (1998) mendapati bahawa setiap surat Melayu lama mempunyai kepala surat, cap mohor pengirim surat, kata puji-pujian, isi atau kandungan surat, prapenutup dan penutup surat. Selain itu, Gallop (1994) menyenaraikan sepuluh unsur keistimewaan surat Melayu lama dalam adat surat-menyurat Melayu seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. reka bentuk dan hiasan
ii. cap mohor
iii. kepala surat
iv. puji-pujian
v. kandungan warkah
vi. hadiah
vii. penutup
viii. alamat sampul surat
ix. utusan
x. adat mengiring surat

Berdasarkan maklumat yang diperoleh itu, surat yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah bahan manuskrip Melayu tradisional yang berupa lembaran kertas yang ditulis oleh pengirim dengan tujuan tertentu untuk disampaikan kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penerima. Dalam kajian ini, surat yang digunakan sebagai bahan kajian ialah surat-surat sosial yang ditulis oleh raja-raja Melayu (atau diwakili oleh juru tulis) dalam abad ke-16, 17 dan 18.

1.12 KESIMPULAN

Bab I telah membincangkan tentang kemunculan tulisan Jawi di Alam Melayu yang kemudiannya telah melahirkan tradisi ilmu dan konvensi kepengarangan Melayu lama. Tulisan Jawi merupakan khazanah dan pusaka bangsa Melayu yang telah digunakan sejak sekian lama. Kewujudan kira-kira 10,000 naskhah manuskrip yang ditulis dalam tulisan Jawi di istana-istana kerajaan Melayu, telah menjadi bukti bahawa tulisan ini telah memainkan peranan besar dalam membina dan mewarisi tradisi keilmuan dan kesarjanaan peribumi Melayu sehingga abad ke-19. Peranan ini semakin berkurang dengan kemunculan tulisan Rumi. Dalam masa 600 tahun ini, tulisan Jawi sudah mengalami perubahan yang besar. Disebabkan perubahan-perubahan itu, maka pengkaji manuskrip Melayu menghadapi kesukaran untuk membaca tulisan Jawi dalam teks Melayu lama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam mengkaji perubahan kaedah ejaan Jawi, kajian ini boleh dijadikan tapak untuk mencari dan menggali maklumat berhubung kaedah ejaan Jawi yang pernah digunakan dan membekalkan maklumat berhubung aspek ejaan yang sudah ditinggalkan dan kaedah yang masih dikekalkan sehingga kini. Justeru, Bab I telah digarap dengan mengemukakan aspek-aspek penting yang menjadi landasan dalam proses perlaksanaan kajian ini iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, kerangka teori kajian dan definisi istilah yang berkaitan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB II

ULASAN KEPUSTAKAAN

2.1 PENGENALAN


Perbincangan dalam Bab II, merangkumi himpunan kajian kepustakaan berkaitan perkara yang dibincangkan dalam kajian ini. Secara terperinci, bab ini membincangkan tentang sejarah kemunculan tulisan Jawi di Alam Melayu di samping kajian lepas berhubung surat Melayu lama, sistem ejaan Jawi dan aplikasi tulisan Jawi dalam pendidikan. Sejarah penggunaan imej tulisan di Alam Melayu menjadi pembuka kepada perbincangan dalam bab ini, bagi memperlihatkan kepentingan dan kedudukan tulisan dalam perkembangan sesuatu bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara asasnya, penemuan pelbagai bentuk tulisan dari pelbagai suku kaum menjadi salah satu penanda aras kepada tahap ketamadunan yang sudah dicapai di Alam Melayu sejak berabad-abad lamanya. Walaupun peribumi Alam Melayu terpengaruh dengan tulisan-tulisan dari luar, namun akhirnya mereka dapat mencipta satu identiti sendiri dengan kemunculan tulisan Jawi dan kedudukan bahasa Melayu sebagai *lingua franc*a. Penggunaan sistem tulisan di Alam Melayu sebelum kemunculan tulisan Jawi dapat diringkaskan seperti Rajah 2.1 di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.1 Nama sistem tulisan di Alam Melayu sebelum tulisan Jawi

Berdasarkan pembahagian di atas, dapat disimpulkan bahawa aksara yang digunakan dalam tulisan di prasasti pra-lslam ialah aksara *Pallava*, diikuti oleh aksara *Kawi* dan kemudiannya aksara Jawi yang dipengaruhi oleh aksara Arab sebelum kemunculan tulisan Rumi. Merujuk kepada Amat Juhari (1995) keluarga besar bahasa Melayu telah menggunakan empat jenis aksara iaitu:

i. Aksara *Rencong* (dan aksara-aksara yang segolongan dengannya)

Jenis aksara yang termasuk dalam kumpulan aksara *Rencong* ialah *Rencong, Lampung, Ka Ga Nga, Rejang, Surat Ulu, Minang, Mandailing, Batak Toba, Karo, Dayak, Mindoro, Bugis* dan *Makasar*.

ii. Aksara India (*Devanagari* dan *Pallava*)

Aksara *Devanagari* dan *Pallava* membentuk beberapa jenis aksara atau tulisan di beberapa tempat di Asia Tenggara seperti di Jawa, Sunda dan Bali.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Tulisan Arab atau Jawi

Tulisan Arab wujud di Alam Melayu sejak abad ke-3 (290H) yang terukir pada batu nisan di Langgar, Kedah manakala tulisan Arab berbahasa Melayu yang tertua adalah pada prasasti Terengganu bertarikh 702H bersamaan dengan 1303M.

iv. Tulisan Rumi atau Latin


Tulisan Rumi digunakan untuk bahasa Melayu bermula pada tahun 1516M di Melaka yang dilakukan oleh orang-orang Portugis.

2.2. SEJARAH KEMUNCULAN TULISAN JAWI DI ALAM MELAYU

Ahli linguistik membahagikan bahasa di dunia ini kepada beberapa golongan keluarga mengikut struktur mereka dan hubungkait dalam sejarahnya. Antara keluarga bahasa yang paling tua ialah keluarga Semitik. Ahli bahasa juga telah mengemukakan teori yang mengandaikan kewujudan bahasa induk kepada semua bahasa-bahasa Semitik yang dikenali sebagai Proto-Semitik. Salah satu cabang yang paling penting dari bahasa Proto-Semitik ialah skrip Semitik Selatan yang terdiri daripada skrip Arab Utara, skrip Arab Selatan dan skrip Ethiopia (Bakalla 1984). Dalam hal ini Hashim (1995) menyatakan skrip Arab tergolong dalam keluarga skrip Proto-Semitik. Skrip ini melahirkan skrip Semitik Utara yang menurunkan keluarga kecil skrip Aramaik. Skrip Aramaik pula berkembang kepada skrip Nabataen dan seterusnya melahirkan skrip Arab yang menjadi asas kepada tulisan Jawi. Skrip Jawi yang berasal daripada skrip Arab itu kemudiannya diubahsuai setelah dibuat beberapa penambahan tertentu sesuai dengan sebutan dalam bahasa Melayu. Cabangan daripada keluarga Proto-Semitik itu digambarkan oleh Gaur (1984) seperti dalam Rajah 2.2 di bawah ini:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.2 Cabangan keluarga Proto Sematik
Sumber: Gaur, A. 1984

Dalam membincangkan hal ini, menurut Gaur (1984) skrip bahasa Arab dipercayai telah mula digunakan pada akhir abad ke-4M dan abad ke-5M oleh orang Nabataean yang berbahasa Aramaik. Bangsa ini tinggal di utara, timur dan selatan Sinai. Seperti juga sarjana lain, Gaur (1984) turut berpendapat bahawa bahasa Arab tidak datang akibat rangsangan dari kemajuan kebendaan, tetapi terhasil dari kedatangan agama Islam yang membawa bersamanya kitab Al-Quran yang menggunakan skrip Arab. Skrip Arab terdiri daripada 29 huruf yang terdiri daripada 22 huruf konsonan Semitik dan tujuh huruf yang direka untuk mewakili sebutan yang lebih halus seperti yang dikehendaki dalam bahasa Arab. Tatabahasa dan bentuk bahasa Arab berbeza dari skrip Semitik yang lain. Sistem vokal dalam bahasa Arab agak mudah iaitu mengandungi lambang vokal yang ditulis di atas (baris atas) atau di bawah konsonan sebelum vokal itu (baris bawah) dan tanda yang menunjukkan ketiadaan vokal (tanda bulat).

Kemunculan tulisan Jawi di Alam Melayu telah dikaitkan dengan kedatangan agama Islam ke rantau tersebut. Malahan menurut Wan Ali (1996) tulisan Jawi telah memainkan peranan yang amat penting dalam perkembangan tamadun Melayu, khususnya selepas agama Islam bertapak di Alam Melayu. Secara umumnya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kedatangan agama Islam di rantau ini seawal abad ke-7M itu telah dibawa masuk oleh para ulama luar yang kebanyakannya ialah pedagang. Menurut 'Arba'iyah (2011) kelompok kecil pendakwah ini telah berada di rantau Melayu, terutamanya di bahagian barat Sumatera (674M dan 878M) di Jawa (1082M), di Champa (1039M) dan di Semenanjung Tanah Melayu (878 M dan 1302 M). Bilangan mereka semakin banyak pada sekitar abad ke-15M. Berhubung peranan agama Islam pula, Awang (2010) menjelaskan bahawa Islam telah membantu dalam menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa melalui penyerapan istilah-istilah dasar yang berkaitan dengan *akidah,* ibadah dan istilah sejagat yang digunakan oleh umat Islam. Walau bagaimanapun, Hamdan (1997) berpandangan kedatangan Islam ke Alam Melayu khususnya di Pasai pada abad ke-13M tidak segera diikuti dengan kelahiran tulisan Jawi memandangkan kesan tertua penggunaan tulisan Jawi hanya terdapat pada batu bersurat atau prasasti Terengganu pada abad ke-14M. Menurut Hashim (1997) satu kesan yang amat besar dalam perkembangan bahasa Melayu akibat daripada proses pengislaman ini adalah penggunaan dan penyesuaian skrip Arab sehingga menjadi skrip Jawi untuk mengeja bahasa Melayu, malahan kebanyakan pengkaji berpendapat, skrip Arab mulai diadaptasi sebagai satu skrip untuk ejaan bahasa Melayu sesudah abad ke-7H/13M (Jones 1983). Pendapat ini disandarkan kepada pandangan Fatimi (1963) dan Al-Attas (1988) yang menjadikan penemuan Batu Bersurat Terengganu (702H/1303M) sebagai bukti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di samping mengaitkan kemunculan tulisan Jawi dengan pengaruh Arab, terdapat beberapa sarjana lain yang turut mengaitkan Jawi dengan pengaruh Parsi. Antaranya ialah Al-Attas (1990), Muhammad Bukhari (1993) dan Guillot (2010). Al-Attas (1990) menyatakan bahawa pada peringkat awal, bahasa Melayu telah dipilih sebagai bahasa pengantar Islam oleh para pedagang Arab sekaligus menjadi alat penyebar dakwah Islam. Dengan itu, bahasa Melayu mula diislamisasikan apabila para ulama membawa bersama tulisan Arab untuk dijadikan tulisan Melayu dengan penambahan beberapa huruf. Usaha turut dijalankan dalam kalangan mereka untuk menyusun huruf Jawi berasaskan huruf Arab yang dilengkapkan dengan beberapa huruf tambahan menurut kaedah huruf Parsi. Dalam mengulas hubungan Parsi dengan Alam Melayu, Guillot (2010) menjelaskan bahawa berdasarkan sumber-sumber seperti *Akhbar al-sin wa al-Hind* bertarikh 851M, *Kitabal-masalik wa al-Mamalik*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(851M) dan *Hudud al-alam* (982M), jelas terdapat hubungan antara Parsi dan Alam Melayu mulai abad ke-9M. Malahan dalam *Hudud al-alam* iaitu sebuah teks geografi Parsi, ada disebut tentang nama-nama tempat di Dunia Melayu. Sumber-sumber terkenal ini merupakan kumpulan tulisan berdasarkan cerita-cerita yang disampaikan oleh pelaut dari pelbagai pelabuhan di Teluk Parsi, khususnya di Sinaf yang merupakan pelabuhan terpenting zaman itu. Kewujudan bahan-bahan berbentuk tulisan ini sedikit sebanyak telah menggambarkan tahap pengetahuan orang Parsi mengenai Alam Melayu.

Seorang lagi sarjana yang menyebut tentang pengaruh Parsi terhadap tulisan Jawi ialah Muhammad Bukhari (1993) yang menegaskan bahawa terdapat kekurangan pada pandangan sarjana yang hanya membicarakan tentang pengaruh Arab sahaja dalam Bahasa Melayu kerana pandangan tersebut seolah-olah menafikan terus pengaruh Parsi (Sanskrit dan lain-lain) dalam pertumbuhan dan perkembangan bahasa Melayu. Menurutnya, ada tiga kemungkinan proses saluran pengaruh Parsi ke dalam bahasa Melayu iaitu secara langsung dari Parsi, melalui budaya Arab dan melalui budaya India. Pandangan ketiga ini selaras dengan A. Samad (1958) yang menyatakan bahawa saudagar-saudagar dari Gujerat telah membuka jalan bagi pengaruh Parsi meresap ke dalam penghidupan orang Melayu bukan sahaja di bidang kesusasteraan, malahan juga dalam adat istiadat, bahasa dan agama. Hal ini dibuktikan menerusi beberapa ciri dalam bahasa Melayu yang dikatakan berasal daripada bahasa Parsi. Antaranya; terdapat perkataan yang diubah mengikut sebutan bunyi Melayu, iaitu lebih berdasarkan suku kata vokal seperti مهر (*mohr* menjadi mohor), tidak diubah ejaannya seperti بندر (*bandr* menjadi bandar), diubah huruf konsonan Jawi seperti خ menjadi ك (خورما menjadi كورما), huruf tidak diubah tetapi bunyinya berubah seperti و (*waw/vaw*) menjadi و (*wa*) dan tidak boleh dua huruf berturut-turut yang berbaris mati dalam bahasa Melayu melainkan yang terakhir didatangkan bunyi vokal seperti اين (*in*) menjadi اين (ini), huruf dan bunyinya diubah seperti ناب (*nab*) menjadi انب (enab/bersih, murni), dikekalkan maknanya seperti كهوين (kahwin), diubah maknanya sama ada disempitkan (فرمان menjadi firman, hanya untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perintah dari Allah sahaja) atau disedikitkan dari jumlah makna asal (ديوان bermakna *gedung* kepada erti *dewan* sahaja), menambah morfem Melayu ke dalam morfen Parsi seperti خندوري (*khanduri*) menjadi كندوري (kenduri), paduan perkataan Arab dengan perkataan atau imbuhan Parsi seperti كتب (kutub)+خانه (khana) menjadi *kutubkhanah* dan dengan adanya beberapa perkataan bahasa Parsi yang telah diarabkan namun bahasa Melayu kekal mengikut bentuk Parsinya seperti شلوار - *shilvar* (Parsi), سروال - *sarwal* (Arab), سلوار - *seluar* (Melayu).

'Arba'iyah (2011) turut menyokong fakta berhubung kewujudan pengaruh Arab dan Parsi terhadap tulisan Jawi ini, yang disifatkannya lahir daripada kebijaksanaan dan kreativiti ulama-ulama Melayu. Usaha mereka menyesuai, menggabung dan menyusun kedua-dua huruf Arab dan Parsi ini akhirnya berjaya membentuk huruf-huruf Arab-Melayu, yang turut dikenali sebagai huruf Melayu-Jawi. Hasil gabungan antara beberapa sumber Arab, Parsi dan Melayu, secara tidak langsung dapat memperkaya perbendaharaan kata Melayu serta menaikkan imej tamadun bangsa Melayu. Pandangan ini selari dengan Hashim (2005) yang menyatakan bahawa semua huruf dalam skrip Arab telah diterima menjadi sebahagian daripada skrip Jawi. Di samping itu, peminjaman dua huruf tambahan yang disesuaikan daripada skrip Parsi dan tiga huruf ciptaan orang Melayu sendiri telah dilakukan bagi memenuhi keperluan ejaan mengikut lidah Melayu. Fakta bahawa huruf tambahan Jawi dicipta hasil gabungan huruf Arab dan Parsi ada benarnya jika merujuk kepada asal usul huruf Arab. Menurut Jainal (2005), huruf Arab kuno berasal dari tulisan kuno Kerajaan Finik lebih 30 kurun yang lalu. Huruf ini kemudiannya berkembang menjadi enam cabang iaitu *Tadammur*, *Hindi*, *Farisi*, *Fahlawi*, *'Ibri* empat segi dan *Siryani*. Perkembangan ini ditunjukkan dalam Rajah 2.3 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.3 Asal-usul huruf Arab

Sumber: Jainal Sakiban 2005

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan susur galur asal huruf Arab yang dinyatakan Jainal (2005), dapat dilihat kebenaran pernyataan Awang (2010) yang berpendapat bahawa bahasa Melayu mengalami interaksi dengan bahasa antarabangsa, iaitu bahasa Arab dan bahasa Parsi. Kedua-dua bahasa ini dikatakan oleh A. Samad (1958) dan Muhammad Bukhari (1993) masuk ke Alam Melayu menerusi usaha saudagar-saudagar dari Gujerat (India) dan telah membuka jalan bagi pengaruh Parsi meresap ke dalam penghidupan orang Melayu bukan sahaja di bidang kesusasteraan, malahan juga dalam adat istiadat, bahasa serta agama.

Awang (2010) menjelaskan, apabila Islam datang ke Alam Melayu pada sekitar abad ke-12M atau ke-13M (sumber Aceh menyatakan abad ke-8M), kegiatan penterjemahan teks daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu telah berlangsung dengan pesat. Contohnya, ulama Melayu telah berusaha menerjemahkan kitab '*Aqaid al-Nasafi* (1590M). Menerusi usaha tersebut, bahasa Melayu telah diantarabangsakan daripada sudut kandungan bahasanya dan sudut peranannya sebagai bahasa yang digunakan dalam hubungan antarabangsa. Perkembangan itu dapat dilihat pada surat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sultan Ternate, iaitu Sultan Abu Hayat kepada Raja Sepanyol pada tahun 1521M dan 1522M, surat Sultan Aceh kepada kapitan Inggeris, James Lancester (1601M), surat Sultan Alauddin Shah Aceh kepada Harry Middleton (1602M) dan surat Sultan Aceh kepada raja Inggeris, King James (1612M) yang semuanya dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi. Dengan keadaannya yang mudah dipelajari, bahasa Melayu telah mendapat tempat, menjadi bahasa perantara (*lingua franca)* dan digunakan dengan meluas di Alam Melayu terutamanya dalam bidang perdagangan. Menurut Wan Ali (2005) pada dasarnya *lingua franca* bermaksud, bahasa pada peringkat paling mudah dan ringkas tetapi cukup untuk memenuhi peranannya sebagai penyampai maksud perhubungan, seperti hubungan perdagangan di pelabuhan-pelabuhan pada zaman lampau. Dalam hal ini, keistimewaan bahasa Melayu adalah terletak pada sifatnya yang terbuka untuk menerima kata-kata asing serta mempunyai sistem ejaan dan sebutan yang mudah.

Pengaruh bahasa Arab ke atas bahasa Melayu juga telah berlaku melalui pengayaan perbendaharaan katanya. Dari segi sosiologi bahasa, proses pengaruh-mempengaruhi antara satu bahasa dengan bahasa yang lain memang sering berlaku. Walau bagaimanapun sarjana tidak sependapat tentang jumlah perkataan Arab yang mengalir ke dalam bahasa Melayu. Sarjana barat seperti Wilkinson, R.J., Winstedt, R.O. dan Shellabear, W.G. menganggap pengaruh pemakaian istilah-istilah Arab cuma beberapa ratus sahaja, ataupun tidak lebih daripada 1,000 perkataan sahaja. Namun merujuk kepada Amat Juhari (1996) pengkaji-pengkaji Melayu sendiri seperti Md Said dalam *Gugus kata Arab Melayu* (1939) dan Abdul Hamid dalam *Kamus al-Hamidi* (1941) telah menyenaraikan lebih daripada 2,000 perkataan Arab yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Menyentuh aspek perkembangan tulisan Jawi pula, Mohd. Hussein (2000) membahagikannya kepada dua peringkat, iaitu peringkat penggunaan dan peringkat pengejaan. Pada peringkat penggunaan, ulama dan cerdik pandai terdahulu telah memainkan peranan untuk menggunakan tulisan Jawi dalam penghasilan karya mereka. Hasil usaha ini telah berjaya membina tradisi ilmu, kesarjanaan dan telah berjaya mengembang dan menyebar luas tulisan Jawi. Hal ini terbukti dengan kewujudan manuskrip Melayu lama dan bahan bercetak lain, seperti surat-surat izin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berniaga daripada sultan kepada orang Eropah atau pedagang yang menggunakan tulisan Jawi. Bukti lain tentang kemasyhuran tulisan Jawi dapat dilihat menerusi banyaknya buku, akhbar dan majalah Melayu ditulis menggunakan tulisan Jawi. Peringkat pengejaan pula adalah dari segi perkembangan ejaan Jawi. Peringkat ini bermula seawal abad ke-13M. Perkembangan ini makin ketara dalam abad ke-20M dengan terhasilnya beberapa sistem ejaan Jawi seperti Sistem Ejaan Pakatan, Sistem Ejaan Za'ba, Sistem Ejaan Dian dan Sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan.

2.3 SISTEM EJAAN JAWI DI ALAM MELAYU

Salah satu bukti pengaruh Arab dan Parsi terhadap tulisan Jawi boleh dilihat dalam syair "*Tulisan Melayu*" oleh Md. Said (1935) dalam *Alam dan Bangsa Melayu*:

Ada pula kemalangan suatu
Huruf Arab dan tambahannya itu
Tidak disebutkan tulisan Melayu
Tulisan Jawi digelar begitu
Konon berpadu tulisan Rumi
Keduanya itu Melayu mempunyai
Baiklah siasat perkara ini
Jangan diikut sedap di hati
Sepatutnya huruf Melayu disebuti
Huruf Arab asalnya Parsi
Bangsa Eropah banyak sekali
Huruf Roman dipakai dimiliki
Jikalau Melayu tidak ambil tauladan
Menggelar Jawi itu kerugian
Menghilangkan mutu sendiri kebangsaan
Tambahan Jawi tiada berpengertian
Orang Arab di negerinya
Jajahan Melayu tiada diketahuinya
Jajahan Jawi negeri Melayu disangka
Bukankah Melayu bangsa yang lima
Makna Jawi supaya difahamkan
Seakan-akan Jawa iaitu tujuan
Bukan salah mengata demikian
Dengan Negeri Jawi tiada berkenaan
Jikalau huruf Arab tiada tambahan
Tentu Melayu sukar menggunakan
Sudah bersusah Melayu mengikhtiarkan
Kemudian "Jawi' beroleh kenamaan.

Md. Said (1935)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan kedatangan Islam ke Alam Melayu pada abad ke-10M, pengguna-pengguna bahasa Melayu mula mengenal sistem tulisan yang berasal dari dunia Arab yang ditulis dari kanan ke kiri. Beberapa ubahsuai pada sistem tulisan tersebut telah dilakukan supaya dapat memenuhi keperluan bahasa Melayu lalu menghasilkan tulisan Jawi. Dengan pemberian nama berkenaan, sistem ini seolah-olah sudah mengalami proses pemperibumian. Proses ini meliputi juga cara mengeja yang mengubah sistem sukuan (dari sumber Arab) kepada sistem campuran sukuan dan abjad. Sesuai dengan sikap demokratik yang ada pada agama Islam, maka sistem tulisan Jawi juga mengalami pendemokrasian, dalam erti kata penggunaannya itu meluas kepada semua lapisan masyarakat bermula dari gokongan atasan hingga golongan bawahan (Asmah 2005).

2.3.1 Istilah Jawi

Terdapat banyak perbezaan pendapat tentang asal usul dan perkembangan perkataan "Jawi". Perbezaan tersebut telah melahirkan pelbagai pendapat yang menarik. Antaranya perkataan "Jawi" dikaitkan dengan nama pokok (pokok Jawi-Jawi/jejawi), nama beras (beras Jawi), nama tempat (Tanah Jawi/Kepulauan Melayu), nama kaum (Jawi Peranakan) dan nama bahasa (bahasa Jawi/bahasa Melayu). Jawi turut dihubungkaitkan dengan nama "Javadwipa" iaitu nama bagi daerah Asia bangsa dan kaum yang menjadi peribumi di Asia Tenggara. Dalam hal ini, Abdul Rahman (2003) berpendapat istilah Jawi berasal dari kata "Jawa" yang sering digunakan oleh musafir-musafir Arab untuk menceritakan keadaan pulau dan penduduk di Kepulauan Melayu. Amat Juhari (1996) pula mengatakan "Jawi" (جاوي) berasal daripada kata nama bahasa Arab iaitu "Jawah" (جاوه). Perkataan ini apabila dijadikan kata adjektif menjadi "Jawi" manakala Shaleh (2003) pula menyatakan, dalam perbendaharaan bahasa Parsi terdapat perkataan "Ja' (جا) dan "Jai" (جاي) sebagai kata adjektif. Perbincangan dan perdebatan yang panjang berkaitan nama Jawi itu akhirnya tetap menjurus kepada makna "Jawi" sebagai "nama bagi sejenis tulisan yang menggunakan aksara Arab dan Parsi dalam penulisan bahasa Melayu".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada masa sekarang, pengertian "Jawi" tidak lain daripada maksud aksara atau huruf yang digunakan untuk menulis bahasa Melayu di Malaysia, Singapura, Brunei dan Selatan Thailand (Wan Mohd Shaghir 1997, Zainur Rijal & Rosni 2007). Di Indonesia, tulisan Jawi turut dikenali sebagai tulisan Melayu huruf Arab atau aksara Melayu Arab. Tulisan Jawi juga disebut sebagai huruf *Pegon* yang merujuk kepada tulisan yang berasal dari skrip Arab, bagi menulis bahasa Jawa dan Sunda. Penulisan huruf ini digunakan secara meluas untuk menterjemah kitab-kitab Arab yang diajar di pondok-pondok pesantren di Jawa. Bagi masyarakat Bugis pula, tulisan Arab yang ditulis dalam bahasa Bugis dinamakan tulisan *Singrang* (Wan Mohd Shaghir 1997). Tidak ketinggalan orang Banjar dan Bugis turut menggunakan tulisan Arab untuk menulis dalam bahasa mereka. Keadaan ini menunjukkan tulisan bahasa Arab bukan sahaja mempengaruhi tulisan bahasa Melayu, tetapi juga tulisan untuk bahasa-bahasa lain di Alam Melayu. Menurut Amat Juhari (1996) tulisan Jawi turut digunakan bersama-sama tulisan Campa yang dipinjam daripada tulisan pengaruh India. Begitu juga keadaannya di Pattani kerana terdapat bahasa Melayu dialek Pattani yang menggunakan tulisan Jawi untuk semua jenis persuratan. Tidak ketinggalan, tulisan Jawi turut digunakan di Aceh, Minangkabau, Bengkulu, Riau dan Palembang, terutamanya dalam kalangan orang tua untuk menulis hal-hal adat-istiadat, perbilangan, peribahasa, cerita-cerita rakyat dan kitab-kitab agama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.2 Ciri-ciri tulisan Jawi

Setiap tulisan mempunyai ciri-ciri yang menjadi lambang tulisan tersebut. Dalam konteks ini, tulisan Jawi turut mempunyai cirinya yang tersendiri. Ciri utama tulisan ini telah digariskan Engku Ibrahim Engku Ismail dan Abd. Ghani (1988) seperti berikut:

i. Aspek penulisan

Penulisan Jawi adalah berbentuk ringkas, ekonomi, menjimatkan ruang dan masa. Ciri ini dikaitkan dengan setiap fonem yang jika ditulis atau dilambangkan dengan fonem Rumi memerlukan tiga atau empat fonem Rumi. Misalnya: "ص" (*sad*), "ض" (*dhad*) dan "غ" (*ghayn*). Di samping itu, tulisan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jawi berbeza dengan tulisan-tulisan lain kerana tulisan ini ditulis dari kanan ke kiri dan tidak menggunakan sistem huruf besar dan huruf kecil.

ii. Aspek klasik

Aspek klasik biasanya dikaitkan dengan sesuatu yang terkenal kerana sejarahnya. Tulisan Jawi mempunyai ciri klasik kerana usaha untuk mengenali dan memahami tulisan ini memerlukan pengkaji merujuk kepada manuskrip Arab atau Jawi dari peringkat awal perkembangannya. Kang (1986) memetik nama-nama sarjana Barat yang pernah menjalankan kajian berhubung tulisan Jawi antaranya termasuk Shellabear, Van Ronkel, Robinson, Gerth, V. dan Werndly. Sementara itu sarjana Barat yang turut mengkaji Jawi dalam abad ke-20M ialah Wilkinson yang berjaya menerbitkan *Kamus Jawi-Mela*yu pada tahun 1903. Selain kajian oleh sarjana Barat, tulisan Jawi turut menjadi fokus dalam kajian sarjana tempatan. Kajian mereka telah memberi impak besar kepada perkembangan tulisan Jawi sebagaimana kajian oleh Za'ba yang telah menghasilkan *Rahsia Ejaan Jawi Penggal yang Pertama* (1931), selain Mejar Datuk Haji Muhammad Said Hj. Sulaimen yang menghasilkan *Panduan bagi Hejaan P.B.M.P.B* (1938).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Aspek estetik

Keistimewaan dari aspek estetik pula dilihat dari segi bentuknya.Tulisan Jawi mempunyai nilai estetik yang tersendiri, unik dan telah lama digunakan sebagai seni hiasan di masjid, istana dan kediaman dengan keindahan seni khat atau kaligrafinya. Terdapat lapan jenis khat yang digunakan untuk menulis tulisan Jawi iaitu *Khat Kufi, Thulus, Naskh, Farisi, Riq'ah, Diwani*, *Diwani Jali* dan *Raihani* (Manja & Ahmad Suhaimi 1995). Pendek kata penulisan Jawi tidak boleh dipisahkan dengan bentuk penulisannya (*khat*).

Berdasarkan ciri-ciri yang disenaraikan di atas, dapat dirumuskan bahawa tulisan Jawi memiliki ciri-ciri dan keistimewaannya yang tersendiri sehingga tulisan ini berbeza dengan tulisan-tulisan yang lain. Lebih istimewa lagi tulisan ini terhasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada skrip bahasa asing iaitu bahasa Arab, Parsi dan beberapa huruf ciptaan Melayu yang mampu digunakan untuk mengeja perkataan bagi bahasa Melayu.

2.4 PENGARUH BAHASA ARAB KE DALAM BAHASA MELAYU

2.4.1 Latar belakang Bahasa Arab

Bahasa Arab berasal dari rumpun bahasa Semitik yang digunakan secara meluas oleh orang-orang yang tinggal di kawasan Afrika Utara, sebahagian Semenanjung Arab dan beberapa bahagian di Timur Tengah. Abjad tulisan Arab berasal dari abjad bahasa Aramia yang asalnya hanya digunakan untuk tulisan Arab sahaja. Namun dengan penyebaran Islam ke sebelah Timur, abjad ini telah menjadi abjad kepada sistem tulisan bahasa-bahasa lain seperti Parsi, Turki, Sepanyol, Swahili dan juga Bahasa Melayu (Engku Ibrahim & Abd. Ghani. 1988).

Osman (1988) menyenaraikan tujuh keistimewaan yang terdapat pada bahasa Arab. Antaranya ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Bahasa yang kuat dan ringkas.
ii. Bahasa "*ijaz*" iaitu bahasa yang ringkas.
iii. Bahasa yang menerima "*isytiqaq*" iaitu boleh dipecahkan serta dibentuk beberapa pecahan atau sampingan daripada satu kata dasar. Oleh itu ia kaya dengan perbendaharaan kata.
iv. Bahasa yang boleh ditukar ganti kedudukan hurufnya dari pangkal ke tengah dan ke hujung bagi membolehkan berlaku perubahan kepada pengertiannya.
v. Bahasa yang kaya dengan unsur kata-kata hikmah dan mampu mencerna pengertian yang mendalam.

Bahasa Arab mengandungi jumlah 29 huruf yang dikenali sebagai huruf *hijaiyyah*. Bunyi-bunyi bahasa (huruf) tersebut mempunyai tempat-tempat keluarnya pada alat ucapan yang dikenali dengan istilah *makhraj huruf*. Menurut *Pedoman Umum Sebutan Baku Bahasa Melayu* (1991) kata serapan daripada bahasa Arab yang sudah menjadi kata umum, dilafazkan sesuai dengan sebutan kata-kata jati dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa Melayu namun kata serapan daripada bahasa Arab yang berupa bahasa istilah agama mestilah dilafazkan berdasarkan peraturan bahasa sumber. Dalam hal ini Lubis (2002) menjelaskan, terdapat beberapa kesulitan dalam pengambilan atau pengadaptasian bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu terutama dalam penulisannya. Hal ini disebabkan ejaan (huruf) bahasa Melayu tidak cukup untuk melambangkan semua bunyi huruf-huruf Arab tersebut. Oleh itu terjadilah banyak perubahan bunyi atau bentuk.

Azhar dan Ahmad Kilani (2002) berpendapat pengaruh bahasa Arab terhadap bahasa Melayu amat ketara sekali. Bahasa Arab telah meninggalkan kesan yang besar terhadap bahasa Melayu sehingga mencakupi setiap perbahasan bahasa seperti kaedah sebutan, bunyi, penulisan, perbendaharaan kata dan sebagainya. Begitu juga keadaannya dengan tulisan Jawi yang terbentuk hasil daripada abjad-abjad Arab. Kebanyakan daripada perbendaharaan kata Melayu juga berasal daripada perkataan-perkataan Arab yang digunakan secara meluas hingga kini. Bahkan pengaruh bahasa Arab juga telah meresapi struktur ciri-ciri tatabahasa Melayu. Dalam membincangkan perkara yang sama, Osman (1988) membahagikan tahap pengaruh bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu kepada dua peringkat iaitu peringkat sebelum merdeka dan peringkat selepas merdeka. Pengaruh bahasa Arab amat besar sekali pada peringkat sebelum merdeka berbanding selepas merdeka, iaitu apabila huruf-huruf Arab digunakan dengan meluas dalam tulisan Jawi. Ketika itu tulisan Jawi telah digunakan sebagai medium penulisan dalam urusan rasmi kerajaan dan urusan yang tidak rasmi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain keistimewaan yang telah dinyatakan, Abd. Rahman (2008) pula menyenaraikan tiga ciri penting tulisan Arab untuk tujuan penulisan bahasa lain, iaitu:

i. hendaklah menggunakan huruf Arab dengan sebutan asalnya kerana terdapat banyak persamaan antara sebutan bahasa Arab dengan keperluan bahasa lain. Dalam bahasa Melayu, huruf Arab dengan sebutan asal digunakan untuk mengeja perkataan-perkataan yang berasal dari bahasa Arab dan perkataan yang berkaitan dengan agama Islam. Contohnya perkataan solat dieja dengan صلاة bukan صلات.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. hendaklah mengekalkan kedudukan susunan huruf Arab iaitu *tha* (ث), *kha* (خ), *dzal* (ذ), *dhad* (ض), *za* (ز) dan *ghain* (غ) seperti kedudukan asal walaupun huruf-huruf tersebut sebenarnya tidak digunakan dalam bahasa setempat.

iii. hendaklah menambah huruf sedia ada dengan huruf baru demi memenuhi keperluan bahasa mereka. Penambahan huruf bagi tulisan Jawi untuk bahasa Melayu ialah huruf *ca* (چ), *pa* (ڤ), ga (ݢ), *nga* (ڠ) *nya* (ڽ) dan *va* (ۏ). .

Merujuk kepada perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa bahasa Arab telah banyak mempengaruhi perbendaharaan kata bahasa Melayu dan kemunculan penulisan berunsur agama adalah kesan langsung daripada perkembangan Islam di Nusantara. Sebagai bahasa yang sinonim dengan agama Islam, pembelajaran bahasa Arab juga secara tidak langsung menjurus kepada pembelajaran berkaitan keagamaan. Oleh itu, penggunaan tulisan Jawi sebagai medium penyampaian bahasa Melayu secara bertulis telah mempercepatkan lagi kemasukan unsur-unsur Islam dalam penulisan termasuk karya kreatif yang dihasilkan oleh golongan ulama tradisional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2 Fonem Jawi

Fonem bererti unit terkecil yang berfungsi dalam sesuatu bahasa atau secara umumnya disebut sebagai bunyi bahasa. Dalam bahasa Melayu terdapat sebanyak 24 fonem asli yang terdiri daripada enam vokal, 18 konsonan, sembilan fonem pinjaman dan tiga fonem geluncuran. Enam fonem vokal tersebut ialah (a, e, e (ə), o, u) manakala 18 fonem konsonan ialah (b, c, d, g, h, j, k, l, m, n, ny, ng, p, r, s, t, w, dan y) dan tiga fonem geluncuran (ai, au, oi) pula disebut diftong (Nik Safiah et al. 2008). Fonem-fonem Jawi yang digunakan dalam tulisan Jawi terdiri daripada dua jenis, iaitu fonem yang diambil secara langsung dari Al-Quran (fonem Arab) dan fonem yang dihasilkan kemudian bagi melambangkan beberapa fonem Melayu yang tidak ada lambangnya dalam fonem asli Arab. Fonem-fonem tulisan Jawi berasal daripada fonem-fonem Arab kecuali lima fonem iaitu *c, ny, g, ng* dan *p*. Nama kesemua fonem Arab tersebut kekal dalam nama Arabnya kerana tidak sukar bagi orang Melayu menyebut fonem-fonem tersebut samada ia berada pada suku kata awal, suku kata tengah, suku kata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akhir dan berbaris atau tidak. Oleh sebab itu, kebanyakan fonem-fonem Arab itu dapat dipindahkan ke bahasa Melayu walaupun tidak mengikut prinsip fonemik Melayu sama ada perkataan itu berkait dengan agama atau dengan kehidupan dalam masyarakat Melayu. Berhubung dengan perkataan yang berulang sebutan fonemnya iaitu fonem yang pertamanya senyap, tidak berbaris (dalam bahasa Arab disebut *tasydid*) seperti perkataan "*madarrat*" (pengulangan "ر") iaitu Melayunya "*mudharat*", tidaklah secocok dengan lidah Melayu, meskipun ia boleh dituturkan (Zulkifli 1958 dan Engku Ibrahim & Abd. Ghani (1988).

Keadaan yang serupa juga terdapat dalam bahasa Melayu yang dieja dalam tulisan Rumi iaitu pada perkataan-perkataan yang menyamai fonem-fonem *ng* dan *g*, di mana digandakan fonem-fonem *ng* untuk *nga* dan *g* untuk *ga*. Contohnya:

langgar (لڠݢر)	hinggap (هيڠڬڤ)
manggis (مڠڬيس)	menggigit (مڠڬيڬيت)
menanggung (منڠڬوڠ)	menenggelamkan (منڠڬلمكن)
menunggu (منو ڠڬو)	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, menurut Za'ba (1941) pada dasarnya orang Melayu memang boleh melafazkan fonem-fonem Arab dengan betul mengikut prinsip fonemik. Walau bagaimanapun, pandangan ini berbeza dengan pandangan Amat Juhari (2006) yang menyatakan tulisan Jawi yang dipakai untuk bahasa Melayu telah mula disesuaikan dengan keperluan kegunaannya dalam bahasa Melayu kerana huruf-huruf Arab yang ada itu tidak dapat melambangkan beberapa fonem Melayu seperti /ng/, /ny/, /p/, /g/, /c/. Oleh sebab itu, huruf-huruf baru telah dicipta untuk melambangkan fonem-fonem Melayu dengan cara menggunakan "rumah" huruf Arab juga tetapi ditambah jumlah titik-titiknya bagi membezakan lambang fonem Melayu. Enam fonem Melayu yang terhasil daripada bahasa Arab ialah:

ny (ڽ) daripada *nun* (ن) untuk fonem [ɲ]

pa (ڤ) daripada *fa* (ف) untuk fonem [p]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ga (ݢ) daripada *kaf* (ك) untuk fonem [g]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nga (ڠ) daripada *ain* (ع) untuk fonem [ŋ]

ca (چ) daripada *ha* (ح) untuk fonem [c]

va (ڤ) daripada *wau* (و) untuk fonem [v]

Daripada bentuk yang ditunjukkan di atas, jelas bahawa huruf-huruf Jawi yang dicipta ini sebenarnya menggunakan "rumah" huruf-huruf Arab dan aspek yang membezakannya adalah pada jumlah titik sahaja.

Tulisan Jawi pada asasnya, menyamai tulisan Rumi kerana kedua-duanya mempunyai fonem vokal dan fonem konsonannya. Tulisan Jawi mengandungi tiga fonem vokal iaitu "*alif*" (ا), "*wau*" (و) dan "*ya*" (ي). Ketiga-tiga fonem tersebut boleh melambangkan bunyi-bunyi vokal bahasa Melayu seperti berikut:

Huruf Jawi	Bunyi vokal bahasa Melayu
ا	a
و	u/o
ي	e/ə/i

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Huruf *alif* (ا) melambangkan bunyi vokal *a,* manakala huruf *wau* (و) melambangkan dua bunyi vokal iaitu bunyi *u* dan bunyi *o*. Begitu juga dengan huruf *ya* (ي) yang mewakili vokal e, dan *i* dalam bahasa Melayu. Secara terperinci, huruf-huruf Jawi tunggal dari segi bentuk nama huruf dan padanan huruf Ruminya disenaraikan dalam Jadual 2.1 di bawah:

Jadual 2.1 Senarai huruf Jawi, nama dan padanan Rumi

Bil	Bentuk tunggal	Nama & sebutan huruf Jawi	Padanan huruf Rumi
1.	ا	alif	a
2.	ب	ba (k)	b
3.	ت	ta (k)	t
4.	ة	ta (k) marbutah	t, h
5.	ث	tha (k)	s, th
6.	ج	jim	j
7.	چ	ca	c

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

...sambungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

8.	ح	ha (k)	ḥ
9.	خ	kha (k)	kh
10.	د	dal	d
11.	ذ	tzal/zal	dh
12.	ر	ra (k)	r
13.	ز	zai	z
14.	س	sin	s
15.	ش	syin	sy
16.	ص	sad	ṣ
17.	ض	dad	ḍ
18.	ط	ta (k)	ṭ
19.	ظ	za (k)	ẓ
20.	ع	ain	‘
21.	غ	ghain	gh
22.	ڠ	nga	ng
23.	ف	fa (k)	f
24.	ڤ	pa	p
25.	ق	qaf	k, (q)
26.	ك	kaf	k
27.	ک	ga	g
28.	ل	lam	l
29.	م	mim	m
30.	ن	nun	n
31.	و	wau	u, o, w
32.	ڤ	va	v
33.	ه	ha	h
34.	ء	hamzah	k, (‘)
35.	ي	ya(k)	i, e, y
36.	ى	ye	e (akhir)
37.	ڽ	nya	ny

Sumber: Hamdan Abdul Rahman 1999

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.3 Fonem Arab

Fonem Arab ialah fonem yang terkandung dalam sistem tulisan Arab. Fonem ini mempunyai perkaitan langsung dengan tulisan Jawi kerana tulisan tersebut telah dihasilkan dengan menggunakan semua fonem yang ada dalam fonem Arab klasik, yang diambil terus tanpa sebarang pengubahsuaian. Menurut Amat Juhari (1996) fonem-fonem ini perlu diambil dan diserap ke dalam tulisan Jawi kerana terdapat banyak kata Arab yang dijadikan kata-kata Melayu dan kata-kata istilah agama yang turut dijadikan kata istilah dalam bahasa Melayu. Kata-kata ini menggunakan fonem-fonem Arab yang memerlukan lambang-lambang khusus dan lambang-lambang itu hanya ada dalam fonem Arab. Fonem tersebut ialah:

ث, ح, خ, ذ, ز, ش, ص, ض, ظ, ط, ع, غ, ف, ق

Jadual 2.2 di bawah menyenaraikan semua huruf Arab yang berjumlah 31 huruf dan padanannya dengan huruf Rumi:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.2 Senarai huruf Arab, nama dan padanan Rumi

Bil	Bentuk tunggal	Nama & sebutan huruf Jawi	Padanan tulisan Rumi
1.	ا	alif	a
2.	ب	ba (k)	b
3.	ت	ta (k)	t
4.	ث	tha (k)	s, th
5.	ج	jim	j
6.	ح	ha (k)	ḥ
7.	خ	kha (k)	kh
8.	د	dal	d
9.	ذ	tzal/zal	dh
10.	ر	ra (k)	r
11.	ز	zai	z
12.	س	sin	s
13.	ش	syin	sy
14.	ص	sad	ṣ
15.	ض	dad	ḍ

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

...sambungan

16.	ة	ta (k)	t
17.	ط	ta (k)	ṭ
18.	ظ	za (k)	ẓ
19.	ع	ain	‘
20.	غ	ghain	gh
21.	ف	fa (k)	f
22.	ق	qaf	k, (q)
23.	ك	kaf	k
24.	ل	lam	l
25.	م	mim	m
26.	ن	nun	n
27.	و	wau	u, o, w
28.	ه	ha	h
29.	لا	lam-alif	“ha”
30.	ء	hamzah	k, (‘)
31.	ي	ya(k)	i, e, y

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sumber: Hamdan Abdul Rahman 1999

2.4.4 Huruf Jawi

Menurut Za’ba dalam bukunya Rahsia Ejaan Jawi (1931):

> (*Ingat-Setengah bangsa ada huruf sendiri dari mula-mulanya dahulu bagi menuliskan bahasanya, iaitu direngkahnya sendiri atau dipindanya daripada tauladan bangsa lain, seperti huruf Sanskrit, huruf Rom (huruf Latin), huruf Greek (Yunani), huruf Arab dan lain-lain; dan setengah bangsa pula tiada berhuruf sendiri hanya mereka memakai huruf yang dipinjam daripada orang lain sahaja bagi menuliskan bahasanya, iaitu seperti huruf Inggeris, huruf Parsi, huruf Jawi (Melayu) kita ini dan lain-lain. Maka bahasa Parsi itu pada zaman dahulu kalanya ada hurufnya sendiri, iaitu huruf Palawi namanya, tetapi akhirnya huruf itu telah kalah oleh huruf yang dipinjam daripada Arab ialah yang dipakai mereka hingga sekarang ini, sekadarkan telah berlainan rupa bentuknya sedikit menjadi “khat Parsi”.*

Berdasarkan pandangan Za’ba tersebut, terbuktilah bahawa huruf-huruf yang terkandung dalam tulisan Jawi telah diambil secara langsung dari bahasa Arab. Hal ini bermaksud, semua 31 huruf Arab diterima pakai bentuk, nama dan fonemnya dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tulisan Jawi. Dalam hal ini, Omar (1979) menyatakan bilangan huruf Jawi ialah 34 dengan merujuk kepada bilangan huruf Jawi pada epigrafi tulisan Jawi tertua iaitu Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 702H/1303M. Daripada catatan yang terdapat pada prasasti ini, jelas sekali sudah lengkap terkumpul 34 huruf, iaitu 29 huruf Arab dan lima huruf tambahan hasil daripada ciptaan dan pinjaman daripada Parsi manakala Muhammad Sabudin (1985) dan Wan Ali (2006) pula menyatakan bilangan huruf Jawi adalah sebanyak 35 termasuk huruf *hamzah* dan *lam-alif.* Menurut Muhammad Bukhari et al. (2013) tulisan Jawi mempunyai 37 huruf yang terdiri daripada tiga huruf vokal dan 34 huruf konsonan. Bilangan ini bertambah, selaras dengan penambahan huruf ڤ (*va*) yang dihasilkan bagi melambangkan bunyi /*v*/. Seperti dibahaskan sebelum ini, huruf tambahan telah dicipta bagi melengkapi beberapa fonem yang tidak ada dalam bahasa Arab tetapi ada dalam bahasa Melayu atau disebut *ada pada lidah Melayu.* Bentuk dan nama huruf serta padanannya dengan huruf Rumi ditunjukkan dalam Jadual 2.3 berikut:

Jadual 2.3 Huruf gubalan Melayu dalam tulisan Jawi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Padanan huruf Rumi	Huruf yang digunakan	Nama huruf
1.	c	چ	ca
2.	ng	ڠ	nga
3.	g	ک	ga
4.	p	ڤ	pa
5.	ny	ڽ	nya
6.	v	ڤ	va

Jadual 2.3 menunjukkan huruf-huruf tambahan yang digubal oleh orang Melayu bagi melambangkan fonem yang tidak ada dalam huruf Arab. Empat daripada enam huruf tersebut adalah huruf gubalan yang diubahsuai dari huruf Arab bagi melengkapi keperluan fonem dalam bahasa Melayu, iaitu huruf ڠ(*nga*), ڤ (*pa*), ڽ (*tha*) dan ڤ (*va*) manakala dua huruf lagi iaitu huruf چ (*ca*) dan ک (*ga*) merupakan pinjaman daripada huruf Parsi (Wan Ali 2006).

Dalam membincangkan tentang kemunculan huruf Jawi gubalan Melayu dengan bentuk-bentuk tersebut, Al-Attas (1972) menyatakan:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


> *"Dengan tibanya Islam dalam kalangan orang Melayu dengan bertukarnya agama Hindu-Buddha-Animisma, kerajaan Melayu kepada Islam, maka telah diterima dan dijadikan sebagai kepunyaannya abjad dan tulisan Arab. Berdasarkan huruf-huruf Arab jim (ج), 'ayn (ع), fa (ف), kaf (ك), dan nun (ن). Lima huruf lambat laun tercipta, masing-masing menandakan bunyi-bunyi yang lazim pada bunyi lidah Melayu; cha (چ), nga (ڠ), pa (ڤ), ga (ݢ) dan nya (ڽ)".*

Berdasarkan pandangan di atas, huruf-huruf tambahan digubal berdasarkan lambang huruf-huruf Arab sendiri yang kemudiannya diubahsuai mengikut keperluan bahasa Melayu.

2.4.5 Pembahagian huruf Jawi

Menurut Za'ba (2009) perbincangan tentang bahagian huruf Jawi boleh dilihat daripada tiga bentuk. Pertama dari segi asal huruf Jawi, kedua dari segi sifat huruf dan ketiga dari segi bentuk huruf. Ringkasannya ditunjukkan dalam Rajah 2.4 di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.4 Pembahagian huruf Jawi

Dari segi asal huruf, setiap huruf Jawi terbahagi kepada tiga bahagian seperti berikut:

i. **Empat belas huruf Arab yang diterima oleh lidah Melayu jati** sebab memang sudah ada bunyinya dalam bahasa Melayu. Huruf-huruf tersebut ialah:

ا ب ت ج د ر س ك ل م ن و ه ي

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. **Empat belas huruf Arab yang tiada diterima oleh lidah Melayu jati** sebab tiada bunyinya dalam bahasa Melayu. Huruf-huruf tersebut ialah:

ث ح خ ذ ز ش ص ض ط ظ ع غ ف ق.

iii. **Lima huruf yang bukan Arab**, digubal atau dipinjam dari Parsi bagi menghurufkan asal bunyi Melayu yang tiada pada lidah Arab.

Pembahagian dari segi sifat huruf pula mengelompokkan huruf Jawi kepada tiga kelompok iaitu huruf benar, huruf salah dan huruf saksi. Pembahagian ini melibatkan tiga tiga huruf sahaja iaitu huruf ا و ي.

i. Huruf benar

Huruf benar ialah semua huruf, selain huruf ا و ي. Oleh itu jumlahnya sebanyak 28 huruf.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Huruf salah

Walaupun huruf ا و ي tersenarai sebagai huruf benar, namun ada waktunya huruf-huruf tersebut akan menjadi huruf salah.

iii. Huruf saksi

Ada waktunya huruf ا و ي akan menjadi huruf saksi iaitu dalam keadaan huruf-huruf tersebut tidak berfungsi sebagai huruf benar dan huruf salah.

Sementara itu pembahagian mengikut bentuk huruf akan menemukan dengan bentuk huruf terdiri (tegak) dan huruf terbaring. Pembahagian ini dibuat berdasarkan keadaan atau bentuk huruf-huruf tersebut dalam penulisannya.

i. Huruf terdiri (tegak)

Huruf-huruf yang berkeadaan tegak dalam penulisannya. Huruf-huruf tersebut ialah ا ط ظ ك ڬ ل.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Huruf terbaring

Huruf-huruf yang berkeadaan terbaring dalam penulisannya. Huruf-huruf tersebut ialah ب ت ث ج ح چ خ د ذ ر ز س ش ص ض ع غ ڠ ف ڤ ق م ن و ه ي ث.

Pembahagian ini amat membantu ketika menulis Jawi kerana pengetahuan tentang perkara ini dapat mengelakkan daripada berlaku kesalahan penulisan bentuk huruf apabila membentuk sesuatu perkataan. Hal ini demikian kerana, ada huruf yang kekal bentuknya apabila disambung dan sebaliknya ada yang akan berubah bentuk. Huruf yang kekal bentuk tersebut ialah huruf ت ث د ذ ر ز ف ڤ ق ن و ه ي ث manakala huruf yang berubah bentuk apabila bersambung ialah huruf ط ظ ك ک ا ج ح چ خ س ش ص ض ڠ ع غ dan م.

2.4.6 Bentuk tulisan Jawi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Abjad Jawi yang dinyatakan dalam *Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan* (1996) ialah 35 huruf iaitu mencakupi 33 abjad daripada *Daftar Ejaan Za'ba* dan dua abjad tambahan iaitu *wa* (ۏ) untuk melambangkan konsonan /v/ dan abjad ء (*hamzah*) untuk melambangkan konsonan hentian glotis /?/ apabila berada pada awal suku kata dan dalam perkataan Arab, dan ciri bunyi nasalisasi jika antara dua konsonan, dan ciri bunyi geluncuran jika antara dua vokal. Hashim (2006) mengelompokkan abjad-abjad Jawi yang berjumlah 35 itu kepada tiga kelompok iaitu:

i. Kelompok A ialah huruf perangkai iaitu huruf-huruf yang terdiri daripada abjad yang boleh dirangkaikan sesama sendiri dan dengan abjad-abjad lain selepasnya. Huruf-huruf perangkai ialah: ب ت ث ج ح چ خ س ش ص ض ط ظ ع غ ڠ ف ڤ ق ك ک ل م ن ه ي ن

ii. Kelompok B ialah huruf pemutus yang terdiri daripada huruf yang boleh dirangkaikan dengan huruf-huruf dalam kelompok A sebelumnya tetapi tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan huruf yang selepasnya. Huruf-huruf yang terkandung dalam kelompok ini ialah:ا د ذ ر ز و ؤ

iii. Kelompok C ialah huruf berumah yang terdiri daripada abjad ء (*hamza*h) yang tidak boleh dirangkaikan dengan sebarang abjad dan melambangkan sama ada hentian glotis apabila berada pada awal suku kata, sebagai ciri nasalisasi jika hadir antara konsonan dan sebagai ciri penggeluncuran apabila terletak antara vokal.

Di samping tiga kelompok di atas, Muhammad Roihan (2008) menambah satu kelompok lagi iaitu:

iv. Kelompok D-Huruf penghujung iaitu huruf yang hanya digunakan di akhir kata. Huruf tersebut ialah huruf *ta marbutah* (ۃ) dan *ya* atau *alif maksurah* (ى) yang digunakan untuk huruf /e/.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bentuk huruf Jawi akan berubah mengikut kedudukan huruf tersebut dalam perkataan yang ditulis sama ada di permulaan, di tengah atau di akhir. Sistem tulisan ini tidak mempunyai huruf besar atau huruf kecil seperti tulisan Rumi tetapi perubahan bentuk huruf berlaku bagi beberapa huruf tertentu apabila dirangkaikan dengan huruf lain dalam penulisan sesuatu perkataan (Ismail 1996). Berdasarkan kelompok bentuk huruf-huruf Jawi, jelas menunjukkan bahawa kebanyakan huruf-huruf Jawi berubah sifat tunggalnya apabila berangkai dengan huruf lain mengikut kedudukannya, sama ada di pangkal, di tengah atau di hujung rangkaian. Huruf-huruf berkepala diambil kepalanya sahaja ketika berangkai, huruf-huruf berbadan akan diambil badannya sahaja dan hanya dibezakan menerusi titiknya sahaja. Huruf yang berekor pula hanya dikekalkan ekornya apabila huruf itu tunggal atau berada di hujung rangkaian perkataan (lihat Za'ba 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


2.4.7 Sejarah perkembangan sistem ejaan Jawi lama kepada Sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan (SEJYD)

Bahasa yang hidup tidak bersifat statik; sebaliknya terus berkembang dan terus maju sesuai dengan perkembangan kehidupan penggunanya. Ejaan Jawi dalam bahasa Melayu telah mengalami perkembangannya dari semasa ke semasa dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh para pejuang bahasa ke arah menghasilkan bentuk ejaan yang bersifat tekal menerusi perkembangan dan perancangan bahasa Melayu. Bukti perkembangan ini dapat dilihat daripada pernyataan Md. Said (1936) selaku penyusun *Panduan Bagi Hejaan P.Bm.P.B.* yang telah membahagikan ejaan Melayu kepada lima jenis iaitu Ejaan lama, Ejaan tua, Ejaan baharu, Ejaan Arab dan Ejaan Kemelayuan seperti yang telah diterangkan dalam Bab 1.

Kajian-kajian yang dijalankan terhadap sistem ejaan dalam pelbagai bahasa menunjukkan bahawa terdapatnya perubahan demi perubahan dalam sesuatu sistem ejaan tersebut sebelum menjadi ejaan yang tekal. Menurut Ding & Roosfa (2006) seperti sistem ejaan Rumi, ejaan Jawi juga telah berubah dari semasa ke semasa. Perubahan ini boleh dilihat daripada perbandingan ejaannya dalam manuskrip Melayu sebelum abad ke-19 dengan Sistem Ejaan Jawi Yang Disempurnakan. Perbezaan tersebut juga dapat ditelusuri dalam pedoman tulisan Jawi yang pernah digunapakai di Tanah Melayu seperti *Sistem Ejaan Jawi Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Diraja Johor/Ejaan Pakatan* (1936), *Daftar Ejaan Melayu Jawi Rumi* (1949), *Ejaan Dian* (1970) dan *Daftar Ejaan Rumi-Jawi* (1988). Dalam hal ini menurut Raja Masittah (1987) masalah ejaan dan pertikaian yang timbul tentang sistem ejaan bukanlah gejala yang tidak baik, sebaliknya ia menunjukkan masyarakat sentiasa menumpukan fikiran ke arah usaha menyesuaikan sistem tulisan dengan perkembangan yang dialami bahasa itu. Sehubungan itu, Hashim (2006) menyatakan terdapat perbezaan yang ketara dalam sistem ejaan Jawi dahulu dengan sistem ejaan Jawi kini. Perbezaan ini terhasil menerusi perkembangan yang telah membawa perubahan kepada sistem ejaan Jawi itu sendiri. Pernyataan ini dapat dibuktikan menerusi pandangan Kang (1986) dan Amat Juhari (2001) yang menyatakan bahawa ejaan tulisan Jawi telah mengalami empat tahap sistem ejaan iaitu ejaan pengaruh Arab berbaris, ejaan pengaruh Arab tanpa baris (Arab gondol), ejaan pengaruh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melayu tahap pertama dan ejaan pengaruh Melayu tahap kedua. Walau bagaimanapun, dalam hal ini, Amat Juhari menyatakan empat tahap tersebut bukanlah berlaku secara terpisah malahan ada ketikanya dalam sesebuah teks lama menggunakan lebih dari satu bentuk ejaan tersebut (Amat Juhari 2012). Dengan lain perkataan, sistem ejaan ini dipakai secara bercampur-campur. Beliau menamakan sistem ejaan yang pernah dipakai dalam tradisi penulisan Melayu kepada sepuluh sistem seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.5 berikut:



Rajah 2.5 Sistem ejaan Jawi dalam penulisan bahasa Melayu

Sumber: Amat Juhari Moain 2001

Perkembangan sistem ejaan Jawi di Kepulauan Melayu dari abad ke-10 hingga abad ke-17 dapat dikesan dalam manuskrip-manuskrip yang ditulis dalam tempoh waktu tersebut. Perubahan-perubahan ini misalnya, dapat dilihat menerusi penelitian Hashim (2006) terhadap batu nisan *Ahmad Majnun* (1467-68), *Surat Raja Ternate kepada Raja Portugal* (1521), *Hikayat Bayan Budiman* (1600), *Surat Sultan Perkasa Alam Johan Berdaulat Acheh* (1615), dan *Undang-undang Laut Melaka* (1655). Begitu juga halnya dengan sistem ejaan Jawi abad ke-18 yang dapat dilihat dalam kajian terhadap *Hukum Qanun Melaka* (1761), *Bidayah al-Hidayat* (1757) dan *Hidayat al-Salikin* (1778) serta sistem ejaan Jawi abad ke-19 menerusi *Bustan al-Salatin* (1815), *Kitab Pengetahuan Bahasa* (1858) dan *Kitab Pemimpin Johor* (1878). Berdasarkan penelitian yang dibuat Hashim (2006) terhadap semua bahan di atas,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

didapati wujud perbezaan yang ketara dalam sistem ejaan Jawi dahulu dengan sistem ejaan Jawi kini. Perubahan dalam sistem ejaan Jawi memperlihatkan kesan daripada dua pengaruh utama iaitu pengaruh Arab dan pengaruh Melayu. Kedua-dua pengaruh ini boleh dibahagikan kepada empat tahap berdasarkan pandangan Kang (1990 & 1995). Tahap-tahap pengaruh Arab dan Melayu dalam tulisan Jawi diringkas seperti Jadual 2.4 berikut:

Jadual 2.4 Tahap pengaruh Arab dan Melayu dalam ejaan Jawi

Pengaruh	Tahap	Kaedah ejaan
Arab	Tahap 1	Menggunakan tanda-tanda baris bagi mengeja perkataan Melayu asli ataupun kata bahasa Arab yang dipinjam
	Tahap 2	Menggunakan huruf vokal tetapi tanda-tanda baris digugurkan (dikenali sebagai tulisan Arab tanpa baris/gondol)
Melayu	Tahap 1	Menggunakan huruf vokal pada suku kata pertama
	Tahap 2	Menggunakan huruf vokal pada kedua-dua suku kata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 2.5, perkembangan sistem ejaan Jawi dalam bahasa Melayu telah mengalami empat tahap (Amat Juhari 1991 & 1994, Kang 1990 & 1995 dan Hashim 2006). Walau bagaimanapun, Amat Juhari (1991& 1994) dan Hashim (2006) bersetuju bahawa tahap tersebut tidak berlaku secara terpisah.

i. Tahap pertama ialah mengikut sistem ejaan Arab sepenuhnya iaitu ejaan Jawi menggunakan tanda diakritik. Contoh:

مَكَ (maka) اَدَ (ada)

جِكَ (jika) اِتُ (itu)

iii. Tahap kedua ialah dipengaruhi oleh sistem ejaan Arab (Arab gondol) iaitu mengekalkan ejaan serta huruf-huruf yang sedia ada tetapi menghilangkan tanda diakritik yang lain. Contoh:

مك (maka) اد (ada)

جك (jika) ات (itu)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sistem ejaan Jawi peringkat ini mendatangkan banyak kesukaran kerana banyak perkataan mempunyai ejaan yang sama tetapi lafaz yang berlainan. Dalam istilah linguistik perkataan ini dikenali sebagai homograf. Natijah daripada sistem ejaan ini telah menghasilkan sistem ejaan Jawi pengaruh Melayu iaitu mempunyai huruf vokal bagi menggantikan tanda diakritik seperti dalam tahap ketiga dan keempat berikut:

iv. Tahap ketiga ialah sistem ejaan Jawi pengaruh Melayu iaitu pengwujudan huruf-huruf vokal. Ada tiga huruf benar Arab dijadikan huruf vokal selain mengekalkannya sebagai huruf benar iaitu huruf-huruf *alif* (ا), *wau* (و) dan *ya* (ي). Huruf-huruf vokal hanya dimasukkan pada suku kata pertama. Contoh:

ايت (itu) اين (ini)

سوك (suka) قول (pula)

iv. Tahap keempat ialah sistem ejaan Jawi pengaruh Melayu dengan penambahan huruf vokal pada suku kata kedua di samping mengekalkannya pada suku kata pertama. Contoh:

لاكي (lagi) قولا (pula)

بيتا (beta) جومڤا (jumpa)

داري (dari) لاكو (laku)

لاكا (laga) لاكي (laki)

Penelitian terhadap tulisan Jawi dalam manuskrip lama pula, mendapati terdapat beberapa jenis sistem ejaan Jawi yang digunakan dalam manuskrip-manuskrip Melayu lama. Menurut Amat Juhari (1996) sistem ejaan yang digunakan ialah sistem campuran iaitu dalam satu-satu teks terdapat beberapa jenis ejaan iaitu ada perkataan yang dieja mengikut ejaan pengaruh Arab tahap pertama dan kedua. Di samping itu, terdapat juga perkataan yang dieja dengan menggunakan ejaan pengaruh Melayu tahap pertama dan kedua. Selain ejaan, terdapat juga perbezaan dari segi bentuk huruf-huruf Jawi Melayu yang digunakan dalam ejaan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian berhubung sistem ejaan Jawi dalam manuskrip Melayu lama masih belum dibahaskan secara meluas dan terperinci sehingga kini. Kajian-kajian lepas kelihatan lebih cenderung kepada kajian teks, iaitu berhubung penaskhahan dan isi kandungan dalam sesebuah manuskrip. Menurut Ismail (2009) secara umumnya, kajian melibatkan tulisan Jawi boleh dikelompokkan kepada beberapa bidang iaitu kajian daftar-istilah Bahasa Melayu, kajian aksara tulisan Jawi, kajian perkembangan sistem ejaan dan tulisan Jawi, kajian aplikasi dan kajian kaedah pengajaran dan pembelajaran Jawi. Justeru perbincangan di bahagian berikutnya, akan menghuraikan secara ringkas kelompok kajian tersebut.

2.5 KAJIAN LEPAS BERKAITAN TULISAN JAWI

Terdapat beberapa kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain dalam bidang Jawi. Kajian-kajian tersebut boleh dikategorikan kepada kelompok berikut iaitu (i) kajian berkaitan aksara Jawi dan (ii) kajian berkaitan aplikasi tulisan Jawi dalam pendidikan. Antara kajian-kajian ini, kajian dalam kelompok kedua yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi paling digemari oleh para pengkaji terutama daripada kalangan guru Pendidikan Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.1 Kajian berkaitan aksara Jawi

Kajian berkaitan aksara Jawi ialah kajian yang dijalankan dengan tujuan untuk melihat perkembangan aksara Jawi daripada bentuk asal sehingga bentuk rasmi yang diterima pakai kini. Wan Ali (1996) contohnya, telah mengkaji tentang asal usul tulisan Jawi serta proses perkembangannya dari awal abad ke-14M hingga akhir abad ke-19M berdasarkan *Batu Bersurat Terengganu*, *Batu Nisan Raja Fatimah* dan *'Aqa'id al-Nasafi*. Dapatan kajian itu merumuskan, terdapat bukti yang jelas bahawa tulisan Jawi telah tercipta selepas kedatangan Islam ke Alam Melayu dan perkembangannya berjalan seiring dengan proses perkembangan Islam di rantau ini. Penyelidikan tersebut juga telah membuktikan semua huruf Arab telah diterima orang Melayu sebagai asas penciptaan huruf Jawi. Penerimaan semua huruf Arab memang boleh dijangkakan kerana bentuk itu menjadi huruf yang dominan dalam masyarakat Islam. Di samping itu, huruf Parsi juga telah memberi sumbangan ke arah penciptaan huruf

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jawi. Selain huruf Arab, terdapat lima huruf baharu iaitu *ca* (چ), *pa* (ڤ), ga (ک), *nga* (ڠ) dan *nya* (ڽ). Huruf *ca* (چ) dan *ga* (ک) dipercayai telah dipinjam daripada skrip Parsi kerana wujud hubungan yang rapat antara masyarakat dan budaya Parsi dengan rantau Alam Melayu pada zaman lampau. Penerimaan huruf Arab dan Parsi bukan sahaja kesan daripada sejarah kedatangan Islam ke rantau ini, tetapi juga merupakan pengaruh interteks budaya Islam ke dalam budaya Melayu. Di samping itu, masyarakat Melayu juga mampu mencipta huruf tambahan iaitu *pa* (ڤ), *nga* (ڠ) dan *nya* (ڽ), untuk memenuhi keperluan menulis bahasanya.

Dapatan kajian Wan Ali (1996) juga telah membuktikan bahawa penggunaan titik pada beberapa huruf Jawi terutama sekali *pa* (ڤ), dan *ga* (ک) adalah tidak seragam. Dapatan ini mencerminkan bahawa memang berlaku proses perkembangan dalam penggunaan bentuk huruf Jawi. Huruf-huruf tersebut memakai titik yang berbeza-beza jumlahnya. Keadaan ini berlaku kerana tradisi penulisan tangan pada zaman lampau amat terdedah kepada sikap individu yang menulis, kerana ada yang menulis dengan cermat dan ada pula yang menulis dengan pantas menyebabkan titik pada huruf tidak diletakkan dengan jelas. Huruf *fa* (ف) dalam skrip Jawi sememangnya menggunakan satu titik sahaja seperti bentuk asalnya dalam skrip Arab sebaliknya, huruf *pa* (ڤ) yang merupakan satu huruf baharu dalam skrip Jawi yang mempunyai pelbagai variasi, tetapi dari segi penggunaan, bentuk yang lazim digunakan ialah satu titik sahaja. Keadaan seperti ini boleh menimbulkan kekeliruan kerana kedua-dua huruf, *pa* (ڤ) dan *fa* (ف) menggunakan jumlah titik yang sama, iaitu satu titik di atas kepala huruf ataupun huruf *pa* (ڤ) tidak wujud sebagai suatu huruf tersendiri, hanya sebagai suatu variasi kepada huruf *fa* (ف) apabila mengeja perkataan Melayu. Namun begitu, kajian tersebut menunjukkan bahawa huruf *pa* (ڤ) memang wujud sebagai satu huruf tersendiri dalam skrip Jawi, dengan memakai tiga titik di atas kepala kerana bentuknya agak banyak digunakan dalam manuskrip Melayu. Bentuk yang paling ringkas dan mudah ditulis, iaitu bentuk bertitik satu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi pilihan penulis Melayu, tetapi apabila dibaca huruf itu tetap berfungsi sebagai huruf *pa* (ڤ).

Mengenai huruf *ga* (ݢ) pula, didapati berbagai-bagai variasi jumlah titik digunakan iaitu di atas atau di bawah huruf dengan berbagai-bagai titik. Mengikut anggapan umum, huruf *ga* (ݢ) seharusnya mempunyai satu titik di atas huruf. Kajian Wan Ali (1996) turut mendapati lambang huruf *ga* (ݢ) yang paling kerap digunakan ialah variasi tanpa titik. Namun begitu, walaupun variasi tanpa titik merupakan variasi yang paling banyak digunakan dalam manuskrip Melayu, tetapi variasi sedemikian tidak boleh dianggap sebagai bentuk rasmi huruf *ga* (ݢ), sebaliknya hanyalah mencerminkan kegagalan para penulis manuskrip Melayu sahaja. Bentuk kedua yang digemari ialah variasi bertitik satu di bawah huruf. Sementara itu, bentuk huruf *ga* (ݢ) yang diiktiraf pada masa ini ialah variasi bertitik satu di atas huruf dan merupakan variasi ketiga paling digemari oleh penulis Melayu. Variasi ini dominan hanya pada abad ke-19M. Sekiranya dilihat berdasarkan prinsip penggunaan, adalah lebih wajar variasi kedua paling banyak digunakan dalam penulisan manuskrip Melayu, iaitu huruf *ga* (ݢ) bertitik satu di bawah huruf dan dianggap sebagai bentuk rasmi. Tambahan pula, huruf ini lebih mudah ditulis, sesuai dengan prinsip pemudahan tenaga.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Noor Zanariyah (1996) pula mengkaji penggunaan aksara Jawi dalam abad ke-18 berdasarkan teks *Undang-undang Kedah*. Kajian mendapati struktur ejaan dan tulisan Jawi pada abad ke-18 belum begitu mantap dari segi peraturannya. Namun, penggunaan huruf-huruf ciptaan Melayu seperti huruf *nya* (ڽ), *ng* (ڠ), *ca* (چ), *pa* (ڤ) dan *ga* (ݢ) telah digunakan sepenuhnya secara teratur dan lebih konsisten berbanding abad-abad sebelumnya. Selain itu, penggunaan vokal dan angka dua Arab (٢) juga memperlihatkan persamaan dengan bentuk ejaan dalam Sistem Ejaan Jawi yang Disempurnakan (SEJYD). Bagi sistem ejaan pula, kajian tersebut mendapati wujud ejaan yang tidak konsisten kerana terdapat sekurang-kurangnya dua cara ejaan dalam mengeja sesuatu perkataan dan terdapat juga satu perkataan yang boleh dibaca dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lebih daripada satu sebutan. Misalnya: اڠکو boleh dibaca dengan *engkau* dan *engku*. Namun begitu, sistem ejaan Jawi yang ada di dalam *Undang-undang Keluarga* tidak menunjukkan perbezaan ketara jika dibandingkan dengan sistem ejaan Jawi pada abad ke-16 dan sistem ejaan Jawi kini (SEJYD). Kajian ini juga mendapati ejaan Jawi yang digunakan dalam *Undang-undang Keluarga* adalah seperti ejaan tahap ketiga dan keempat mengikut pembahagian yang dibuat oleh Kang (1986) iaitu penghilangan tanda *tasydid* (tahap ketiga) dan tidak terdapat lagi unsur-unsur Arab (tahap keempat). Namun, adalah agak sukar untuk menyatakan sistem ejaan Jawi dalam teks ini berada pada tahap yang khusus kerana terdapat percampuran dalam tahap-tahap perkembangan ejaannya.

Kajian lain berhubung aksara Jawi ialah kajian oleh Zarirah (1996) yang meneliti aspek-aspek morfologi, sintaksis, perbendaharaan kata dan tulisan Jawi dalam teks *Undang-undang Kedah* yang ditulis dalam abad ke-17 (1650M). Aspek sistem ejaan Jawi itu dilihat dari sudut bentuk huruf, cara penulisan, perlambangan vokal, pengwujudan vokal, pengejaan diftong dan pengejaan deretan vokal. Aspek morfologi pula meliputi golongan kata dan bentuk kata, manakala aspek sintaksis merangkumi ayat tunggal dan ayat majmuk. Di samping itu, kajian tentang perbendaharaan kata adalah menjurus kepada kata pinjaman, kata arkaik (kuno) dan kata-kata yang digunakan sebagai mata wang dan sistem ukuran. Analisis terhadap tulisan dan ejaan Jawi dalam teks tersebut memperlihatkan beberapa persamaan dan perbezaan antara ejaan Jawi abad ke-17 dengan ejaan dalam SEJYD. Kajian turut mendapati bahawa kaedah ejaan Jawi abad ke-17 belum mengikut sistem ejaan yang teratur. Fenomena ini didapati mempunyai persamaan dengan sistem ejaan Jawi abad ke-16. Penggunaan beberapa huruf vokal dan konsonan yang tidak konsisten itu memperlihatkan persamaan dengan ciri-ciri yang terdapat dalam teks *Aqa'id Al-Nasafi,* yang mewakili abad ke-16. Begitu juga halnya dengan penggunaan tanda dua Arab (�- ٢) bagi ejaan kata ganda. Berdasarkan kajian tersebut juga, didapati telah wujud penambahan huruf-huruf Jawi iaitu *nya* (ڽ), *ng* (ڠ), *ca* (چ), *pa* (ڤ) dan *ga* (ڮ). Walaupun penggunaan huruf *pa* (ڤ) terlalu sedikit bilangannya, namun dapatan menunjukkan bahawa huruf tersebut telah wujud pada abad ke-17. Huruf *ga* (ڮ)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan satu titik juga telah wujud walaupun kedudukan titik satu pada huruf *kaf* (ک) itu tidak konsisten kerana kadang-kadang titik diletakkan di bawah dan kadang-kadang di atas huruf tersebut. Selain itu, penggunaan *huruf ta simpul* (ۀ) yang mewakili suku kata akhir *ta* (تَ), *ti* (تِ) dan *tu* (تُ) juga ditemui dalam teks. Jika dilihat dari sudut bentuk huruf dan cara penulisan Jawi abad ke-17 dalam teks *Undang-undang Kedah* ini juga, didapati ada sedikit perbezaan kerana ditemui dua perkataan yang ditulis secara berangkai, sama ada dengan perkataan sebelumnya atau perkataan selepasnya bagi kelompok huruf yang tidak boleh disambung iaitu *wa* (ۏ), *wau* (و), *zai* (ز), *ra* (ر), *zal* (ذ), *dal* (د), *alif* (ا)] dalam teks tersebut. Misalnya ايتفون (itupun). Pengkaji merumuskan bahawa inilah gaya penulisan dan berkemungkinan satu cara yang digunakan oleh penulis untuk memudah dan mempercepatkan penulisan *Undang-undang Kedah.*

Kajian berkaitan perkembangan sistem ejaan Jawi yang bertujuan untuk mengelompokkan peringkat-peringkat perubahan dalam sistem ejaan tersebut pernah dijalankan oleh Kang (1990 &1995). Pengelompokan ini dibuat mengikut urutan masa tahap dan peringkat perkembangan sistem ejaan Jawi sama ada menerima pengaruh Arab, pengaruh bahasa Melayu atau menerima pengaruh kedua-duanya. Kajian tersebut membincangkan tentang penggunaan huruf vokal *alif* (ا), *wau* (و) dan *ya* (ي). Secara terperinci Kang (1990) menyatakan tahap pertama pengaruh bahasa Arab dalam tulisan Jawi adalah menghapuskan tanda baris dan *sukun,* dan kemudiannya melenyapkan unsur-unsur Arab (tanda *tasydid*). Tahap kedua pula adalah penggunaan kaedah pemvokalan secara abjad dalam suku kata pertama diikuti kaedah pemvokalan secara abjad dalam suku kata kedua dan dalam kedua-dua suku kata. Tahap ini disebut oleh Kang dengan istilah "mengalami proses kemelayuan". Namun sarjana lain seperti Amat Juhari (1991&1994) dan Hashim (2006) berpandangan, walaupun secara teorinya tahap-tahap tersebut dapat disusun secara jelas namun hakikatnya tahap-tahap tersebut kadang kala wujud dalam masa yang sama.

Aspek perkembangan sistem ejaan Jawi turut dikaji Ismail (2009) yang berfokus kepada pola perkembangan ejaan dan tulisan Jawi berasaskan bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

manuskrip kesusasteraan tradisional Melayu sekitar tahun 1600M. Kajian tersebut mendapati sistem ejaan dan tulisan Jawi sekitar tahun 1600M telah berkembang melalui proses penyerapan, adaptasi, asimilasi dan akomodasi, mengubahsuai kaedah pemvokalan perkataan Jawi hingga akhirnya membentuk ejaan dan tulisan Jawi sejak mula hingga kini. Dari segi pola sistem ejaan Jawi dalam manuskrip sekitar tahun 1600M, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat petanda bahawa kaedah pemvokalan suku kata perkataan Jawi berkembang secara bertahap daripada kaedah pemvokalan suku kata Jawi secara baris kepada kaedah pemvokalan suku kata secara abjad. Dapatan ini bertentangan dengan rumusan kajian Kang (1990) yang menyatakan sistem ejaan dan tulisan Jawi berkembang secara bertahap dan berperingkat. Malahan Asmah (1991) berpendapat pembicaraan tentang tulisan dan ejaan bagi sesuatu teks itu biasanya sukar dipisahkan kerana yang satu bergantung pada yang lain.

Secara terperinci rumusan dapatan kajian Ismail (2009) berhubung pola dan perkembangan sistem ejaan Jawi sekitar tahun 1600M adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Pada peringkat awal, kaedah pengvokalan suku kata ditulis dengan cara iaitu sama ada "menggunakan" atau "tidak menggunakan" tanda baris atau tanda *tasydid*. Cara ejaan begini kemudiannya telah bertukar apabila menerima pengaruh setempat iaitu mengalami proses kemelayuan. Pengaruh yang ketara ialah kaedah pemvokalan suku kata perkataan Jawi secara abjad menggunakan huruf vokal *alif* (ا), *wau* (و) dan *ya* (ي). Menerusi pengaruh bahasa Melayu ini, kaedah pemvokalan suku kata perkataan Jawi secara baris digunakan sepenuhnya dengan dizahirkan tanda baris dan *tasydid* dan pemvokalan secara abjad dilakukan dengan menggunakan huruf vokal *alif* (ا), *wau* (و) dan *ya* (ي).

ii. Kaedah pemvokalan suku kata ditulis dengan menggunakan huruf vokal *alif* (ا), *wau* (و) dan *ya* (ي) dan kaedah pemvokalan suku kata dengan menggunakan tanda baris telah digunakan sejak dahulu hingga kini. Bezanya, penggunaan tanda baris dalam sistem ejaan Jawi kini tidak lagi dizahirkan seperti zaman dahulu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan dapatan tersebut, Ismail (2009) merumuskan bahawa tidak terdapat petunjuk bahawa kaedah pemvokalan suku kata perkataan Jawi ini berkembang secara bertahap daripada kaedah pemvokalan suku kata secara baris kepada kaedah pemvokalan suku kata secara abjad, bermula dari suku kata awal, berkembang ke suku kata kedua dan akhirnya digunakan dalam kedua-dua suku kata perkataan Jawi.

Kajian lain berhubung ejaan Jawiialah kajian oleh Tuan Zaifatul Akmal (2005) yang mengkaji sistem ejaan Jawi dalam *Buku Katan Kamus Melayu*, 1936. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang amat ketara antara kedua-dua sistem ejaan Jawi yang telah dikaji, iaitu sistem ejaan Jawi yang terdapat dalam *Buku Katan Kamus Melayu* dan sistem ejaan Jawi dalam *Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan*. Dapatan kajian itu juga menunjukkan bahawa sistem ejaan *Buku Katan Kamus Melayu* telah menggunakan sistem ejaan Jawi lama yang dipengaruhi oleh sistem ejaan Arab yang disifatkan pengkaji sebagai mengelirukan pengguna. Pengkaji mengaitkan senario ini dengan latar belakang penulis buku (Mejar Datuk Muhammad Said Hj Suleiman) yang berpendidikan Arab. Walau bagaimanapun kebanyakan perkataan bahasa Arab yang digunakan oleh penulis berbeza dengan sistem ejaan Jawi yang digunakan kini (SEJYD).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sistem ejaan Jawi turut mendapat perhatian Adi Yasran dan Nurhidayah (2010) menerusi kajian mereka terhadap sistem ejaan Jawi dalam *Manuskrip Risalah Hukum Kanun Melaka* versi Dublin bertarikh 22 Disember 1801M. Dapatan kajian mendapati kebanyakan ejaan yang digunakan dalam manuskrip tersebut adalah mengikut ejaan Tradisi dan ejaan Lazim. Hampir kesemua ejaan Lazim yang digunakan dalam teks tersebut mengekalkan ejaan Jawi baharu.

2.5.2 Kajian aplikasi tulisan Jawi dalam pendidikan

Kajian berkaitan aplikasi tulisan Jawi dalam pendidikan adalah merujuk kepada aplikasi tulisan Jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Pendidikan Islam di institusi pendidikan seperti sekolah, institut perguruan, kolej dan universiti. Dalam tinjauan kepustakaan didapati kajian berhubung aplikasi tulisan Jawi dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendidikan paling banyak dan meluas dijalankan sebelum ini. Antara kajian-kajian tersebut ialah kajian *Masalah pengajaran dan pembelajaran Jawi* (Ishak 1991), *Permasalahan pengajaran dan pembelajaran Jawi di sekolah rendah: satu tinjauan* (Rosnaini 1991), *Penguasaan Jawi dalam pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar menengah III di Negara Brunei Darussalam* (Norhana 1999), *Penguasaan Jawi di rekolah rendah: kajian kes terhadap pelajar tahun empat di* sekolah kebangsaan LKTP Belitong Kluang, Johor (Fauziah 2003), *Penguasaan ejaan Jawi di kalangan guru-guru Sekolah Rendah di kawasan Brunei III, Daerah Brunei Muara* (Rosimah 2007) dan *Penggunaan ejaan Jawi di kalangan murid sekolah agama dan murid sekolah rendah kerajaan: satu perbandingan* (Rojimah BPKDP 2007).

Tanpa mengulas secara panjang lebar berhubung dapatan kajian-kajian tersebut kerana kurang berkaitan dengan fokus kajian ini, secara asasnya dapat dirumuskan bahawa berdasarkan tajuk-tajuk kajian yang dinyatakan, kajian aplikasi Jawi dalam pendidikan lebih menekankan tentang aspek pelaksanaan tulisan Jawi dalam kalangan murid dan guru bagi melihat keberkesanan atau tahap penguasaan mereka dalam menggunakan tulisan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada banyaknya kajian yang dijalankan berkaitan aplikasi tulisan Jawi dalam bidang pendidikan, kajian berhubung penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi turut menjadi kecenderungan ramai pengkaji dalam bidang kajian Jawi. Antara kajiannya kajian bertajuk *Pengajaran bacaan Jawi menggunakan kaedah gabungan bunyi kata dengan bantuan huruf Rumi* (Dewi Maslehah 1995), *Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan pencapaian dan minat pelajar dalam Pendidikan Islam* (Nik Rosila 1997), *Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi dalam pendidikan Islam di Sekolah Menengah Iskandar Shah Jasin* (Rusni 1999), *Masalah penggunaan tulisan Jawi satu tinjauan di tiga buah sekolah rendah dalam Daerah Kinta 1, Perak Darul Ridzuan* (Norhawati 2000), *Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan kemahiran membaca al-Quran di kalangan pelajar Tingkatan 4, sekolah menengah di Melaka* (Zaiton 2000), *Penguasaan kemahiran Jawi dan al-Quran di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan Satu Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan di kawasan Nilai Negeri Sembilan Darul Khusus* (Mohamed

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Madani 2005), dan *Penguasaan sistem ejaan Jawi yang rendah di Mukim Tutong* (Abdul Hamid 2006).

Kajian dalam aspek pengajaran dan pembelajaran (P&P) ini antara lain bertujuan menilai kaedah yang digunakan dan usaha-usaha penambahbaikan dalam pengajaran di bilik darjah. Dapatan daripada kajian-kajian tersebut, boleh dijadikan kayu ukur dalam pelaksanaan sesuatu kaedah dalam proses P&P.

2.6 KAJIAN LEPAS BERKAITAN SURAT MELAYU LAMA

2.6.1 Kajian tentang aspek fizikal surat

Menurut Gallop (1994) surat Melayu lebih dihargai oleh pengkaji Barat kerana nilai dari segi kesusasteraan berbanding nilainya dari segi ilmu penulisan surat-menyurat. Antara sarjana yang pernah membincangkan ciri-ciri umum surat-menyurat Melayu ialah Newbold, T. J. pada tahun 1839, diikuti oleh Dulaurier yang menerbitkan 16 pucuk surat Melayu dalam salinan faksimili dengan transkripsi dan catatan. Inisiatif seterusnya dilakukan oleh Wilkinson R. J. apabila menghasilkan kajian surat-menyurat yang paling lengkap menerusi tulisannya *Letter Writing* (1907). Tulisan tersebut berkisar kepada unsur rasmi surat Melayu. Seterusnya penghasilan suatu panduan surat-menyurat yang disasarkan kepada pembaca Melayu bertajuk *Neraca Sahifah* telah dibuat oleh Winstedt, R.O. pada tahun 1919.

Berdasarkan fakta di atas, jelas menunjukkan bahawa skop kajian sarjana Barat pada peringkat awal lebih menjurus kepada unsur yang terkandung dalam sepucuk surat dan tatacara penulisan surat. Walau bagaimanapun, abad ke-20M memperlihatkan perkembangan dalam bidang kajian surat-surat Melayu lama dengan kemunculan beberapa orang pengkaji yang giat menjalankan kajian berhubung manuskrip tersebut. Nama Gallop, A. T (1994), Ab Razak (1998) dan Mu'jizah (2009) bukanlah nama asing dalam bidang kajian surat-surat Melayu lama. Menerusi kajian-kajian mereka, pelbagai maklumat telah dapat ditemui seperti iluminasi (gambar) dalam surat-surat Melayu, cap mohor pemerintah, gaya bahasa dalam surat Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan pelbagai aspek lagi yang mengangkat keunikan surat Melayu sebagai warisan lama yang amat bernilai.

Kajian berhubung surat Melayu lama sebagai genre pula telah dijalankan oleh Gallop (1994) dan Ab Razak (1998). Kedua-dua kajian ini menghurai secara mendalam tentang jenis surat dan komponen yang mendasari surat Melayu lama. Dapatan kedua-dua kajian itu menunjukkan bahawa surat Melayu lama boleh digolongkan jenisnya mengikut tujuan surat tersebut ditulis oleh pengirimnya sama ada berbentuk surat sosial mahupun surat perjanjian. Di samping itu, struktur yang terkandung dalam sesuatu surat itu akan membezakan jenis surat tersebut samada surat sosial atau sebaliknya. Kajian Ab Razak (1998) turut membincangkan tentang aspek bahasa dalam kepala surat, cap mohor pengirim dan strategi komunikasi dan kesopanan yang terkandung dalam surat-surat Melayu lama.

Selain daripada pengkaji di atas, Norizan (2004) turut menjadikan surat abad ke-17 dari Istana Terengganu sebagai bahan kajiannya. Kajian ini telah menganalisis tujuan dan kandungan beberapa warkah terpilih dari Istana Terengganu dengan berpandukan lima tema, iaitu pentadbiran, sosial, pendidikan, agama dan peribadi. Dapatan daripada kajian itu membuktikan bahawa surat merupakan lambang kekuasaan sultan-sultan Terengganu yang dimanisfestasikan menerusi tulisan, ditandatangani dan dicop mohor oleh pemerintah-pemerintah Terengganu sendiri. Berkaitan cap mohor pula, aspek ini telah mendapat perhatian Gallop (1994) apabila beliau telah berusaha mengkaji cap mohor dalam surat-surat Melayu dari serata pelusuk Alam Melayu dari abad ke-16M hingga abad ke-18M.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.2 Kajian tentang aspek ejaan Jawi dalam surat

Selain aspek fizikal pada surat, aspek bahasa turut menjadi tumpuan para pengkaji dalam bidang manuskrip lama. Jamaliah (1993) misalnya telah menganalisis surat Melayu abad ke-16M daripada aspek morfologi yang melibatkan pembentukan kata, penggolongan kata dan pemakaian kata-kata pinjaman dalam surat tersebut. Kajian ini turut menghuraikan tentang jenis-jenis frasa, bentuk ayat tunggal dan ayat majmuk yang terdapat dalam surat-surat berkenaan. Seterusnya, Ab. Razak (1994 & 1995) juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah memilih surat Sultan Ternate sebagai bahan kajian untuk mengkaji aspek linguistik dan beliau turut membuat satu kajian berbentuk analisis perbandingan dari sudut bahasa terhadap Surat Ternate 1521M dan 1522M. Ab. Razak (1994 & 1997) turut mengkaji surat abad ke-17, menerusi kajian bertajuk *Surat Kebenaran Berniaga oleh Raja Aceh kepada Kapitan Inggeris, 1601M dari aspek linguistik khususnya sistem pengejaan kata dan penggunaan imbuhan* dan *Surat Sultan Iskandar Muda, Aceh kepada Raja Inggeris James I, England (1615 M) dari aspek penggunaan kata-kata pu*jian. Kajian yang dibuat Wan Ali (1996) pula menjurus kepada stail tulisan Jawi dalam Surat Ternate. Analisis mendapati kedua-dua surat dari Ternate itu ditulis secara cermat dengan stail *khat Nasakh*. Namun begitu, masih terdapat unsur yang menunjukkan penulisnya belum begitu mahir menulis Jawi apabila dilihat kepada saiz dan bentuk huruf yang tidak sama dalam penulisan tersebut. Pengkaji tersebut mengandaikan, besar kemungkinan surat dari Ternate tidak menggambarkan kemahiran menulis Jawi di sebuah pusat perkembangan ilmu di Alam Melayu kerana kedudukan Ternate agak terpinggir dan bukanlah pusat utama perkembangan ilmu di rantau ini. Walaupun begitu, tidak dinafikan surat-surat tersebut sedikit sebanyak menunjukkan tahap kemajuan penulisan Jawi di Ternate ketika itu. Perkara ini turut dinyatakan Nik Safiah (2010) yang menyifatkan mutu penggunaan bahasa Melayu dalam surat pertama (1521M) pada keseluruhannya kelihatan agak rendah, seolah-olah bukan bahasa istana berbanding surat kedua (1522M) yang memperlihatkan bahasanya lebih baik dan mendekati bahasa Melayu yang lebih mantap.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian berhubung sistem ejaan Jawi dalam warkah Melayu juga telah dilakukan oleh Raja Masittah (1999). Dapatan kajian menunjukkan bahawa sistem ejaan Jawi yang terakam dalam bahan yang dikaji adalah tidak selaras, tidak konsisten dan penggunaannya belum mantap. Terdapat perkataan-perkataan yang dieja menggunakan pemvokalan dengan tanda baris sepenuhnya. Sistem pemvokalan secara baris pula digunakan pada situasi tertentu terutamanya kata nama khas, tempat dan nama individu (nama orang Barat) yang sukar disebut oleh lidah orang Melayu. Ketidakselarasan cara pengejaan turut berlaku pada perkataan pinjaman bahasa Arab, Sanskrit dan Inggeris kerana ejaan tersebut banyak dipengaruhi oleh sistem ejaan dan sebutan dalam bahasa asalnya. Tidak ketinggalan, kajian terhadap surat abad ke-18 telah dijalankan oleh Maizurah (1993). Beliau mengkaji aspek linguistik berkaitan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bentuk tulisan dan ejaan, perbendaharaan kata, morfologi dan sintaksis dalam surat-surat Melayu lama abad ke-18, manakala kajian oleh Rohaizan (1994) pula menghurai aspek analisis morfologi dan sistem tulisan Jawi dalam surat-surat Melayu lama abad ke-18.

Semua kajian yang dinyatakan di atas, lebih menjurus kepada aspek bahasa, seni penulisan, aspek fizikal surat dan beberapa aspek linguistik yang lain. Kaedah ejaan Jawi turut dikaji namun skop kajiannya tidak mendalam malahan berada pada tahap asas sahaja. Pengkaji mendapati penerangannya berbentuk ringkas dan tidak menyeluruh. Hal inilah yang dilihat oleh pengkaji sebagai satu kelompangan, yang perlu disi oleh sebuah kajian lain.

2.7 KESIMPULAN

Tulisan Jawi telah digunakan secara meluas dalam penulisan surat dan manuskrip Melayu lama sejak zaman berzaman. Kajian terhadap ejaan Jawi dari abad ke-16 hingga abad ke-18 penting dilakukan, dalam usaha untuk mengetahui asas dan perkembangan ejaan Jawi di peringkat permulaan, pertumbuhan dan pengukuhannya sebelum lahir ejaan Jawi abad ke-19, abad ke-20 dan seterusnya. Dalam proses tersebut, kajian ini memilih surat Melayu lama sebagai bahan kajian kerana surat tidak pernah diubah, disalin, ditokok atau dibuang isi kandungannya berbanding teks manuskrip yang lain. Dengan kata lain, surat adalah rekod dan dokumen sejarah yang tidak diubah dan kekal keasliannya. Dengan hal yang demikian, surat boleh dikatakan mempunyai nilai akademik dari segi sejarah dan sesuai dijadikan bahan kajian.

Sebagai rumusannya, Bab II telah membincangkan secara terperinci berhubung ejaan Jawi berdasarkan kajian-kajian lepas. Berdasarkan penelitian terhadap kajian tersebut didapati belum ada kajian yang terperinci dibuat berhubung ejaan Jawi dalam surat Melayu lama. Kajian-kajian terdahulu lebih banyak tertumpu kepada aspek linguistik dan ejaan Jawi yang digunakan dalam sesebuah manuskrip Melayu tradisional tertentu sahaja. Sehubungan itu, tidaklah dapat diketahui perkembangan dan perubahan ejaan Jawi yang digunakan dalam surat Melayu lama sedangkan perkembangan tradisi penulisan dalam pelbagai aspek seperti sastera,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahasa dan budaya telah membina tradisi ilmu dan kesarjanaan yang kukuh dan panjang usianya di Alam Melayu dan meninggalkan ribuan naskhah manuskrip lama yang amat wajar dijadikan bahan kajian dalam memahami masa lalu di Alam Melayu. Dalam perkembangan bidang keilmuan ini, peranan tulisan Jawi sebagai medium komunikasi secara bertulis tidak dapat disangkal lagi. Sehubungan itu, kajian terperinci dalam memahami sistem ejaan Jawi tradisi sehingga sistem yang digunakan kini merupakan satu usaha yang tidak boleh dipandang sepi kerana dengan memahami masa lalu, kita akan lebih menghargai kehidupan yang dikecapi kini. Justeru kajian ini wajar dijalankan dalam usaha memahami kaedah ejaan Jawi lama bagi mengatasi kelompangan yang wujud dalam ejaan tersebut. Pemahaman berhubung kaedah ejaan Jawi lama boleh diperoleh menerusi kajian yang dilakukan secara mendalam terhadap aspek tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian adalah prosedur yang dilakukan oleh seseorang pengkaji dalam menjalankan kajiannya. Dalam kajian ini, kaedah kepustakaan telah dipilih sebagai kaedah utama kerana kesesuaiannya dengan kajian ini yang menggunakan surat Melayu lama sebagai bahan kajian dan analisis kandungan sebagai pendekatan untuk menganalisis data kajian. Perbincangan berhubung metodologi kajian ini telah diterangkan secara mendalam dalam bahagian reka bentuk kajian, prosedur pelaksanaan kajian, prosedur pemilihan sampel kajian, prosedur pengumpulan data kajian, prosedur penganalisisan data dan kerangka konseptual yang menjadi asas pelaksanaan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian gabungan kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan serta perbandingan terhadap kaedah ejaan Jawi yang terdapat dalam surat Melayu lama. Menurut Merriam (2001) dalam kajian kualitatif yang melibatkan dokumen, satu bentuk analisis kandungan perlu digunakan untuk menganalisis dokumen tersebut. Hal ini demikian kerana, kaedah analisis kandungan adalah prosedur sistematik yang boleh digunakan untuk menjelaskan kandungan sesebuah dokumen. Kebanyakan reka bentuk kajian yang menggunakan kaedah analisis kandungan adalah berbentuk urutan yang bermula daripada pembinaan kategori kepada persampelan, pengumpulan data, penganalisisan dan diakhiri dengan interpretasi data. Teknik analisis kandungan dipilih untuk kajian ini kerana bentuknya yang tidak menonjol selain tidak reaktif. Hal ini menyebabkan teknik ini boleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijalankan tanpa mengganggu latar dalam apa cara sekali pun (Marshall & Rossman 1999) dan merupakan teknik yang tepat untuk menganalisis teks yang sifatnya terus terang dan mengandungi makna yang tersurat (Sarosa 2012). Aspek inilah antara kekuatan yang ada dalam teknik analisis kandungan. Berdasarkan ciri tersebut, teknik ini didapati sesuai digunakan untuk menganalisis kaedah ejaan Jawi dalam bahan kajian. Proses ini disusuli dengan membuat perbandingan antara dapatan analisis yang diperoleh daripada bahan-bahan kajian mengikut kategori yang dibina.

Selain itu, kajian ke atas perkembangan ejaan Jawi dalam tempoh 300 tahun ini melibatkan kajian diakronik dan juga sinkronik. Menurut Endraswara (2008) perbandingan diakronik bermaksud membandingkan dua atau lebih karya daripada masa yang berbeza penciptaannya (penghasilannya) manakala perbandingan sinkronik pula membandingkan karya sezaman. Dalam kajian ini, perbandingan yang dimaksudkan itu tidak melibatkan isi kandungan teks, tetapi perubahan dan perkembangan ejaan Jawi yang digunakan dalam surat yang berbeza-beza masa dan tempat. Bagi membuat perbandingan antara surat dan antara abad pula, pengkaji telah menggunakan analisis deskriptif iaitu dengan mendapatkan kekerapan dan peratusan bagi setiap kaedah ejaan. Tujuan analisis ini adalah untuk memperlihatkan kaedah ejaan yang paling dominan digunakan dalam setiap surat dan abad.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 PROSEDUR PELAKSANAAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh pengkaji sesuai dengan bentuk kajian ini yang berupa sebuah kajian kepustakaan. Kajian dimulai dengan memilih bahan sebagai sampel kajian dan diikuti dengan proses menganalisis kandungan bahan seperti yang sudah disebut sebelumnya. Namun sebelum dianalisis, bahan yang dipilih perlu dinilai terlebih dahulu keautentikannya. Hal ini selaras dengan saranan Othman (2009) yang menyatakan bahawa apabila dokumen telah dikesan, keautentikannya perlu dinilai untuk menentukan keautentikan dan ketepatan dokumen tersebut. Penilaian ini adalah sebahagian daripada proses yang perlu dilakukan dalam pengkajian bahan berbentuk dokumen. Dalam membincangkan tentang penilaian keautentikan bahan ini, Othman (2009) merujuk kepada pandangan Guba dan Lincoln (1985) yang telah menyenaraikan sebelas soalan berhubung

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keauntetikan dokumen. Daripada jumlah tersebut, pengkaji telah menggunakan enam soalan yang berkaitan sahaja dalam kajian ini, iaitu:

i. Apakah sejarah dokumen tersebut?
ii. Bagaimana dokumen diperoleh oleh pengkaji?
iii. Adakah dokumen telah diubah atau disunting?
iv. Sekiranya dokumen tersebut asli, di bawah keadaan apa dan untuk tujuan apa bahan tersebut dihasilkan?
v. Siapakah penulis dokumen tersebut?
vi. Kepada siapakah dokumen tersebut ditujukan?

Selepas keautentikan sesebuah dokumen tersebut dinilai, pengkaji mewujudkan sistem pengekodan. Tujuannya bagi memudahkan pengkaji mengakses maklumat di peringkat analisis dan membuat interpretasi kepada dapatan analisis. Bagi tujuan tersebut, bahan dari abad ke-16 diberikan kod A16/S1 dan A16/S2, bahan dari abad ke-17 diberi kod A17/S1, A17/S2 dan A17/S3 manakala bahan dari abad ke-18 diberi kod A18/S1, A18/S2, A18/S3, A18/S4 dan A18/S5. Secara ringkas prosedur pelaksanaan kajian ini dapat disimpulkan seperti Rajah 3.1 di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1 Prosedur pelaksanaan kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 PROSEDUR PEMILIHAN SAMPEL

Kajian terhadap surat Melayu lama boleh dibuat dalam pelbagai aspek. Bagi kajian ini, aspek yang dikaji ialah kaedah ejaan Jawi. Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelumnya, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kaedah ejaan Jawi abad ke-16 hingga abad ke-18 dalam surat-surat Melayu lama, yang belum pernah dikaji secara khusus oleh pengkaji-pengkaji lain. Sehubungan itu, pengkaji telah memilih sepuluh pucuk surat bagi mewakili ketiga-tiga abad tersebut. Pengkaji memastikan surat-surat yang dipilih itu memenuhi kriteria yang dikehendaki iaitu dapat memberi maklumat berhubung perkembangan dan kaedah ejaan Jawi dalam tempoh 300 tahun dahulu. Pemilihan ini tidak bermakna surat-surat tersebut dapat mewakili keseluruhan ejaan Jawi yang digunakan dalam abad-abad yang dikaji, tetapi dokumen tersebut sekurang-kurangnya dapat memperlihatkan kepada umum tentang ciri-ciri ejaan Jawi yang pernah digunakan sepanjang tempoh itu. Dapatan tersebut boleh juga dianggap sebagai asas dalam membina ejaan Jawi selepas itu, walaupun mungkin tidaklah sampai kepada sistem tulisan Jawi pada kurun ke-21. Teknik persampelan bertujuan telah digunakan untuk memilih sampel kajian ini. Persampelan bertujuan merujuk kepada prosedur persampelan yang melibatkan pemilihan sekumpulan subjek yang dianggap sudah mempunyai ciri-ciri tertentu sebagai sasaran kajian (Chua 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ringkasan bagi sampel yang dipilih dalam kajian ini dijelaskan dalam Jadual 3.1 berikut:

Jadual 3.1 Senarai nama kawasan kajian

ABAD	Istana Melayu			
	Kawasan 1: Sumatera-Aceh, Palembang, Muko-muko, Bengkulu)	Kawasan 2: Kalimantan-Banjarmasin	Kawasan 3: Kepulauan Maluku-Ternate)	JUMLAH
Abad 16	0	0	2	**2**
Abad 17	3	0	0	**3**
Abad 18	3	2	0	**5**
JUMLAH	**6**	**2**	**2**	**10**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 3.1, setiap abad diwakili oleh beberapa pucuk surat dari kerajaan Melayu yang telah dipilih berdasarkan lokasi surat-surat Melayu ditulis. Pemilihan surat-surat tersebut mengambil kira bahan sezaman (sinkronik) dan bahan berlainan zaman (diakronik). Secara terperinci maklumat berhubung keautentikan surat-surat ini dibincangkan dalam bahagian 3.4.1 di bawah.

3.4.1 Bahan kajian

Bahan kajian yang digunakan dalam kajian ini berupa surat Melayu lama dari abad ke-16 hingga abad ke-18. Bahan ini berbentuk data sekunder atau data tersedia iaitu pengkaji menggunakan data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain (Sabitha 2005). Sejumlah sepuluh pucuk surat telah digunakan sebagai data dalam kajian ini untuk mengenal pasti kaedah ejaan Jawi dalam abad yang dikaji. Surat Melayu lama mempunyai banyak keistimewaan. Gallop (1994) mengulas secara lebih terperinci berhubung surat-surat Melayu seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *Surat-surat Melayu yang terindah menggabungkan segala-gala yang paling halus dalam kebudayaan, tamadun, dan estetika Melayu. Ini dapat dilihat dalam keindahan hiasan, kecantikan seni khat, kecanggihan perasaan agama yang terkandung dalam kepala surat, kerapian ukiran cap mohor serta keelokan dana kehalusan bahasa puji-pujian...*

Berdasarkan pernyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa sepucuk surat bukan sahaja ditulis sekadar untuk menyampaikan maksud yang ingin dinyatakan malahan turut menunjukkan tata susila surat itu. Ab. Razak (2006) menjelaskan, lebih 400 tahun yang lalu, surat telah menjadi salah satu daripada medium komunikasi antara para pedagang dengan kerajaan tempatan dan juga hubungan diplomatik antara kerajaan. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya surat pada zaman tersebut. Surat telah menjadi alat perhubungan terpenting antara pemerintah tempatan dengan orang Barat, seperti Portugis, Belanda dan Inggeris. Di samping itu, surat juga digunakan sebagai alat perhubungan antara pembesar tempatan dan juga pemerintah Kedah dan Kelantan dengan Raja Siam. Lebih jauh daripada itu, surat turut digunakan untuk pelbagai tujuan sama ada untuk tujuan peribadi, hal-hal perdagangan, ekonomi dan politik seperti peperangan, penyerahan wilayah dan sebagainya. Oleh sebab itu, surat dipilih sebagai bahan kajian ini kerana kedudukannya sebagai sumber yang penting untuk mencari maklumat eksplisit dan implisit tentang orang, budaya dan masyarakat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melayu sesuai dengan pandangan Ding (2009) yang menegaskan dua sebab iaitu pertama, ia adalah sumber bertulis yang paling tepat seperti yang ditinggalkan "pelaku" sejarah pada masa dan tempat peristiwa yang berkenaan berlaku dan kedua, surat yang diwarisi itu tidak diubah orang lain seperti manuskrip yang lain.

Secara terperinci, senarai surat dari abad ke-16 ialah Surat Sultan Abu Hayat, Ternate kepada King John 111, Portugal (1521M) dan Surat Sultan Abu Hayat, Ternate kepada King John 111, Portugal (1522M). Kandungan surat tersebut dalam versi Jawi dan Rumi dipaparkan di bawah ini:

i. **A16/S1: Surat Surat Sultan Abu Hayat, Ternate kepada King John 111, Portugal bertarikh 1521 Masehi** (Lampiran A)

Sepanjang yang diketahui, surat Sultan Ternate 1521M merupakan teks bertulis di atas kertas dalam bentuk manuskrip Jawi yang paling tua dijumpai (Hashim 2006). Surat ini ditulis dengan dakwat di atas kertas Eropah berukuran 381 x 293 mm. Isi kandungan surat ini memberitahu tentang pembunuhan Raja Ternate iaitu Bayan Sirullah dan seorang pedagang Portugal iaitu Francisco Serrao yang dikatakan mati diracun (Gallop 1991).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

راج سلطان ابحايت سورة داتغ كڤد مام راج ڤرتوكل راج سر الدنيا علم سمهاڤ توون باسر كران دهول راج ڤرتوكل ماثوره فرڠشسكو سر داتغ درمولوك بيناس در امبن. مک راج ملوک سمهاڤ دڠر فرڠڤي اد بناس در امبن. مک راج تدوري دان جيَل ل دِسوره امبن سمهاڤ برهيمڤه ماو بونه ڤد ڤرڠشسک سر مک راج ترناته دڠر دسوره سودار دوو ممباوه ڤراوه توجه بوه دامبل فرڠشسک سر ممباوه كترناة. مک ناكري ترناة سڤرة ناكري ڤرتوكل مک راج ڤرتوكل سوره كروال ممباوه سورة داتغ ڤد راج ترناة كروال دان هرت دان لشّكر اسرهكن ڤد تاڠن راج ترناة مک جڠ ترناة دان كروال بلاير كملک موسم كاسڤ دايم دبجهن، مک تدري دان جيَل ل دسوره راج بجهن بونه ڤد اورڠ فرڠک دايم دبجهن هرت دان لشكر سمهاڤ درامڤس. مک راج ترنات دڠر مک راج ترناة كات بكمان راج ڤرتوكل جڠ دان هرت دان لسّكر اسرهكن ڤد تاڠن كيت مارله جڠ دان هرت دان لسّكر كيت سوره كمبلک كملک جک تياد كمبلک راج ڤرتوكل جڠ دان هرت دان لشّكر تياد كمبلک بڤاراڠ له ڤد راج بجهن، مک راج بجهن ڤون هادرله سڠجته تدري دان جيَل ل ڤون سرت بجهن سمهاڤ لڠكڤ له. تدري دان جيَل ل بجهن لكس سوره انق ڤرمڤون ايت

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

انق راج بجهن دلم راج ترناة، ڤرمڤون ايت كاسه مک داڤت دبرين رجوا، مک وفعة راج ترناة دهول راج تدري سوره جمڤت ممباوه ڤرغشسکو سر کتدري بري مينم واقت ايت دبري راج مک داتڠ کرومه امڤت هاري ساکت مات براف هاري راج مات مک اي واقت مات ايت راج ابحايت اسرهکن درڤد مام راج ڤرتوکل کرا(ن) ترناة ڤلبوون راج ڤرتوکل کران تدري دان جيل ل دان بجهن بک هرت راج

ڤرتوکل بڤارڠ ڤد ت----- مام کاسه لکس تولڠ ڤد ترناة، سورة اين سڤرت کيت ممباوه بايق_جا----

Transiliterasi A16/S1: Surat Sultan Abu Hayat dari Ternate kepada Raja Portugal [1521]

Al-Fattah

Raja Sultan Abu Hayat surat datang kepada mama Raja Portukal, raja (be)sar al-dunia alam semuhanya tuwan basar.

Kerana dahulu Raja Portukal manyuruh Francisco Serrao datang dari Muluku binasa dari Ambon. Maka Raja Maluku semuhanya dengar Feringgi ada binasa dari Ambon, maka Raja Tidore dan Jailolo disuruh Ambon semuhanya berhimpah mau bunuh pada Francisco Serrao. Maka Raja Ternateh dengar disuruh saudara duwa membawah perauh tucuh buah diambil Francisco Serrao membawah ke Ternate. Maka nageri Ternate seperti nageri Portukal, maka Raja Portukal suruh karawal membawah surat datang pada Raja Ternate karawal dan harta dan lasykar aserahkan pada tangan Raja Ternate. Maka jong Ternate dan karawal balayar ke Melaka musim kasip dayam di Bajahan, maka Tidoren dan Jailolo disuruh Raja Bajahan bunuh pada orang Feringgi dayam di Bajahan harta dan lasykar semuhanya dirampas. Maka Raja Ternate dengar, maka Raja Ternate kata, bagaimana Raja Portukal jong dan harta dan lasykar aserahkan pada tangan kita marilah jong dan harta dan lasykar kita suruh kembalik ke Melaka, jika tiada kembalik Raja Portukal jong dan harta dan lasykar tiada kembalik beparanglah pada Raja Bajahan. Maka Raja Bajahan pun hadirlah senjatah Tidore dan Jailolo pun serta Bajahan semuhanya lengkaplah. Tidore dan Jailolo Bajahan lekas suruh anak perempuan itu anak Raja Bajahan dalam Raja Ternate, perempuan itu kasih maka dapat diberinya rac(un) maka wafat Raja Ternate dahulu Raja Tidore suruh jemput membawah Francisco Serrao ke Tidore beri minum waktu itu diberi rac(un), maka datang ke rumah empat hari sakit mati berapa hari..Raja mati. Maka ia waktu mati itu Raja Abu Hayat aserahkan daripada mama Raja Portukal kera(na) Ternate pelabuwan Raja Portukal, kerana Tidore dan Jailolo dan Bajahan bagi harta Raja Portukal beparang pada Ter <nate>….<? kembalik> mama kasih lekas tholong pada Ternate, surat ini seperti kita membawah baik ja <hat>…

Sumber Brown (1930) dalam Gallop dan Arps (1991)

Verso: …. Sultan Abu Hayat anak Sultan Bayan Sirullah surat datang pada mama Raja Portukal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. A16/S2: Surat Sultan Abu Hayat, Ternate kepada King John 111, Portugal bertarikh 1522M (Lampiran B)

Naskhah berbentuk surat daripada Sultan Abu Hayat, Ternate kepada King John 111, Portugal bertarikh 1522 M ini juga merupakan salah satu daripada surat terawal berbahasa Melayu yang ditemui selain daripada surat bertarikh 1521M. Surat ini ditulis dengan dakwat di atas kertas Eropah berukuran 408 x 256 mm. Isi kandungan surat ini melaporkan tentang ketibaan dua buah kapal Magellan di Tidore semasa pelayarannya mengelilingi dunia. Berita tentang hubungan baik antara Sepanyol dengan Tidore jelas sekali dilaporkan untuk mendapatkan pengakuan yang lebih tegas mengenai sokongan Portugal terhadap Tidore (Gallop 1991).

الحمد لله رب العالمين

ياعزيز ياعفار

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

اين سورة كاسه سلطان آب حيات سورة داتڠ كڤد ايهند سلطان ڤرتكل دنيا عالم ايالله يڠ مها بسر كري مڠتاكن حال نكري سڠكله سنقده سلطان بيان سرّالله منڠكلكن نكري ترنات سكلينله حال نكر ترنات سكارڠ راج كستيل داتڠ دو بوه كاڤل مڠتركن سنجتاڠ دان هرتاڠ دان مملهراكن بندر راج تدور بندر راج كستيل سبنرڤاله سلطان ڤرتوكل مملهراكن سلطان ترنات در كران بندر سلطان ترنات بندر سلطان ڤرتوكل سكارڠ اين راج كستيل ممبر راج تدور بدلْ امڤت ڤوله بوه بدلْ ڤند توجه ڤوله كند جنْچ تون اين كنداتڠ كتدور سبو كاڤلْ بلاير بولن محرّم سبو كاڤلْ تڠكل ننتيكن كاڤل دو ڤوله بو تاون لا ك كن داتڠ اد ڤون انقده سلطان اب حيات تياد هارڤ لاين هارڤ اينده سلطان ڤرتوكل سبنرڤاله سلطان ڤرتوكل مملهركن انقده ڤهات لا ك كنق كانق سبنرڤاله مملهراكن نكر ترنات چندرمات انقده تياد سڤرتيڤ والسّلام بالخير

Transiliterasi A16/S2: Surat Sultan Abu Hayat dari Ternate kepada Raja Portugal [1522]

al-Hamd li-'llah Rabb al-'Alamin

Ya 'Aziz Ya Ghaffar

Ini surat kasih Sultan Abu Hayat surat datang kepada ayahanda Sultan Portukal dunia alam ialah yang maha besar,k-r-y mengatakan hal negeri sangkalah sanakdah Sultan Bayan Sirullah meninggalkan negeri Ternate, sekalianlah hal negeri Ternate. Sekarang Raja Kastila datang dua buah kapal mengantarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

senjatanya dan hartanya dan memeliharakan bandar Raja Tidore, bandar Raja Kastila sebenarnyalah, Sultan Portukal memeliharakan Sultan Ternate, dari karana bandar Sultan Ternate bandar Sultan Portukal. Sekarang ini Raja Kastila memberi Raja Tidore bedil empat puluh buah bedil gandi tujuh puluh gandi janci t(a)un ini kan datang ke Tidore sebu(ah) kapal belayar bulan Muharam sebu(ah) kapal tinggal, nantikan kapal dua puluh bu(ah) taun lagi kan datang. Adapun anakdah Sultan Abu Hayat tiada harap lain harap ayandah Sultan Portukal, sebenarnyalah

Sultan Portukal memeliharakan anakdah pihatu lagi kanak-kanak, sebenarnyalah memeliharakan negeri Ternate.

Cendera mata anakdah tiada sepertinya, *wa-al-salam bi-al-khayr*.

Sumber Brown (1930) dalam Gallop dan Arps (1991)

Seterusnya bagi abad ke-17, tiga pucuk surat yang dikaji ialah *Surat Izin berdagang dari Sultan Alaudin Shah, Aceh kepada Kapten Harry Middleton, pedagang Inggeris* (1602M), *Surat Sultan Iskandar Muda dari Aceh kepada Raja Inggeris James*, (1615M) dan *Surat Raja Ambon di Makasar kepada East India Company dan Gubernurnya* (1658M). Isi kandungan surat adalah seperti di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. A17/S1: Surat Izin berdagang dari Sultan Alaudin Shah, Aceh kepada Kapten Harry Middleton, pedagang Inggeris bertarikh 1602M (Lampiran C)

Naskhah ini adalah surat izin berdagang yang diberikan oleh Sultan Aceh, Alauddin Syah (1589-1604) kepada Kapten Henry Middleton. Walaupun tidak bertarikh, tahun surat ini ditulis dapat dipastikan dengan melihat perjalanan Sir Henry Middleton iaitu seorang pedagang dan kapten kapal. Pada bulan Jun 1602, Middleton diangkat sebagai kapten kapal *Susan,* dan diperintah pergi ke Pariaman dari Aceh. Semasa di Aceh, Middleton mendapatkan bekalan lada dan cengkeh sebelum kembali ke negaranya pada 21 Jun 1603. Oleh itu berkemungkinan surat izin ini diperoleh ada hubung kait dengan pelayaran tersebut (Gallop 1991).

دغَن انكره توهن سرو عالم سكلّين سبد يغ مها ملّي داتغ كڤد سكل ڤغليم نكّري دان ڤرتوه سكل نكّري يغ تعلق كآجه. اد ڤون بارغ تاه كامُ سكلّين بهو كڤل اورغ اغليتر اين كڤتنپ برنام هَارمِدِلْتُنْ اصلي كڤل اين برلابه دلبوهن نكري آچه. براڤ لماپ اي دسان، مک موهن دريڤ اي برلاير كجاو جك اي ممل لاد انتو بارغ سسوات دبريڤ

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

اكن كام درهم اتو بارڠ سسوات يڠ اورڠ اِغْلِيْتِرْ اين اورڠ صحبت كيت راج اِغْلِيْتِرْ مک كڤتنڤ دان سكل سودكرڤ ايت همب ڤد راج اِغْلِيْتِرْ يڠ همب راج اِغْلِيْتِر ايت سراس اورڠ كِتَالَهْ، جک اي ملّ برجوّل دڠن كام يڠ دلم تلق رنتو اچه ايت دڠن سبنربنرڤ جوّ مک سورت ستمي يڠ كيت كارنّياي اين دڠن دڤوهنكن درڤد كيت سڤاي جاڠن اي دچبول سكل اورڠ تلق رنتو كيت مک جک دتنجڤكنڤ كڤد كام سكلين سِتْمِيْ اين هندقله كامُ ڤرملّي دان جاڠنله سسورڠ درڤد كام مَنْجَبُوْلِ ديّ. انيله سبد كيت كڤد كام سكلين والسلام.

Transiliterasi A17/S1: Surat Izin berdagang dari Sultan Alaudin Shah, Aceh kepada Kapten Harry Middleton, pedagang Inggeris bertarikh 1602M

Cap: Al-Sultan Alauddin Syah berfirman / *al-wathiq bi-al-mulk ikhtarah liqabd al-mamalik wa-irtadah adam Allah 'izzah wa-nasar liwa'ah*. Dengan anugerah Tuhan seru alam sekalian, sabda yang maha mulia datang kepada segala panglima negeri dan pertuha segala negeri yang takluk ke Aceh. Adapun barang tahu kamu sekalian bahawa kapal orang Ingliter ini, kapitannya bernama Harry Middleton, asli kapal ini berlabuh di labuhan negeri Aceh. Berapa lamanya ia di sana, maka mohon dirinya ia berlayar ke Jawa. Jika ia memeli lada atau barang sesuatu, diberinya akan kamu dirham atau barang sesuatu. Yang orang Ingliter ini orang sahabat kita raja Ingliter. Maka kapitannya dan segala saudagarnya itu hamba pada raja Ingliter. Yang hamba raja Ingliter itu serasa orang kitalah, jika ia meli berjual dengan kamu yang dalam teluk rantau Aceh itu dengan sebenar-benarnya jua. Maka surat sitmi yang kita karuniai akan dia ini, dengan dipohonkannya daripada kita, supaya jangan ia dicabuli segala orang teluk rantau kita. Maka jika ditunjukkannya kepada kamu sekalian sitmi ini, hendaklah kamu permulia dan janganlah seseorang daripada kamu mencabuli dia. Inilah sabda kita kepada kamu sekalian *wa-as-salam*.

Sumber Shellabear (1897) dalam Gallop dan Arps (1991)

iv. A17/S2: Surat Sultan Iskandar Muda dari Aceh kepada Raja Inggeris James bertarikh 1615M (Lampiran D)

Naskhah ini dikenali sebagai surat emas merujuk kepada kehebatan fizikalnya dari segi gaya penulisan dan hiasan yang ada pada surat berkenaan. Ketinggian surat ini hampir satu meter dan memperlihatkan pola hiasan bunga yang berunsurkan pengaruh Otoman-turki dan kubah biru yang berunsurkan pengaruh Safavi-Iran. Perkataan-perkataan ditulis dengan halus dan rapi di atas kertas yang telah ditaburi butir-butir emas. Surat ini ditulis menggunakan dakwat di atas kertas Oriental. Antara isi surat ini adalah penolakan secara sopan oleh Sultan Iskandar Muda terhadap hasrat Inggeris

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk tinggal dan berdagang di Tiku dan Pariaman sebaliknya menyarankan Inggeris untuk berniaga di Aceh sahaja.

سورت درڤد سر سلطان فركاس عالم جوهن بردوله راج يڠ انده انده مرتب كرجان يڠ دلم تحت كرجان يڠ تياد ترلهت اوله ڤڠليهت يڠ تياد تردڠر اوله ڤنڠر يڠ برمالكي ڬادڠ بروكر بركراوڠ برسند برسندورا بورن سدلڠكم يڠ برايرمس يڠ براستان سيوجن منتڠ يڠ برسوڠي برايكت بات ڤلڠكم يڠ افام چرمن سده تراوفم يڠ برڤنچورن مس بڤرتام ببراڤ درڤد ڤنچورن فيرق راج يڠ مڠمڤوكن ڤربندهران درڤد سنيّ مس دان سنيّ ڤيرق دان درڤد كليّن يڠ دلم نكري ڤريامن ڤد كونڠ نكري سليدا يڠ مڠمڤوكن ڤرتام سمبيلن جنس يڠ برڤايڠ مس برتمبلن يڠ برتپ براتس كتّي يڠ برڤتّران مس يڠ چيوّ مس راج يڠ مڠمڤوكن كود يڠ برڤلان مس يڠ برمبي رميكن مس يڠ برتث براتس كنّي يڠ بركڭڠ مس بڤرمات راج يڠ برزره سواس دان بركتوڤڠ سواس دان يڠ بركاجه برڤادڠ مس برسمبن ڤيرق بركنت سواس يڠ برنتي سواس راج يڠ برڤاجه برغك تڠك سواس دان يڠ برڤريسى سواس دان يڠ برلنبڠ سواس دان يڠ استڤكار سواس دان يڠ بركود يڠ برڤلان سواس دان يڠ برڤاجه كرسي ڤيرق دان يڠ بركڤ ڤيرق دان يڠ برڤڠ سواس دان يڠ برآ لت مس دان سواس دان ڤيرق دان يڠ برتمب مس بڤرمات راج يڠ ميڠڤركهاكن نشان دير درڤد نشان مس يڠ برڤلّر مكتّ عالم يڠ تورن تمورن درڤد راج برنشان سواس راج يڠ مڠمڤوكن رجراج يڠ براتس راتس درڤد ڤيهق مشرق يڠ دلم نكري يڠ تعلق كدلّي دان يڠ دلم نكري يڠ تعلّق كبات ساور دان درڤد ڤيهق مغرب يڠ دلم نكري يڠ تعلّق كڤد كڤريامن دان كبارس راج يڠ مموّت چاجه ڤڤراڠن توجه ڤوله درلاوت دان ببراڤ درڤد سكل ڤكاين دان ڤرسڤركهان يڠ انده انده دان درڤد سكل سنجات يڠ ملّي ملّي راج يڠ بروله كلبيهن درڤد لمڤه كلبيهن توهن سرو عالم سكليّن دلم تحت كرجان نكري آچه دارالسّلام يايت راج يڠ نتّياس مڠوچڤ ڤوچ ڤجيّن اكن توهن سرو عالم سكليّن درڤد دلمڤهكنپ كلمڤاهن كارنّياپ ڤد مپرهكن نكري درڤد ڤيهق مشرق سڤرت لوبق دان ڤيدر دان سمرلاڠ دان ڤساڠن دان ڤاسي دان ڤرلق دان بسيتڠ دان تميّڠ دان دلّي دان اساهن دان تنجڠ دان ڤاني دان ركّن دان بات ساور دان سكل نكري يڠ تعلّق كبات ساور دان ڤيرق دان ڤاهڠ دان اندركيري مك درڤد ڤيهق معرب_cekسڤرت نكري چلّڠ دان دايا دان بارس دان ڤسمن دان تيكو دان ڤريامن دان سليدا دان اندرڤور دان بڠكوول دان سليبر دان ڤلمبڠ دان جمبي داتڠ كڤد راج يڠ دنكري أڠكرس يڠ برنام راج يعقوب يڠ مڠمڤوكن نكري برتاني دان نكري فرنسي دان نكري ايرلندي دككلكن توهن سرو عالم سكلين جوّ كراڠ كرچانپ دان دتلوڠيپ جو كراپ ايّ درڤد سكل ستروپ. ستله ايت بارڠ تاه كراپ راج بهو همب ترلال سكّچت منڠر يوپ سورت يڠ دسوره راج ڤرسمبهكن كڤد همب ايت مك اد ترسبت دلمپ بهو راج موهنكن بارڠ داڤت اورڠ اڠكرس بنياكڤ دلم نكري تيكو دان ڤريامن دان بارڠ داڤت اوڠئيت دودق بنياكڤ دسان سڤرت ڤد زمان ڤادك مرحوم سيدالمكمّل ايت مك

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

تيته همب بهو اورڠ اڠكرس يڠ سڤرت دكهنداک راج ايت تياد داڤت كيت برّي بنياڤ دنڤري تيكو دان ڤريامن دان تياد داڤت دودق بنياڤ دسان كارن نڤري ايت نڤري دوسن لاڤ جاوه درڤد كيت جک دانياي اورڠ تيكو اتو اورڠ ڤريامن اكن اورڠ ايت نشچاي كجّ بوپ كيت كڤد راج يعقوب ايت دڠن انڤره توهن سرو عالم سكليّن جک هندق اورڠ اڠكرس يڠ همب ڤد راج ايت بنياڤ مک بنيڤاله اي دلم نڤري آچه دان جک اي هندق مڠنترکن ڤيترپ بنياڤ دلم نڤري اچه دهنترکنپ سڤاي برڠسياڤ بربوّت انياي كاتسپ سڤر كيت ڤركسئاي دان كيت حكمكن دڠن حكم يڠ عادل درڤد بهو اي همب ڤد راج يڠ بركرم كريمن سورت دڠن كيت ايت دسجهتراكن توهن سرو عالم جوّ كراپ راج يعقوب دلم تحت كرجان نڤري اڠكرس ايت سلام لماپ. اد ڤون سورت اين دسورت دلم نڤري اچه ڤد بلاڠن اسلام سريب دو ڤوله امڤت تاهن.

Transiliterasi A17/S2: Surat Sultan Iskandar Muda dari Aceh kepada Raja Inggeris James bertarikh 1615M

Huwa 'Illah ta'ala

Surat daripada Seri Sultan Perkasa Alam johan berdaulat, raja yang beroleh martabat kerajaan, yang dalam takhta kerajaan yang tiada terlibat oleh penglihat, yang tiada terdengar oleh penengar, yang bermaligai gading, berukir berkerawang, bersendi bersindura, berwarna sadalinggam, yang berair emas, yang beristana sayojana menentang, yang bersungai berikat batu pelinggam, yang upama cermin sudah terupam, yang berpanchuran emas bepermata beberapa daripada pancuran perak; raja yang mengampukan perbendaharaan daripada seni emas, dan seni perak, dan daripada galian emas yang dalam negeri Priaman pada gunung negeri Salida; yang mengampukan permata sembilan jenis, yang berpayung emas bertimbalan yang beratnya berratus kati; yang berpeterana emas, yang berciu emas; raja yang mengampukan kuda yang berpelana emas, yang berrumbai-rumbaikan emas, yang beratnya berratus kati, yang berkekang emas bepermata; raja yang berzirah suasa, dan berketopong suasa, dan yang bergajah bergading emas, berkemban perak, bergenta suasa, yang berantai suasa; raja yang bergajah berrengka tinggi suasa, dan yang berprisai suasa, dan yang berlembing suasa, dan yang istinggar suasa, dan yang berkuda yang berpelana suasa, dan yang gajah kursi perak, dan yang yang berkop perak, dan yang bergong suasa, dan yang beralat emas dan suasa dan perak, dan yang bertimba emas bepermata; raja yang menyenggerahakan nisyan diri daripada nisyan emas, yang bergelar Megat Alam, yang turun-temurun daripada raja bernisyan suasa; raja yang mengampukan raja-raja yang berratus-ratus daripada pihak mashrak, yang dalam negeri yang takluk ke Deli, dan yang dalam negeri yang takluk ke Batu Sawar, dan daripada pihak maghrib, yang dalam negeri yang takluk ke Priaman, dan ke Barus; raja yang memuat gajah peperangan tujuh puluh dari laut, dan beberapa daripada segala pakaian, dan persenggrahan yang indah-indah, dan daripada segala senjata yang mulia-mulia; raja yang beroleh kelebihan daripada limpah kelebihan Tuhan seru alam sekalian, dalam takhta kerajaan negeri Aceh Darussalam, iaitu raja yang netiasa mengucap puji-pujian akan Tuhan seru alam sekalian daripada dilimpahkannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelimpahan karunianya pada menyerahkan negeri daripada pihak masyrak seperti Lubok dan Pedir dan Perlak dan Basitang da Tamiyang dan Deli dan Asahan dan Tanjung dan Pani dan Rekan dan Batu Sawar dan segala negeri takluk ke Batu Sawar dan Perak dan Pahang dan Inderagiri, maka daripada pihak maghrib seperti negeri Calang dan Daya dan Barus dan Pasaman dan Tiku dan Priaman dan Salida dan Inderapura dan Bengkulu dan Salibar dan Palembang dan Jambi; datang kepada raja yang di negeri Inggeris yang bernama Raja Yakub, yang mengampukan negeri Britani dan negeri Fransi dan negeri Irlandia. Dikekalkan Tuhan seru alam sekalian jua kiranya kerajaannya, dan ditolonginya jua kiranya ia daripada segala seterunya.

Setelah itu barang tahu kiranya raja bahawa hamba terlalu sukacita menengar bunyi surat yang disuruh raja persembahkan kepada hamba itu. Maka ada tersebut dalamnya bahawa raja mohonkan barang dapat orang Inggeris berniaga dalam negeri Tiku dan Priaman, dan barang dapat orang itu duduk berniaga di sana, seperti pada zaman Paduka Marhum Said al-Mukammal itu. Maka titah hamba bahawa orang Inggeris yang seperti dikehendaki raja itu tiada dapat kita beri beniaga di negeri Tiku dan Priaman, dan tiada dapat duduk beniaga di sana, kerana negeri itu negeri dusun, lagi jauh daripada kita. Jika dianiaya orang Tiku atau orang Priaman akan orang itu, niscaya keji bunyi kita kepada Raja Yakub itu. Dengana anugeraha Tuhan seru alam sekalian, jika hendak orang Inggeris yang hamba pada raja itu berniaga, maka berniagalah ia dalam negeri Aceh; dan jika ia hendak mengantarkan peturnya beniaga, dalam negeri Aceh dihantarkannya; supaya barang siapa berbuat aniaya ke atasnya segera kita pereksai, dan kita hukumkan dengan hukuman yang adil, daripada bahawa ia hamba pada raja yang berkirim-kirimkan surat dengan kita itu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Disejahterakan Tuhan seru alam jua kiranya Raja Yakub dalam takhta kerajaan Inggeris itu selama-lamanya.

Adapun surat ini disurat dalam negeri Aceh pada bilangan Islam seribu dua puluh empat tahun.

Sumber Shellabear (1897) dalam Gallop dan Arps (1991)

v. A17/S3: Surat Raja Ambon di Makasar kepada Gubernur Syarikat India Timur bertarikh 1658M (Lampiran E)

Naskhah ini bertarikh 20 Sya'ban 1068 (23 Mei 1658) menggunakan tulisan Jawi dengan dakwat hitam atas kertas buatan Eropah berukuran 33.8 X 34.5cm. Surat ini ditulis di Makasar pada tahun 1658 iaitu tempat Raja Ambon, Kimelaha Salahak Abdul Kadir dan pengikutnya melarikan diri setelah ditakluk oleh Belanda. Isi surat menyatakan bahawa Kimelaha meminta bantuan Syarikat Hindia Timur, berdasarkan perjanjian yang telah dibuat tiga puluh tahun yang lalu. Kimelaha berjanji akan membayar Syarikat Hindia Timur sebanyak 500 bahara cengkeh sekiranya dapat mengusir Belanda dari Ambon (Gallop 1991).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

سلام دعا يڠدهياس درڤد كملاه سَلَهَک داتس تحت كرجان تانه امبن سرة تَعْظِيْمُ دان تكرم داتڠ كڤد كُوْرنَدُوْر كُمْڤَنِيَ دان كُمْڤَنِيَ يڠ دڤلهاراكن الله سُبْحَانَهُ وتعالىٰ دڤد تيڤ٢ ماس دان كتيک لاڬ برتمبة٢ صحبة دان سجهتر طول الله عمره وَرَاد في كُلِّ يوم دولة واحسانه ببركة محمد من لا نبي بعده آمين ه يا رب للعالمين كمدين درڤد ايت مک سبب تتكال دهول درڤد تيڬ ڤوله تاهن ايت راج در اڠكلس دان كُمْڤَنِي سوده برصحبة دڠن بركاسه كاسيهن مک سبَابَ دڠن كَامَ اورڠأمبن مک سباب فتنه اورڠ وَلَنْدَ ايت سباب ممبونه اورڠ اڠكلس در امبن مک جادي برچريله دڠن صحبة كام راج اڠكلس دان كمڤني مک سكارڠ اين نكري كام ڤون اورڠ وَلَنْدَ مک كيت ڤون هندق دبونه اتو دتڠكف اد ڤون كيت ايت بلم الله تعالى بري انتڠ كا كيت مات اتو دتڠكف مک كيت لڤس داتڠ در مڠكاسر مپره دير كام كڤد راج مڠكاثر اد ڤون جكلو صحبة كام راج اڠكلس اڠت كڤد ڤرجنجين كام دهول بايكله تولڠ كڤد كام جكلو دتولڠ الله كارن تانه امبن اين اڤام ڤرمڤون بڠبايک لاكيث دوا اورڠ سؤرڠ اڠكلس سؤرڠ ولند ادڤون سكارڠ اين فتنه اورڠ ولند جوڬ مک برچري له دڠن صحبة كام مک سكارڠ كملوون اين صحبة كام جوک امڤوث كملوون مک سباب صحبة كام سوده لام لوڤ كڤد كام مک كام ممبري تاه جكلو اد ايڠت لاڬ بلله بايكله شكره ممبالس كملوون دان ايڠتكن ڤرجنجين دهول جكلو دتلوڠ الله مک داڤت تانه امبن كمبال ڤد تاڠن كام مک كام ممباير بالنجا در كمڤني ليم راتس بهار انشاالله جاڠن چنتا تولڠكن جوک تمت هجرة نبي صلى عليه وسلم سريب انم ڤوله دو لاڤن ڤ تاون زه تتكال مپورة سورة اين ڤد تانه مڠكاشر

ڤد بولن سعبن دو ڤوله هار بولن ڤد هار حمس ڤد وقت ضحيٰ وكاطِبُهُ كملاسلها عَبْدُ القَادِرُ والسلام بالخيره

Transiliterasi A17/S3: Surat Raja Ambon di Makasar kepada Gubernur Syarikat India Timurbertarikh 1658M

Cap: (tengah) Abdul Kadir ibn Syahbuddin bi al-'-r-a-? *hijrat salahu alahi wasalam* 1067 (bingkai) *La illaha illa Allah Muhammad rasul Allah La illaha illa Allah Muhamma rasul Allah.*

Salam doa yang dihias daripada Kimelaha Salahak yang di atas takhta kerajaan tanah Ambon serta takzim dan takrim datang kepada Gurunadur Kompanyi dan Kompanyi yang dipeliharakan Allah subhanahu wa taala di pada tiap2 masa dan ketika, lagi bertambah2 sahabat dan sejahtera tawal Allah *umrah wa rada di kalbu m daulat wa hasanah beberkat Muhammad min la nabi badahu amin h ya rabi al-alamin.*

Kemudian dari pada itu maka sebab tatkala dahulu dari pada tiga puluh tahun itu Raja dari Inggris dan Kompanyi sudah bersahabat dengan berkasih-kasihan maka sebab dengan kami orang Ambon. Maka sebab fitnah orang Walanda itu sebab membunuh orang Inggris dari Ambon maka jadi bercerailah dengan sahabat kami Raja Inggris dan Kompanyi. Maka sekarang ini negeri kami punya orang Walanda, maka kita pun hendak dibunuh atau ditangkap. Adapun kita iu b-l-m Allah taala beri untung

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ka kita mati atau ditangkap. Maka kita lepas datang dari Mengkasar menyerah diri kami kepada Raja Mengkasyar. Adapun jikalau sahabat kami Raja Ingglis ingat kepada perjanjian kami dahulu baiklah tolong kepada kami, jikalau ditolong Allah karena tanah Ambon ini upama perempuan yang baik, lakinya dua orang, seorang Ingglis, seorang Walanda.

Adapun sekarang ini fitnah orang Walanda juga, maka bercerailah dengan sahabat kami. Maka sekarang kemaluwan ini sahabat kami juga empunya kemaluwan. Maka sebab sahabat kami sudah lama lupa kepada kami maka kami memberi tahu jikalau ada ingat lagi, baiklah2 syegerah membalas kemaluwan dan ingatkan perjanjian dahulu. Jikalau ditolong Allah maka dapat tanah Ambon kembali pada tangan kami. Maka kami memberi balanja dari Kompanyi lima ratus bahara insya Allah jangan cinta tolongkan juga tamat. Hijrat nabi salahu alaihiwsalam seribu enam puluh dua lapan pada taun z-r-h tatkala menyurat surat ini pada tanah Mengkasyar pada bulan Sa'ban dua puluh hari bulan pada hari Khamis pada waktu s-n-h-y-a wa-katibuha Kimela Salaha Abdul Kadir wa-salam bi al-khair h h.

Sumber Gallop dan Arps (1991)

1. Kertas surat rosak di sini.
2. Perkataan 'baiklah' ditulis salah oleh penulis dan dicoret, kemudian ditulis sekali lagi dengan benar.

Tidak ketinggalan terdapat lima pucuk surat abad ke-18 yang turut dikaji iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Surat Tunku Baginda Raja Makota, Anak Sungai kepada Orang Kaya Jeneral [J.Collett], Bengkulu (1712M*), Surat dari Sultan Gandam Syah, Muko-Muko 1 kepada Syarikat Hindia Timur* (1733M), *Surat Gabenor Jeneral R. De Klerk kepada Sultan Muhammad Bahauddin Palembang* (1782M), *Surat Sultan Sulaiman, Banjarmasin kepada GJ (Willem Arnold Alting),* 1792M) dan *Surat Sultan Banjar kepada GJ (Willem Arnold Alting)*, 1796M

vi. A18/S1: Surat Tunku Baginda Raja Makota, Anak Sungai kepada Orang Kaya Jeneral [J.Collett], Bengkulu bertarikh 1712M (Lampiran F)

اين سورتة ممبري تاه سڤلا انق اڠكرس يڠ برجباتن دالم فولو سمتر اين بارڠتاه اورعكاي جندرل يڠ دالم نڤري بڠكهول ادفون تتكال ڤمفني دودک فد فو سمتر اين اياله كفتن مستر جردن يڠ داتڠ كدالم اندرفور سياف ته يڠ ممڤڠكن ڤمفني تتكال فدا ماس ايت اياله تونكو سلطان محمد شاه دڠن تونكو بڤند راج مكتا اد ڤون ڤرجنجين تونكو سلطان محمد شاه سرة تونكو بڤند راج مكتا دڠن ڤمفني لال فد نڤري هڠكا اندرفور داتڠ كفد سبللت دڠن كتاون دبريكن اوله تونكو سلطان محمد شاه سرت تونكو بڤند راج مكتا كفد ڤمفني اكن اكن تمڤتن برنياڤ تياد بوله برتياڤ دڠن اورڠ

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

يڠ لور درفد ڬمفني اڠكرس اث كمفني تياد ممري اوسل نكري اتو بيا نكري اين اث افاته اوتڠ ڬمفني بربلنج مسک سريبو كفل هابس هرة كمفني اكن بلنج نكري اين تيا منجاد اوتڠ اوله سكل بشر دالم نكري اين اث حكم ڬمفني فد كمفني حكم ملايو فد ملايو ايتوله فرجنجيَّن ڬمفني دڠن تونكو سلطان محمد شاه سرة تونكو بڬند راج مكتا اياله كمبال له كفتنّ مستر جردان كفد نكري مدرس اياله داتڠ كمندر مستر هار منكهي ڤرجنجين ايت ايتفون مات كمندر مستر هار برڬنتي دڠن كمندر مستر فاة مات كمندر مستر فاة داتڠله كمندر كبين سرة كفتن مستر جردان مک برتمبه تكه له فرجنجين ايت كمدين درڤد ايت اد تيكا تاهون لماث موكه له تونكو سلطان محمد شاه درفد كمفني اڠكرس لاريله اي كمنجوة راج منجوة فون ماة دودک له تونكو سلطان محمد شاه ايت دمنجوة دامبله انق ولند تڠكل له كمندر مستر ڬيين دڠن بڬند رج مود سودار تونكو بڬند راج مكتا لال فد تونكو بڬند اج مكتا لال له ايا كترامڠ ممباوا انق اڠكرس اياله مستر مودي يڠ كمندر دالم ترامڠ انق ولند فون دودک له ايا دبنتل سرة اورڠ تونكو سلطان محمد شاه ايتفون بركلاي له تونكو بكند راج مكتا سرة ڬمفني دڠن رعية تونكو سلطان محمد شاه بكند راج مود فون بركلاي فول دالم اندرفور دڠن رعية تونكو سلطان محمد شاه ايتفون براف لماث بركلاي لاريله كمندر مستر ڬيين كفد انق ولند كفادڠ يڬند راج مود فون لاريله ايا كترامڠ سرة سلداد كفد سودراث تونكو بڬند راج مكتا ايتفون براڤ لماث بركلاي دالم ترامڠ دڠن رعية تونكو سلطان محمد شاه ولند فون لاريله كفادڠ رعية تونكو سلطان محمد شاه فو لاريله كمنجوة سكل اورڠ انق شڠي فون دافت له اوله تونكو بكند رج مكتا ايتفون ايلڠله كمندر مستر مودي ايتفون سمبيلن كمندر يڠ تياد براوبه سفرة جنچين ايت فرتام مستر مودي كدوا مستر اتن كتيكا مستر بل كعفة مستركنيدي كليم مستر فريد كعنم مستر دال كتوجه مستر ايتن كسلافن مستر بوكن كسمبيلن مستر ويلا ادجوا تكه سفرة فرجنجين ايت ايلڠ كمندر مستر ويلا تياد لاكٍ سفرة فرجنجين ايت داتڠ سكارڠ سياڤ تاه بايک سياف جاهت انق سڠي اين تيادله تونكو يڬند راج مكتا تاه فد بچارا ايت اين تتكال كمفني دودک فد نكري بڠكهول مستر بلوم نام كنمدرث سياڤ ته يڠ ممكڠكن ث ايا فڠبرن اوجڠ كاله دڠن اورڠكاي ليل مهراج سمبيلن كمندر دبڠكهول يڠ ممكڠكن فرجنجين ايت فرتام مستر بلوم كدو مستر بَراتن كتيكا مستر سودن كعمفت مستر فلية كليم مستر بة/بلة كعنم مستر ميمان كتوجه مستر وة كسلافن مستر هيل كسمبيلن اورڠكاي جندرل مستر كرس تياد لاكٍ سفرة جنجين ايت سكارع تونكو رج مكتا فوث تابک تاپک٢ كفد اورڠكاي جندرل يڠ دالم بڠكهول جكلو اد دفڬڠ سفرة جنجين ايت سكا تونكو بڬند رج مكتا جكلو تياد دفڬڠ اوله اورڠكاي جندرل سفرة جنجين ايت ليه سكا تونكو بڬند راج مكتا فد بچار ايت

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

كمدين درفد ايت بارڠتاه اورڠكاي جندرل تتكال مستر فريد كمندر دالم ترامڠ ايالە مستر ميمان كمندر دبڠكهول ايالە تونكو بڬند راج مكتا ميوره انق ڽ راج كچل بسر برلاري كنڮري مدرس دڠن كفل كفيتن فرة برتڤاكن اف كهندق ڮمفني فد فولو سمترا اين اف كات جندرل يڠ دالم نڮري مدرس يڠ برنام مستر ويلم كيفر ميوره ممنت چاف كفد تونكو سلطان يڠ دالم مينڠ كابو يڠ امفوڤاه فولو سمترا ايت ايتفون كمبال راج كجل بسر كترامڠ ممباوا بيچارا ايت ايتفون ميوره له تونكو بڬند راج مكتا كمينڠ كابو ممنت چاف ايتفون برولهله چاف درفد تونكو سلطان دالم نڮري مينڠ كابو چاف سرة دڠن وقيلڽ سياف ته يڠ وقيل مطلق اوله تونكو سلطان دالم نڮري مينڠ كابو ايالە تونكو بڬند راج مكتا اكن ممكڠكن ڮمفني اڠڮرس بارڠ ديمان تمفة سكا ڮمفني دودک دالم فولو سمترا ايت كارن چاف اين سوده لال كنڮري اڠڮرس سكارڠ تونكو بڬند راج مكتا برتاڽ كفد اورڠكاي جندرل اف سببڽ مک بچارا سلاک اين بريتاه جوا تونكو بڮند راج مكتا اوله اورڠكاي. كمدين درفد ايت بارڠتاه اورڠكاي جندرل يڠ دالم نڮري بڠكهول لال فد ريل انم سوک فد سبهار لاد دكاسه اوله ڮمفني كفد تونكو بڬند راج مكتا بوكن اد بيا بوكن اسل نڮري كارن ريل انم سوک فد سبهار لاد ايت اكن مكانن دكاسه ڮمفني كفد تونكو بڬند راج مكتا هندق دكاج اوله ڮمفني تياد فاتت ايالە دكاسه اوله ڮمفني ريل انم سوک ايت كفد تونكو بڬند راج مكتا اين له اسل۲ ڮمفني دودک فد فولو سمتر اين برڠتاه سڮل انق اڠڮرس يڠ برجباتن ديدالم سمترا اين. تمت.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Transiliterasi A18/S1: Surat Tunku Baginda Raja Makota dari Anak Sungai kepada Orang Kaya Jeneral [J.C. Collet] di Bengkulu bertarikh 1712M

Cap: Sultan Abdul Jalil mempunyai tahta kebesaran herajaan negeri Minangkabau mengaku anak kepada tahta Sultan Nasar yang h-n-y-b-b-f

Ini surat memeri tahu segala anak Inggeris yang berjabatan dalam Pulau Sumatera ini. Barang tahu Orang Kaya Jenderal yang dalam negeri Bengkahulu, adapun tatkala Gompeni duduk pada Pu(lau) Sumatera ini, ialah Kapten Mister (Du) Jardin yang datang ke dalam Inderapura, siapatah yang memegangkan Gompeni tatkala pada masa itu ialah Tunku Sultan Muhammad Syah dengan Tunku Baginda Raja Makota. Adapun perjanjian Tunku Sultan Muhammad Syah serta Tunku Baginda Raja Makota dengan Gompeni lalu pada negeri hingga Inderapura datang kepada Seblat dengan Ketaun diberikan oleh Tunku Sultan Muhammad Syah serta Tunku Baginda Raja Makota kepada Kompeni akan {akan} tempatnya berniaga, tiada boleh berniaga dengan orang yang luar daripada Gompeni Inggeris, anya Gompeni tiada memeri usul negeri atau biaya negeri ini, anya apatah utang Gompeni berbelanja masuk seribu kapal habis harta Gompeni, akan belanja negeri ini tia(da) menjadi utang oleh segala besyar dalam negeri ini, anya hukum Gompeni pada Gompeni, hukum Melayu pada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melayu, itulah perjanjian Gompeni dengan Tunku Sultan Muhammad Syah serta Tunku Baginda Raja Makota. Ialah kembalilah Kapitan Mister (Du) Jardin kepada negeri Madras, ialah datang Komander Mister Ord [h-r] menegohi pada janjikan itu. Itu pun mati Komander Mister Har berganti dengan Komander Mister p-t, mati Komander Mister Gibbon serta Kapitan Mister (Du) Jardin, maka bertambah teguhlah perjanjian itu.

Kemudian daripada itu ada tiga tahun lamanya mukahlah Tunku Sultan Muhammad Syah daripada Gompeni Inggeris, larilah ia ke Menjuto, Raja Menjuto pun mati, dudu'lah Tunku Sultan Muhammad Syah itu di Menjuto, diambilah anak Wolanda. Tinggallah Komandar Mister Giban dengan Baginda Raja Muda saudara Tunku Baginda Raja Makota lalulah ia ke Teramang membawa anak Inggeris ialah Mister Moody, yang Komandar dalam Teramang anak Wolanda pun, dudu'lah ia di Bantal serta orang Tunku Sultan Muhammad Syah. Itu pun berkelailah Tunku Baginda Raja Makota serta Gompeni dengan rakyat Tunku Sultan Muhammad Syah. Baginda Raja Muda pun berkelai pula dalam Inderapura dengan rakyat Tunku Sultan Muhammad Syah. Itupun berapa lamanya anak Wolanda ke Padang. Baginda Raja Muda pun larilah ia ke Teramang serta s-l-d-a-d kepada saudaranya Tunku Baginda Raja Makota. Itupun berapa lamanya berkelai dalam Teramang dengan rakyat Tunku Sultan Muhammad Syah, Wolanda pun larilah ke Padang, rakyat Tunku Sultan Muhammad Syah pu(n) larilah ke Menjuto; segala orang Anak Sungai pun dapatlah oleh Tunku Baginda Raja Makota. Itupun ilanglah Komandar Mister Moody.

Itupun sembilan Komandar yang tiada berubah seperti janjian itu: pertama Mister Mudi, kedua Mister a-t-n [?John Acton atau Matthias Hatton], ketiga Mister b-l, keempat Mister Kennedy, kelima Mister Frith, keenam Mister d-l [?Delapie], ketujuh Mister Eyton, keselapan Mister b-w-g-n, kesembilan Mister w-y-l-a. Ada jua tegoh seperti perjanjian itu; ilang Komandar Mister w-y-l-a, tiada lagi perjanjian seperti itu. Datang sekarang siapa tahu baik siapa jahat Anak Sungai ini, tiadalah Tunku Baginda Raja Makota tahu pada bicara itu.

Ini tatkala Gompeni duduk pada negeri Bengkahulu. Mister Bloome nama Komandarnya, siapatah yang memegangkannya ia Pangiran Ujang Galah dengan Orang Kaya Lela Maharaja. Sembilan Komandar di Bengkahulu yang memegangkan perjanjian itu: pertama Mister Bloome, kedua Mister Broughton, ketiga Mister Sowdon, keempat Mister Fleetwood, kelima Mister b-l-t, keenam Mister Mildmay, ketujuh Mister Watts, keselapan Mister Hoyle, kesembilan Orang Kaya Jenderal Mister Cross. Ada jua lagi tegoh seperti janjian itu; ilang Orang Kaya Jenderal Mister Cross, tiada lagi seperti janjian itu.

Sekarang Tunku Raja Makota punya tabik banyak2 kepada Orang Kaya Jenderal yang dalam Bengkahulu. Jikalau ada dipegang seperti janjian itu, suka Tunku Baginda Raja Makota. Jikalau tiada dipegang oleh Orang Kaya Jenderal seperti janjian itu, lebih suka Tunku Baginda Raja Makota pada bicara itu.

Kemudian daripada itu barang tahu Orang Kaya Jenderal tatkala Mister Frid Komandar dalam Teramang, ialah Mister Mildmay Komandar di Bengkahulu, ialah Tunku Baginda Raja Makota menyuruh anaknya Raja Kecil Besar berlayar ke negeri Madras dengan kapal Kapitan p-r-t bertanyakan apa kehendak Gompeni pada Pulau Sumatera ini, apa kata Jenderal yang dalam negeri Madras yang bernama Mister William Gyfford menyuruh meminta cap kepada Tunku Sultan yang dalam Minangkabau yang empunyah Pulau Sumatera itu. Itu pun kembali Raja Kecil Besar ke Teramang membawa bicara itu. Itupun menyuruhlah Tunku Baginda Raja Makota ke Minangkabau meminta cap. Itupun berolehlah cap daripada Tunku Sultan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

negeri Minangkabau, cap serta dengan wakilnya, siapatah yang wakil mutlak oleh Tunku Sultan dalam negeri Minangkabau ialah Tunku Baginda Raja Makota akan memegangkan Gompeni Inggeris, barang di mana tempat suka Gompeni duduk dalam Pulau Sumatera ini, karena cap itu sudah lalu ke negeri Inggeris. Sekarang Tunku Baginda Raja Makota bertanya kepada Orang Kaya Jenderal, apa sebabnya maka bicara selaku ini, beritahu jua Tunku Baginda Raja Makota oleh Orang Kaya.

Kemudian daripada itu barang tahu Orang Kaya Jenderal yang dalam negeri Bengkahulu lalu pada rial enam suku pada sebahara lada dikasih oleh Gompeni kepada Tunku Baginda Raja Makota, bukan ada biaya bukan asal negeri, karena rial enam suku pada sebahara lada itu akan makanan dikasih Gompeni kepada Tunku Baginda Raja Makota hendak dikaji oleh Gompeni, tiada patut ialah dikasih oleh Kompeni rial enam suku itu kepada Tunku Baginda Raja Makota.

Inilah asal2 Gompeni duduk pada Pulau Sumatera ini, barang2 tahu segala anak Inggeris yang berjabatan di dalam Sumatera ini. Tamat.

Sumber Gallop dan Arps (1991)

vii. A18/S2: Surat dari Sultan Gandam Syah, Muko-Muko 1 kepada Syarikat Hindia Timur bertarikh 1733M (Lampiran G)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Surat dari Sultan Gandam Syah, Muko-Muko 1 kepada Syarikat Hindia Timur ditulis pada September 1733M. Surat yang ditulis dengan dakwat ini menggunakan kertas buatan Belanda berukuran 445 x 281mm dan mempunyai cap mohor berwarna hitam di bahagian atas surat (Gallop 1991).

سورة تولس دان اخلاص سرة تابع باڤق٢ سرة دغن ڤوته هات جو اداڠ درڤد تيڤ٢ مالم دان سيڠ تياد برماس دان كتيک، ياءيت درڤد تيڤ٢ ماس يڠ دڤرتون سري سلطان كندم شاه دالم موک٢ اداڠ، دسمڤيکن الله تعالى كيراڠ كڤد كمڤني دالم نکرى اڠلن يڠ منجادي كڤال كڤد سکل تمڤة نکري يڠ اد دودک اورڠ ڤوته اڠکري ڤد تيڤ٢ نکري يڠ بسر٢ در اتس اڠن سمڤي كباوه اڠن، مشهورله عادل موره كمڤني كڤد تيڤ٢ نکري دان بندر يڠ بسر٢ دان اداله سکل همب الله اية منريم سجوء دان كنوڠن دان كسنتوشاهن سبب براوله كاءديلن كمڤني سرة دغن كموراهنڠ اداڠ بارڠ تاه كمڤني اكن حال فري حال همب اتس بركيرم سورة تابع باڤق٢ اين اكن ممبري تهوكن منت همب باڤق٢ كڤد كمڤني دان جكلو اداكن فاتت ددالم فيكر كمڤني اكن سڤرة منت همب اية، بأيک كمڤني مناره كوت بات ددالم موک٢ سوڤاي سکل هات منتري دان فرواتن سجوء هتيڠ. دان لاک ڤد تيڤ٢ نکرى يڠ ادا امفر اية، بير كچل هتيڠ يڠ هندق بربواة جاهة كڤد همب دان كڤد منتري دان فراواتن يڠ اد دباوه فرنته همب، سوڤاي كمڤني تاه اداڠ. كمدين درڤد اية ڤيكر همب مسكي همب مات تڠكل كڤد بارڠ سياڤ يڠ اكن منجادي راج ددالم انق سوڠي تيدقله ڤد فرنيكاءن كمڤني سڤرة لاد اكن كورڠ لاكي، ملينكن اكن برتمبه٢ جو ڤد تيڤ٢ موسن سوڤاي اورڠكا (اورعک) كمڤني تاه اداڠ كمدين درڤد اية ڤول. ددالم فيكر همب بلم له

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

دهول٢ ممنت سڤره منت همب اية كارن ددالم هات همب مک همب بران ممنت سڤرة اية بير ككل سلماڽ٢ كمڤني ممكڠكن انق سوڠي سوڤاي سنڠ دان سنتوش سكل اين نكري يڠ اد دباوه فرنته همب. دان لاكي بيرcek برتمبه٢ كرس هات سكل منتري دان فرواتن مڠرجاكن ڤرنيكاءن كمڤني سڤرة كبن لاد اية ددالم انق سوڠي، ايتو٢ ددالم ڤيكر همب. دان جكلو اداكن ڤاتت ددالم ڤيكر كمڤني اكن سڤرة منت همب اية اداڽ كمدين درڤد اية فيكر همب سكال كمڤني سوسه دان بارڠ اكن بلنج كمڤني مڠرجاكن كوت بات اية دان لاكي ڤاكر ساي دان تمڤت كمڤني سكالي سڤرة دهول اية اكن سوسه جو كمڤني مڠرجاكن تمڤت اية، فيكر همب سڠكهڤون سڤرة اية منت همب ملينكن كمڤني ڤوڽ وردي همب دڠر شوڤاي كمڤني تاه اداڽ. كمدين درڤد اية منت همب باڤق٢، دان جكلو اداكن ڤاتت ددالم فيكر كمڤني، بري همب سات تندا كسوكاءن كمڤني يڠ اكن همب فكڠ مسكي اوڤام داون كاي سهلي يڠ تياد اكن هابس سلماڽ٢، مسكي همب مات بير تڠكل كڤد راج يڠ لاين دبلاكڠ همب بارع سياڤ ڤاتت ددالم فيكر كمڤني اداڽ. كمدين درڤد اية بوله كمڤني برتاڽ كڤد كڤيتن رابن ذيكن اكن تمڤة كمڤني ددالم موک٢، كارن كڤيتن اية اد

سام٢ دڠن همب كبنتل ترامڠ براچڠ لاد يڠ دباو كڤل اية. كڤيتن اية اد مليهة سمواڽ بايک دان جاهتڽ ددالم انق سوڠي اية سوڤاي كمڤني تاه اداڽ. سات فون بلم جدنرمات همب كڤد كمڤني ملينكن هات ڤوته دان جرنه ڤد تيف٢ مالم دان سيڠ. تمت الكلام والله اعلم بالصواب.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Transiliterasi A18/S2: Surat Sultan Gandam Syah dari Muko-Muko 1 kepada Syarikat India Timur bertarikh 1733M

Cap: Seri Sultan Gandam Syah

Qawluh al-haqq

Surat tulus dan ikhlas serta tabik banyak2 serta dengan putih hati jua adanya daripada tiap2 malam dan siang tiada bermasa dan ketika, iaitu daripada tiap2 masa Yang Dipertuan Seri Sultan Gandam Syah dalam Muko2 adanya, disampaikan Allah taala kiranya kepada Kompeni dalam negeri Ingglan yang menjadi kepala kepada segala tempat negeri yang ada duduk orang putih Inggri(s) pada tiap2 negeri yang besar2 dari atas angin sampai ke bawah angin, masyurlah adil murah Kompeni pada tiap2 negeri dan Bandar yang besar2 dan adalah segala hamba Allah itu menerima seju' dan kenaungan dan kesentosyahan sebab beroleh keadilan Kompeni serta dengan kemurahannya adanya.

Barang tahu Kompeni akan hal peri hal hamba atas berkirim surat tabik banyak2 ini akan memberi tahukan minta hamba banyak2 kepada Kompeni, dan jikalau adakan patut di dalam pikir Kompeni akan seperti minta hamba itu, baik Kompeni menaruh kota batu di dalam Muko2 supaya segala hati menteri dan peruatan seju' hatinya. Dan lagi pada tiap2 negeri yang ada ampir itu, biar kecil hatinya yang hendak berbuat jahat kepada hamba dan kepada menteri dan peruatan yang ada di bawah perintah hamba,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

supaya Kompeni tahu adanya. Kemudian daripada itu pikir hamba meski hamba mati, tinggal kepada barang siapa yang akan menjadi raja di dalam Anak Sungai tidaklah pada perniagaan Kompeni seperti lada akan kurang lagi, melainkan akan bertambah2 jua pada tiap2 musin, supaya orang kaya Kompeni tahu adanya. Kemudian daripada itu pula di dalam pikir hamba belumlah raja2 yang dahulu2 meminta seperti minta hamba itu karena di dalam hati hamba maka hamba berani meminta seperti itu biar kekal selamanya2 Kompeni memegangkan Anak Sungai supaya senang dan sentosya segala isi negeri yang ada di bawah perintah hamba. Dan lagi biar bertambah2 keras hati segala menteri dan peruatan mengerjakan perniagaan Kompeni seperti kebun lada itu di dalam Anak Sungai, itu2 di dalam pikir hamba. Dan jikalau adakan patut di dalam pikir Kompeni akan seperti minta hamba itu adanya. Kemudian daripada itu pikir hamba, segala Kompeni itu susah dan barang akan berapa akan belanja Kompeni mengerjakan kota batu itu, dan lagi pagar saya dan tempat Kompeni sekali seperti dahulu yang akan susah jua Kompeni mengerjakan tempat itu, pikir hamba sungguhpun seperti itu minta hamba melainkan Kompeni punya wardi hamba dengar syupaya Kompeni tahu adanya.

Kemudian daripada itu minta hamba banyak2, dan jikalau adakan patut di dalam pikir Kompeni, beri hamba satu tanda kesukaan Kompeni yang akan hamba pegang, meski upama daun kayu sehelai yang tiada akan habis selamanya2, meski hamba mati beri tinggal kepada raja yang lain di belakang hamba, barang siapa patut di dalam pikir Kompeni adanya. Kemudian daripada itu boleh Kompeni bertanya kepada Kapitan r-a-b-n dh-y-k-n akan tempat Kompeni di dalam Muko2, karena Kapitan itu ada sama2 dengan hamba ke Bantal Teramang berdacing lada yang dibawa kapal itu. Kapitan itu ada melihat semuanya baik dan jahatnya di dalam Anak Sungai itu, supaya Kompeni tahu adanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Satu pun belum cendera mata hamba kepada Kompeni melainkan hati putih dan jernih pada tiap2 malam dan siang. *Tammat al-kalam wa-'llahu alam bi-al-h-w-a-b.*

Sumber Gallop dan Arps (1991)

viii. A18/S3: Surat Gabenor Jeneral R. De Klerk kepada Sultan Muhammad Bahauddin Palembang bertarikh 1782M (Lampiran H)

Naskhah bertarikh 7 Mei 1779 ini adalah surat daripada Gabenor Jeneral R. De Klerk di Betawi kepada Sultan Muhammad Bahauddin, Palembang. Surat ini bertulisan Jawi menggunakan dakwat di atas kertas buatan Asia bersaiz 490 x 280 mm. Terdapat cap mohor berwarna merah di bahagian atas kanan selari dengan permulaan teks (Gallop 1991).

بهو كورندور جندرال رينير دكلير ك دان سكلين رادن فن انديا بركيريم اين سورة اخلاص صحبة برصحبة دان بركاسه٢ن كڤد صحبة هندي تولنڤ ڤادك سري سلطان راتو محمد بهاءالدين راج اتس تحت كرجأن ڤلمبغ. دڤوهنكن اتسڤ صيحت دان عافية سرة دولت دان سكال بركة يغبولهء ممبهكياكن ڤد سنديرڽ بسرة رعية٢ن

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

استميو قول صحبة برصحبة قد انتار برتون سلطان دغن كمڤني ولندوي، بوله تڠكل تتف دان تكه هڠك زمان يڠ متاخر اداڤ وبعده كمدين درڤد ايت ڬوندور جندرال دان رادن فن انديا ممري تاهو كڤد ڤادک سري سلطان يڠ سده اي تريم صحبة تون سلطان يڠترمكتوب ڤد دو ڤوله انم هاري بولن اقتوبر تاهن سريب توجه راتس توجه فوله دو لاڤن مک تله ممري ساڠت سوک رضا ڤداڤ سبب ملهت دالمڤ ايت تون سلطان منيتهكن ڤد رعية٢ كرجأن مراجنكن ديريڠ دان مڠرجاكن دڠن سڠكهڠ سڤاي دتمبهكن ڤرنيكأن كمڤني. سبڬيلاڬ ڬورندو جندرال دان رادن فن انديا ممري يقين ڤد ڤادک سري سلطان يڠ ڤد ڤيهق كوندور جندرال دان رادن فن انديا تياد ڤنّه اكن تقصير سڤاي ميمڤيكن سكال كسكأن دان ڤربنتون يڠ سراڤت٢ اتس ڤڠهرڤن يڠتون سلطان درڤد ڤيهقڤ اكن تياد كورڠ مڠوسهاكن سڤاي تيڤ٢ تاهن ڤد مثورة سورة وعد ڤرجنجين يڠترسمڤه ميرهكن سكر٢ كڤد كمڤني ولندوي تيک لڤس ڤيكل تمبه ڤوته بسرة سجملة لاد يڠڤاتت اتس هرک٢ يڠ سده تتڤكن، استميوه\استيموه لاک دهارڤ ڤول تون سلطان اكن ميمڤيكن كلازمن يڠترڬڠ اتسڤ دالم تاهن اين يڠ سده جاهو ماسڤڤ جو اداڤ. تمت الكلام بالخير.

Transiliterasi A18/S3: Surat R.de Klerk di Batavia kepada Sultan Muhammad Bahauddin dari Palembang bertarikh 1779M

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Qawluh al-haqq wa kalamuh al-sidq

Bahawa Gurnadur Jenderal Reynier de Klerk dan sekalian Raden van India berkirim ini surat ikhlas sahabat-bersahabat dan berkasih2an kepada sahabat handai taulannya Paduka Seri Sultan Ratu Muhammad Bahauddin, raja atas tahta kerajaan Palembang, dipohonkan atasnya sihat dan afiat serta daulat dan segala berkat yang boleh membahagiakan pada sendirinya beserta rakyat2nya istimewa pula sahabat-bersahabat pada antara Tuan Sultan dengan Kompeni Wolandawi, boleh tinggal tetap dan tegoh hingga zaman yang mutakhirin adanya.

Wabadahu kemudian daripada itu Gurnadur Jenderal dan Raden van India memeri tahu kepada Paduka Seri Sultan yang sudah ia terima sahifat Tuan Sultan yang termaktub pada dua puluh enam hari bulan Oktober tahun seribu tujuh ratus tujuh puluh dualapan. Maka telah memeri sangat suka rida padanya sebab melihat dalamnya itu Tuan Sultan telah menitahkan pada rakyat2 kerajaan merajinkan dirinya dan mengerjakan dengan sungguhnya, supaya ditambahkan perniagaan Kompeni.

Sebagailagi Gurnadur Jenderal dan Raden van India memeri yakin pada Paduka Seri Sultan yang pada pihak Gurnadur Jenderal dan Raden van India tiada p-h-b akan taksir supaya menyampaikan segala kesukaan dan perbantuan yang serapat2 atas pengharapan, yang Tuan Sultan daripada pihaknya akan tiada kurang mengusahakan supaya tiap2 tahun pada menyurat surat waad perjanjian yang tersumpah menyuruhkan segera2 kepada Kompeni Wolandawi tiga laksa pikul timah putih beserta sejumlah lada yang patut atas harga2 yang sudah tetapkan, istimewa lagi diharap pula Tuan Sultan atasnya dalam tahun ini yang sudah jahu masuknya jua adanya. Tammat al-kalam bi-al-khayr.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tersurat dalam Kota Intan Pulau Jawa Besyar pada tujuh hari bulan Mei tahun seribu tujuh ratus tujuh puluh sembilan.

Sumber Gallop dan Arps (1991)

ix. A18/S4: Surat Sultan Sulaiman, Banjarmasin kepada G.J. Willem Arnold Alting bertarikh 1792M (Lampiran I)

Surat ini dikirim oleh Sultan Sulaiman kepada G.J [Willem Arnold Alting], tanggal 2 Ramadhan 1206 (24 April 1792). Menurut Wieringa, surat ini diterima di Batavia pada 7 Jun 1792. Surat ini ditulis dengan dakwat hitam atas satu halaman berukuran 48 x 26 cm, 24 baris. Kertas licin dan tipis, buatan Asia. Keadaan fizikal naskhah agak teruk kerana seluruh sisi tepi kanan serta garis lipatan (antara teks dan kolofon) sudah rosak dan berlubang-lubang. Tidak ada cap kertas. Cap sudah hilang dan hanya kelihatan bekas tempatnya, di bahagian atas kanan, sejajar dengan permulaan teks. Kepala surat berada di tengah sisi atas, berupa kaligrafi dalam bentuk sebuah segi tiga sama sisi dengan sisi dasar lengkung. Isi surat membicarakan tentang harga barang-barang yang ditukar antara kedua pihak, serta keluhan bahawa hak Sultan atas separuh cukai tidak mahu dibayar oleh Fetor setempat. (Naskah ini sudah dideskripsi oleh Wieringa (1998) dan Iskandar (1999)).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

قول الحقّ والكلامه الصّدق

بهو فادک سري سلطان سليمان المعتمد على الله ميمفيكن ورقت الاخلاص وتحفت الاجناس اكن تند صحبت برصحبت دان كاسه بركسيهن سلاک اد فرايدارن چكروال دان مالم دان سيغ سمفي كيراڠ كفد صحبت كيت كورندور جندرال دان سكل رادن فن انديا يغ عارف بجقسان فد ممرنتهكن سكل نكري مک دفوهنكن اتس صحبت دان عافيت سرتدافت سلامت عمر فنجغ اداڠ وبعده كمدين دريت بارغمعلوم كيراڠ صحبت ايت كورندور جندرال دان سكل رادن فن انديا اداله فادک سري سلطان تله منريم سكفغ ورقه درفد صحبت كيت كوندور جندرال دان سكل رادن فن انديا مک ترسبوت دالمڠ بهو اد صحبت كيت بركيرم صحلت هيجو سكايو دان بلدرو ميره سكايو مک اكن حال يغ دمكين ايت تله كيت تريم دغن ببراف كسكأن دان كريضأن سرت منريم كاسه باڽق ٢ كفد صحبت كيت كورندور جندرال دان سكل رادن فن انديا شهدان مک اكن هركاپ تله سوده كيت كاسهكن سام تاغن افروس جاكف كلقمان دبنجر يايت دغن دو راتس دو ريال سسوک مک سفركار لاک فادک سري سلطان برمقصود اكن دكريمي كفد صحبت كيت كورندور جندرال دان سكل رادن فن انديا

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

يايت استوفين كونڠ داسرن دان توكا بارڠدو فاسڠ مک اکن هرکن صحبت کيت
ڬورندور جندرال دان سڬل رادن فن انديا تاره دالم سورة سبا ڬيلاڬ کيت ممبري
معلوم کفد صحبت کيت ڬورندور جندرال دان سڬل رادن فن انديا درفد حال چوکي
تڠکو تتکال تمفو کمي سارسروس داتڠ کبنجر مک کيت بچراکن دڠن
کميسارسروس مک کات کمي سارسروس لبه بائيک ماسق سام کمفني مک کيت
ماسقکن کفد کمفني اکن چوکي تتکو ايت مک فد سکارڠ اين بهڬينڬ کفد کيت مک
کيت منت فد فيتور فندر بورم مک ديان تياد ماو مڠاسهکن کفد کيت سکارڠ اين
بڬيمان جوڬ بچارا صحبت کيت ڬورندور جندرال دان سڬل رادن فن انديا کارن
ترسبت ددالم وعد فرجنجأن فد فصل يڠ کتوجه بلس سکلين بيا٢ ددالم نڬري بنجر
سکلين کمفني يڠمموڠت تتاف کمفني فرجنجان فد کيت اکن دبايو سفاروڽ درفد ريال
يڠ ماسق فد تيف٢ تاهن در بيا٢ يڠ دفوڠت درفد سکلين بيا٢ بائيک درفد بيا٢ يڠ
دجوال دباوه تاڠن اکن ببراف تاهن لماڽ اتو بيا٢ يڠ دجوال دڠن ظاهر يڠ سدي
دهلوڽ اتو يڠ بهار ددافت کمدينڬ نسچاي کمفني کاسه سفاروڽ کفد کيت مک
سکارڠ سواتفون تياد علامت المحبة برکاسه برکسهن دڠن جرنه هات هات کادان
انتن دو بيج يڠ ساتو بيج برت توجه قراط کورڠ ستڠه فيت دان يڠ ساتو بيج برت
تڠه ليم قراط کورڠ ستڠه فيت تتاف يڠ ساتو بيج اد جاهت سديکت کارن کيت
منچاري يڠ بائيک اد سوسه کارن انتن يڠ يسر باڤق دچوري اورڠ دان امس برت ليم
فوله ريال ستڠهڽ امس ماسق دان ستڠڽ امس فاسير دمکين ايت إداڽ تمت الکلام
بالخير والسّلام

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ترسورة فد کوت کوبو کنچان هجرة سريب دو راتس انم تاهن دو هاريبولن رمضان
هاري ثلاث جم فوکل سمبيلن

Transiliterasi S4/A18: Surat Sultan Sulaiman kepada G.J (Willem Arnold Alting) bertarikh 1792M

Qawluhu al-haqq wa kalamuhu a-sadiq

Bahwa Paduka Sri Sultan Sulaiman *al-Mu'tamid ala al-Lah* menyampaikan *waraqat al-ikhlas wa tuhfat al-ajnas* akan tanda sahabat-bersahabat dan kasih-berkasihan selagi ada peredaran cakrawala dan malam dan siang, sampai kiranya kepada sahabat kita Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India yang arif bijaksana pada memerintahkan segala negeri, maka dipohonkan atasnya sehat dan afiat serta dapat selamat umur panjang adanya.

Wa ba'dahu kemudian dari itu, barang maklum kiranya sahabat kita Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India adalah Paduka Sri Sultan telah menerima sekeping warkat daripada sahabat kita Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India, maka tersebut dalamnya bahwa ada sahabat kita berkirim sakhlat hijau sekayu dan beludru merah sekayu. maka akan hal yang demikian itu telah kita terima dengan beberapa kesukaan dan keridaan serta menerima kasih banyak-banyak kepada sahabat kita Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Syahdan maka akan harganya telah sudah kita kasihkan sama tangan a-kh-r-w-s Jacob Klakman di Banjar, yaitu dengan dua ratus dua real sesuku. Maka seperkara lagi Paduka Sri Sultan bermaksud akan dikirimi kepada sahabat kita Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India, yaitu a-s-t-w-p yang kuning dasarnya dan toga barang dua pasang. Maka akan harganya sahabat kita Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India taruh di dalam surat.

Sebagai lagi kita memberi maklum kepada sahabat kita Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India daripada hal cukai tangku tatkala tempo Komisaris Roos datang ke Banjar. Maka kita bicarakan dengan komisaris Roos. Maka kata Komisaris Roos, lebih baik masuk sama Kompeni. Maka kita masukkan kepada Kompeni akan cukai tangku itu. Maka pada sekarang ini akan bahagiannya kepada kita, maka kita minta pada Fetor van der Braam, maka dianya tiada mau mengasihkan kepada kita. Sekarang ini bagaimana juga bicara sahabat kita Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India, karena tersebut di dalam waad perjanjian pada pasal yang ketujuh belas sekalian biaya di dalam negeri Banjar sekaliannya Kompeni yang memungut. Tetapi Kompeni perjanjian pada kita akan dibayar separunya daripada real yang masuk pada tiap-tiap tahun dari bea-bea yang dipungut daripada sekalian bea-bea, baik daripada bea-bea yang dijual di bawah tangan akan beberapa tahun lamanya, atau bea-bea yang dijual dengan zahir yang sedia dahulunya, atau yang baharu didapat kemudiannya, nescaya Kompeni kasih separunya kepada kita.

Maka sekarang suatu pun tiada *'alamat al-mahabbah* berkasih-berkasihan dengan jernih hati hanya keadaan intan dua biji yang satu biji berat tujuh karat kurang setengah p-y-t dan satu biji berat tengah lima karat kurang setengah p-y-t, tetapi yang satu biji ada jahat sedikit dari karena kita mencari yang baik ada susah karena intan yang besar banyak dicuri orang, dan emas berat lima puluh real setengahnya emas masak dan setengahnya emas pasir, demikian itu adanya. *Tammat al-kalam bi al-khayr wa al-salam.*

Tersurat pada Kota Bumi Kencana Hijrat seribu dua ratus enam tahun, dua hari bulan Ramadhan, hari Selasa jam pukul sembilan.

Sumber Mu'jizah (2009)

iix A18/S5: Surat Sultan Banjar kepada GJ (Williem Arnold Alting) bertarikh 1796M (Lampiran J)

Surat ini dikirim oleh Sultan Banjar kepada GJ [Willem Arnold Alting], tanggal 9 Zulhijah 1210 (15 Jun 1796). Surat berisi pemberitahuan bahawa Sultan sudah menerima bingkisan, yang isinya didaftarkan satu persatu. Surat ini ditulis atas satu halaman berukuran 26.5 x 48.5 cm, 12 baris. Kertas rupanya buatan Asia. Tulisan sangat bagus, rapi, dan jelas dengan dakwat berwarna hitam. Keadaan naskhah masih baik. Tidak ada cap kertas. Cap sudah hilang dan hanya kelihatan bekas tempatnya, di bahagian atas sisi kanan, sebaris dengan permulaan teks. Kepala surat berada di tengah sisi atas, berupa kaligrafi dalam bentuk sebuah segi tiga sama sisi dengan sisi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dasar lengkung (Naskhah ini sudah dideskripsi oleh Wieringa (1998) dan Iskandar (1999)).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

قول الحقه والكلامة الصّدق

بهو فادک سلطان يڠ ممفياي تحت كرجان ددالم دايره اقطار نڬري بنجر دان سڬل راج٢ بركيريم سورت تند صحبت برصحبت دان بركاسه كسيهن اتس جالن برتولڠ تلوڠن بارڠدسمفيكن كيراڠ كفد صحبت كيت ڬورندور جندرال دان سڬل رادن فن انديا يڠ مها بايک يڠ دودق ددالم نڬري بتاوي يڠ عارف لاڬ بجقسان مک دفوهنكن اتسڠ صحت دان عافيت سرت ب اوله سلامت عمر فنجڠ اداڠ وبعد كمدين درڤد ايت بارڠمعلوم افاله كيراڠ صحبت كيت ڬورندور جندرال دان سڬل رادن فن انديا اداله كيت ممبري خبر فد صحبت كيت اكن فريحال كيت سوده منريما بڠكيسن صحبت كيت يڠ دباو كفيتن كيچي يائيت دو فوله فون رمفه٢ ليم فون بوڠا فال دان ليم فون بوه فال دان ليم فون چڠكه دان ليم فون كايو مانس دان دو كايو چندي سترا فنجڠ سمبيلن هست دان ليم كايو چت هالس دان امفت كايو موري هالس دان سفوله كايو كمباي هالس فنجڠ دلافن هست فد ليم بلس هاري بولن راجب تاهن سريب دو راتس سفوله بتل يائيت كيت مزيما كاسه بكيتو باڤق سرت دڠن هات يڠ فوته شهدانلاک ددالم سورة اين تياد اف٢ بيچارا لاين سورة ايتوله اد بيچار دمكين اداڠ تمت الكلام.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ترسورة ددالم كوت بوم كنچان فد تاريخ سريب دو راتس كفد سمبيلن هاري بولن ذوالحجه هاري اربع جم فوكل امفت.

Transiliterasi A18/S5: Surat Sultan Banjar kepada GJ (Willem Arnold Alting) bertarikh 1796M

Qawluhu al-haqq wa kalamuhu al-sadiq.

Bahwa paduka sultan mempunya takhta kerajaan di dalam daerah *aqtar* 37 negeri Banjar dan segala raja-raja berkirim surat tanda sahabat-bersahabat dan berkasih-kasihan atas jalan bertolong-tolongan, barang disampaikan kiranya kepada sahabat kita Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India yang maha baik yang duduk di dalam negeri Betawi yang arif lagi bijaksana maka dipohonkan atasnya sehat dan afiat serta beroleh selamat umur panjang adanya.

Wa ba' du kemudian daripada itu, barang maklum apalah kiranya sahabat kita Gurnadur Jenderal dan segala Raden van India adalah kita memeri kabar pada sahabat kita akan perihal kita sudah menerima bingkisan sahabat kita yang dibawa kapiten kici, yaitu dua puluh pon rempah-rempah, lima pon bunga pala, dan lima pon buah pala, dan lima pon cengkih, dan lima pon kayu manis, dan dua kayu cindai sutera panjang sembilan hasta, dan lima kayu cita halus, dan empat kayu mori halus, dan sepuluh kayu kembaya halus panjang delapan hasta, pada lima belas hari bulan Rajab tahun seribu dua ratus sepuluh betul, yaitu kita menerima kasih begitu banyak serta dengan hati yang putih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Syahdan lagi di dalam surat ini tiada apa-apa bicara, lain surat itulah ada bicara, demikian adanya tammat al-kalam.

Tersurat di dalam kota Bumi Kencana pada tarikh seribu dua ratus kepada sembilan hari bulan Zulhijah hari Arba'a jam pukul empat.

Sumber Mu'jizah (2009)

Semua surat yang digunakan dalam kajian ini merupakan data sekunder yang dikumpul daripada pelbagai sumber iaitu koleksi Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia dan buku-buku kumpulan surat Melayu lama iaitu *Surat Emas Budaya Tulis di Indonesia* oleh Gallop, A.T. dan Arps, B. (1991), *Illuminations the Writing Traditions of Indonesia* oleh Kumar, A dan McGlynn, J.H. (1996), *Warkah Melayu Lama* oleh Ab. Razak (2006) dan *Iluminasi dalam Surat-surat Melayu Abad ke-18 dan ke-19* oleh Mu'jizah (2009).

3.5 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan beberapa langkah iaitu mengenal pasti dan menyediakan sempadan (parameter kajian) dan mengumpul maklumat melalui bahan kajian. Dalam kajian ini, sempadan atau batasan kajian ialah ejaan Jawi yang terkandung dalam dokumen. Menurut Cresswell (1994) gelungan proses pengumpulan data mengandungi langkah-langkah berikut:

- Mengenal pasti tapak/individu/bahan
- Mendapat akses dan membina *rapport*
- Persampelan bertujuan
- Mengumpul data
- Merekod maklumat
- Menyelesaikan isu-isu lapangan
- Menyimpan data

Semua langkah-langkah yang disenaraikan Cresswell (1994) telah dipatuhi oleh pengkaji. Sehubungan itu, setelah proses mengenal pasti bahan kajian selesai, pengkaji melakukan proses mendapat akses dan membina *rapport* untuk mendapatkan bahan yang telah dikenal pasti itu. Proses pencarian bahan seterusnya membawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada pemilihan sampel berdasarkan persampelan bertujuan. Setelah itu pengkaji mula mengumpul data melalui proses analisis kandungan mengikut kategori yang telah ditetapkan iaitu ejaan ekasuku, ejaan dwi/trisuku dengan kombinasi vokal dan kombinasi diftong, penggunaan dan bentuk huruf Jawi gubalan Melayu, penggunaan tanda diakritik, ejaan kata ganda, ejaan berangkai dan ejaan kata pinjaman Arab.

Secara terperinci, pengumpulan data kajian ini dibuat menerusi beberapa langkah iaitu penentuan unit analisis, semakan dan penandaan, pemilihan data dan transformasi data setelah dokumen dipilih menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Semua langkah tersebut dijelaskan dalam huraian di bahagian 3.5.1 hingga 3.5.5 berikut:


3.5.1 Penentuan unit analisis

Pengumpulan data dalam kajian ini dimulai dengan membuat proses pembacaan secara teliti dan berulang-ulang seperti saranan Endraswara (2008) dan Noraini (2010). Seterusnya, maklumat yang diperolehi daripada pembacaan tersebut dibahagikan kepada unit-unit kecil yang disebut dalam kajian ini sebagai *kategori* supaya data yang diperolehi mudah untuk dianalisis. Unit-unit tersebut kemudiannya ditulis kembali dalam jadual analisis supaya dapat diklasifikasikan jenisnya berdasarkan kaedah ejaan yang digunakan sama ada Kaedah Vokal, Kaedah Tanpa Vokal ataupun Kaedah Campuran. Bagi menentukan klasifikasi ejaan Jawi dalam kajian ini, kategori yang digunakan ialah Suku kata Terbuka+Suku kata Terbuka (SKB+SKB), Suku kata Terbuka+Suku kata Tertutup (SKB+SKT), Suku kata Tertutup+Suku kata Terbuka (SKT+SKB) dan Suku kata Tertutup+Suku kata Tertutup (SKT+SKT). Untuk tujuan analisis, pengkaji telah menyediakan senarai perkataan Jawi yang diperolehi daripada dokumen kajian mengikut kategori tersebut dalam bentuk jadual. Jadual tersebut digunakan untuk mengumpul perkataan yang telah dikeluarkan dari teks untuk diinterpretasi mengikut kategori tadi. Langkah ini menurut Noraini (2010) dianggap sebagai proses pembersihan data, yang memerlukan pengkaji membaca maklumat berulang kali dan memahami maklumat tersebut sambil meninjau jenis-jenis pengekodan yang akan dibuat, sama ada maklumat itu boleh dikategorikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan tema-tema tertentu yang berkaitan dengan fokus kajian. Susunan proses ini adalah seperti Rajah 3.2 di bawah ini:



Rajah 3. 2 Kerangka analisis kajian diubahsuai dari kerangka analisis oleh Crabtee dan Miller (1992)
Sumber: Noraini Idris 2010

Merujuk kepada Rajah 3.2 di atas, pengkaji terlebih dahulu menyediakan kerangka jadual analisis yang mengandungi kategori yang telah ditetapkan sebelum analisis dapat dibuat secara terperinci. Kerangka jadual analisis yang dibina akan dibincangkan dalam bahagian 3.6 (Prosedur Penganalisisan Data). Pemilihan kerangka jadual analisis dibuat berdasarkan cadangan Crabtee dan Miller (1992) kerana ia lebih bersifat terbuka, iaitu boleh disemak semula selepas dipadankan dengan teks yang berkenaan. Di samping itu, penjanaan pola dan perkaitannya bersifat interpretif iaitu dengan memberi makna kepada teks yang dibaca, malahan kerangka boleh disediakan dengan hanya berdasarkan teks bacaan secara sepintas lalu. Walau bagaimanapun, aspek isi kandungan teks tidak menjadi fokus dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan kerangka di atas sebagai panduan dalam membina jadual analisis kerana ia menepati keperluan kajian ini. Hal ini demikian kerana dalam kajian ini, langkah-langkah menganalisis perkataan perlu dijalankan secara terperinci dan direkodkan dengan jelas bagi membolehkan hasil dapatan dan hasil perbandingannya dinilai. Langkah-langkah yang dilakukan itu bermula dengan *mengenal pasti unit* iaitu mengenal pasti kaedah ejaan Jawi bagi perkataan yang dikaji dengan menyemak penggunaan huruf dan cara ejaan perkataan tersebut. Tujuan proses tersebut adalah untuk mengenal pasti perkaitan dan mengesahkan perkataan yang disenaraikan itu mengikut kategori yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah ditetapkan dalam jadual analisis. Peringkat mengenal pasti unit itu dilakukan dengan dua langkah iaitu *semakan dan penandaan* yang kemudiannya diikuti dengan *transformasi data*.

3.5.1 Semakan dan penandaan

Semakan dan penandaan melibatkan kerja memungut data yang berupa perkataan bertulisan Jawi daripada surat-surat Melayu lama. Fokus pengkaji pada peringkat ini adalah meneliti kaedah ejaan bagi setiap perkataan yang terkandung dalam surat-surat tersebut. Penelitian untuk tujuan semakan dan penandaan ini dilaksanakan dengan menggunakan jadual analisis yang telah diubah suai daripada Crabtee dan Miller (1992), seperti yang dipaparkan dalam Rajah 3.2. Proses ini dimulai dengan membaca teks, menanda perkataan mengikut kategori ejaan, membuat penelitian terhadap perkataan-perkataan tersebut dan memindah masuk (transformasi) semua perkataan yang telah ditanda ke dalam jadual analisis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.2 Pemilihan data

Selepas proses semakan dan penandaan, langkah seterusnya adalah membuat pemilihan data bagi mengenal pasti pola ejaan Jawi bagi setiap perkataan yang disenaraikan dalam jadual analisis. Data tersebut dipilih daripada teks mengikut kategori yang telah ditetapkan dalam jadual analisis. Dalam proses membuat pemilihan data, kaedah yang digunakan adalah meneliti ejaan bagi kata dasar sahaja. Dengan lain perkataan, analisis ejaan dalam kajian ini tidak melibatkan kata imbuhan. Menurut Hamdan (1999) kata dasar ialah kata yang tidak berimbuhan. Bilangan suku kata yang membentuk kata dasar ini boleh terdiri daripada satu suku kata (ekasuku), dua suku kata (dwisuku) atau lebih daripada itu (trisuku/empat suku). Secara terperincinya, kata dasar ekasuku ialah kata yang terbentuk daripada satu suku kata sahaja yang terdiri daripada suku kata terbuka atau suku kata tertutup. Contohnya perkataan *ya* (suku kata terbuka) dan *pun* (suku kata tertutup). Kata dasar dwisuku pula ialah perkataan yang terdiri daripada dua suku kata. Sebahagian besar kata-kata Melayu jati berbentuk dwisuku. Di samping itu terdapat juga perkataan yang kata dasarnya mempunyai trisuku atau tiga suku kata. Dari segi bilangannya, kata dasar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

trisuku tidak banyak dalam bahasa Melayu. Dalam menganalisis kata dasar trisuku dan ke atas, kajian ini menggunakan panduan dari Hamdan (2013) iaitu mengambil kira dua suku kata terakhir (praakhir) dan suku kata terakhir (akhir) sahaja.

Analisis pola ejaan yang dibuat dalam kajian ini merangkumi ejaan kata dengan kombinasi vokal dan ejaan kata dengan kombinasi diftong. Ejaan kata dengan kombinasi vokal terbahagi kepada dua kategori iaitu ekasuku dan dwi/trisuku. Kategori ekasuku atau perkataan yang mempunyai satu suku kata dianalisis berdasarkan empat pola, bergantung pada vokal yang menunjangi kata berkenaan iaitu:

i. Vokal e
ii. Vokal a
iii. Vokal i
iv. Vokal u/o

Bahagian dwi/trisuku pula mengandungi lapan kategori yang bergantung pada empat pola kombinasi vokal berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kategori 1: Suku kata Terbuka+Suku kata Terbuka (SKB+SKB). Pola kombinasi vokal di bawah SKB+SKB ialah:

i. Pola 1: Pola kombinasi vokal (e-a), (e-i), (e-u)
ii. Pola 2: Pola kombinasi vokal (a-a), (a-i), (a-u)
iii. Pola 3: Pola kombinasi vokal (u-a), (u-i), (u-u)
iv. Pola 4: Pola kombinasi vokal (i-a), (i-i), (i-u)

Kategori 2: Suku kata Tertutup+Suku kata Terbuka (SKT+SKB). Pola kombinasi vokal di SKT+SKB ialah:

i. Pola 1: Pola kombinasi vokal (e-a), (e-i), (e-u)
ii. Pola 2: Pola kombinasi vokal (a-a), (a-i), (a-u)
iii. Pola 3: Pola kombinasi vokal (u-a), (u-i), (u-u)
iv. Pola 4: Pola kombinasi vokal (i-a), (i-i), (i-u)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kategori 3: Suku kata Terbuka+Suku kata Tertutup (SKB+SKT). Pola kombinasi vokal di bawah SKB+SKT ialah:

i. Pola 1: Pola kombinasi vokal (e-a), (e-i), (e-u)
ii. Pola 2: Pola kombinasi vokal (a-a), (a-i), (a-u)
iii. Pola 3: Pola kombinasi vokal (u-a), (u-i), (u-u)
iv. Pola 4: Pola kombinasi vokal (i-a), (i-i), (i-u)

Kategori 4: Suku kata Tertutup+Suku kata Tertutup (SKT+SKT). Pola kombinasi vokal di bawah SKT+SKT ialah:

i. Pola 1: Pola kombinasi vokal (e-a), (e-i), (e-u)
ii. Pola 2: Pola kombinasi vokal (a-a), (a-i), (a-u)
iii. Pola 3: Pola kombinasi vokal (u-a), (u-i), (u-u)
iv. Pola 4: Pola kombinasi vokal (i-a), (i-i), (i-u)

Kategori 5: Suku kata Terbuka+Suku kata Diftong (SKB+SKD)
Kategori 6: Suku kata Tertutup+Suku kata Diftong (SKT+SKD)
Kategori 7: Suku kata Diftong+Suku kata Terbuka (SKD+SKB)
Kategori 8: Suku kata Diftong+Suku kata Tertutup (SKD+SKT)

Pola kombinasi diftong yang terangkum dalam Kategori 5 hingga Kategori 8 pula dianalisis mengikut tiga kombinasi pola berikut:

i. Pola 1: Pola kombinasi diftong (ai)

Perinciannya ialah diftong (ai) di awal, di tengah dan di akhir kata dengan pola (ai), (e-ai), (a-ai), (i-ai), (u-ai), (o-ai).

ii. Pola 2: Pola kombinasi diftong (au)

Perinciannya ialah diftong (au) di awal, di tengah dan di akhir kata dengan pola (au), (e-au), (a-au), (i-au), (u-au).

iii. Pola 3: Pola kombinasi diftong (oi)

Perinciannya ialah diftong (oi) adalah di akhir kata sahaja. Diftong (oi) di akhir kata diperincikan kepada: (e-oi), (a-oi), (i-oi), (o-oi).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi ejaan yang menggunakan tanda diakritik, penganalisisannya merangkumi aspek berikut:

i. Cara ejaan perkataan pengaruh Arab tahap satu yang mengandungi tanda diakritik iaitu baris di atas (*fathah*), baris di bawah (*kasrah*), baris di hadapan (*dhammah*), tanda mati (*sukun*), baris dua di atas, di bawah dan di hadapan (*tanwin*), *tasydid* dan tanda *mad.*

ii. Cara ejaan perkataan pengaruh Arab tahap dua yang dibuat dengan menghilangkan tanda diakritik iaitu baris di atas (*fathah*), baris di bawah (*kasrah*), baris di hadapan (*dhammah*), tanda mati (*sukun*), baris dua di atas, di bawah dan di hadapan (*tanwin*), *tasydid* dan tanda *mad.*

Aspek lain yang turut dianalisis ialah penggunaan huruf Jawi gubalan Melayu serta lambang hurufnya, ejaan berangkai, ejaan kata ganda dan ejaan perkataan pinjaman Arab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.4 Transformasi data

Proses pemilihan data, diikuti dengan proses transformasi data ke dalam lajur yang disediakan untuk tujuan penganalisisan data mengikut kategori. Proses ini memakan masa yang lama untuk disiapkan kerana pengkaji perlu teliti, agar tidak melakukan kesilapan yang boleh menjejaskan dapatan kajian. Setelah proses transformasi data, satu jadual perbandingan dibina bagi membolehkan pengkaji mengesan perbezaan ejaan dalam segi teks sezaman yang berlainan tempat dan kaedah ejaan yang paling dominan. Dalam fasa ini, ejaan perkataan berkenaan akan dibandingkan berdasarkan surat sezaman dan berbeza zaman, dan surat setempat dan berbeza tempat. Proses ini diakhiri dengan membuat kesimpulan akhir bagi menjelaskan hasil perbandingan tersebut dan mengenal pasti kaedah ejaan Jawi yang dominan dalam surat-surat tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.5 Pencatatan data

Proses pencatatan data perlu disertai dengan pemilihan data dan penyingkiran (pembuangan) data. Hal ini membawa maksud, data-data yang tidak relevan dengan kategori ejaan yang ditetapkan akan dibuang manakala data-data yang relevan sahaja diambil. Proses mencatat data ini melibatkan setiap perkataan dalam bahan kajian itu disisih mengikut kategori. Tugas ini perlu dilakukan dengan cermat dan berhati-hati untuk melihat sama ada ejaan perkataan itu kekal atau berubah-ubah dari satu abad ke satu abad yang lain, dan juga dari satu tempat ke satu tempat lain. Dalam proses pencatatan data, setiap perkataan yang digunakan secara berulang kali menggunakan ejaan yang sama, dalam surat yang sama dianggap sebagai satu perkataan. Sebaliknya, perkataan yang digunakan secara berulang kali dalam surat yang sama dengan ejaan yang berbeza, dianggap sebagai satu perkataan yang baharu. Hal ini bermakna, setiap perkataan dianalisis mengikut kategori ejaan yang telah dibina tanpa sebarang pengecualian. Setelah itu, pengkaji mengenal pasti pola ejaan bagi setiap perkataan tersebut dan menamakan kaedah ejaan yang digunakan berdasarkan pola ejaan yang ditemui sama ada menggunakan Kaedah Tanpa Vokal (0+0), Kaedah Vokal (1+1) atau Kaedah Campuran (0+1) atau/dan (1+0). Semasa proses ini, pengkaji turut menulis perkataan tersebut dengan ejaan Rumi menurut sebutannya dan bukan mengikut kaedah transliterasi sebenar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 PROSEDUR PENGANALISISAN DATA

Seperti yang telah dibincangkan sebelumnya, data-data dalam kajian ini dianalisis mengunakan pendekatan analisis kandungan. Dalam kaedah ini, proses pencatatan data dilakukan dengan menggunakan jadual analisis yang ditunjukkan dalam Jadual 3.2 hingga Jadual 3.18. Sebelum data dipindahkan ke dalam jadual analisis, pengkaji membuat kod (*coding*) terlebih dahulu. Menurut Corbin & Strauss (2008) dan Sarosa (2012) *coding* ialah kata atau frasa yang digunakan untuk mengenal pasti, mendeskripsi atau meringkas perkataan, perenggan ataupun sekumpulan teks. Dalam menganalisis kata dasar trisuku dan ke atas, kajian ini menggunakan panduan dari Hamdan (2013) iaitu mengambil kira dua suku kata terakhir (praakhir) dan suku kata terakhir (akhir) sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.1 Langkah analisis pola ejaan

Secara terperinci, langkah-langkah yang dilakukan dalam proses menganalisis data kajian ini terbahagi kepada empat peringkat berikut:

Peringkat 1: Kumpul surat mengikut abad dan analisis setiap perkataan mengikut kategori.

i. Mengumpul semua surat dan mengasingkannya mengikut abad yang telah ditentukan.
ii. Menganalisis setiap surat dengan cara mengasingkan setiap perkataan mengikut kategori ejaan dalam jadual analisis.

Peringkat 2: Meneliti pola ejaan yang telah dianalisis mengikut kategori.

i. Meneliti ejaan setiap perkataan bagi menentukan pola ejaannya.
ii. Menamakan kaedah ejaan berdasarkan pola ejaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peringkat 3: Meneliti kaedah ejaan Jawi yang paling dominan.

i. Meneliti ejaan Jawi yang paling dominan digunakan dalam surat kajian.

Peringkat 4: Meneliti aspek lain berhubung perkembangan ejaan Jawi.

i. Meneliti pengaruh sistem ejaan Arab dalam tulisan Jawi
ii. Meneliti penggunaan huruf-huruf gubalan Melayu iaitu *ca* (چ), *pa* (ڤ), ga (ݢ), *nga* (ڠ) dan *nya* (ڽ) serta lambang hurufnya
iii. Meneliti kaedah ejaan kata ganda
iv. Meneliti kaedah ejaan berangkai
v. Meneliti kaedah ejaan kata pinjaman Arab

3.6.2 Analisis pola ejaan

Analisis pola ejaan melibatkan analisis terhadap ejaan berkombinasi vokal dan ejaan berkombinasi diftong. Dalam analisis ini, ejaan berkombinasi vokal dibahagi kepada dua bahagian iaitu ekasuku dan dwi/trisuku. Bahagian ekasuku atau perkataan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai satu suku kata dianggap sebagai satu kategori, dianalisis berdasarkan empat pola bergantung pada huruf vokal yang menunjangi kata berkenaan iaitu (e), (a), (i) dan (u/o) manakala bahagian dwi/trisuku termasuk yang menggunakan kombinasi diftong pula mengandungi lapan kategori dengan lapan pola kombinasi suku kata iaitu:

Kategori 1: Suku kata Terbuka+Suku kata Terbuka (SKB+SKB)
Kategori 2: Suku kata Tertutup+Suku kata Terbuka (SKT+SKB)
Kategori 3: Suku kata Terbuka+Suku kata Tertutup (SKB+SKT)
Kategori 4: Suku kata Tertutup+Suku kata Tertutup (SKT+SKT)
Kategori 5: Suku kata Terbuka+Suku kata Diftong (SKB+SKD)
Kategori 6: Suku kata Tertutup+Suku kata Diftong (SKT+SKD)
Kategori 7: Suku kata Diftong+Suku kata Terbuka (SKD+SKB)
Kategori 8: Suku kata Diftong+Suku kata Tertutup (SKD+SKT)

Pola kombinasi vokal yang terkandung dalam dwisuku dan trisuku dianalisis mengikut empat pola kombinasi vokal berikut iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pola 1: Pola kombinasi vokal (e-a), (e-i), (e-u)
Pola 2: Pola kombinasi vokal (a-a), (a-i), (a-u)
Pola 3: Pola kombinasi vokal (u-a), (u-i), (u-u)
Pola 4: Pola kombinasi vokal (i-a), (i-i), (i-u)

Bagi pola kombinasi diftong pula, analisisnya mengikut tiga pola berikut:
Pola 1: Pola kombinasi diftong ai (ai), (e-ai), (a-ai), (i-ai), (u-ai), (o-ai).
Pola 2: Pola kombinasi diftong au (au), (e-au), (a-au), (i-au), (u-au).
Pola 3: Pola kombinasi diftong oi (e-oi), (a-oi), (i-oi), (o-oi).

Di samping itu, ejaan yang menggunakan tanda diakritik dianalisis mengikut aspek berikut:


i. Menggunakan tanda diakritik iaitu baris di atas, baris di bawah, baris di hadapan, tanda mati (*sukun*), baris dua di atas, baris dua di bawah, baris dua di atas, tanda *tasydid* dan tanda *mad.*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Menghilangkan tanda diakritik iaitu tidak menggunakan baris di atas, baris di bawah, baris di hadapan, tanda mati (*sukun*), baris dua di atas, baris dua di bawah, baris dua di atas, tanda *tasydid* dan tanda *mad*.

Ringkasan pembahagian analisis pola ejaan dalam A16/S1 hingga A18/S5 ditunjukkan menerusi Rajah 3.2 berikut:



Rajah 3.3 Pembahagian analisis pola ejaan

Di samping itu beberapa perkara berikut juga penting diketengahkan dalam penulisan ini sebagai panduan:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Cara membaca pola kategori dan pola ejaan adalah mengikut sistem Jawi iaitu dari kanan ke kiri. Contohnya: SKB+SKT akan dibaca bermula dari SKT+SKB, pola ejaan (1+0) akan dibaca bermula dari (0+1). Tujuan penetapan cara ini adalah untuk mengelakkan berlaku kesilapan ketika proses penganalisisan data.

ii. Ejaan Rumi bagi setiap perkataan Jawi adalah ditulis mengikut sebutan perkataan bukan mengikut kaedah transliterasi sebenar, memandangkan kajian ini tidak berfokus kepada transliterasi Jawi ke Rumi.


Sebagai rumusannya, maklumat mengenai ejaan Jawi dalam kajian ini meliputi kaedah ejaan Jawi bagi perkataan yang dikutip daripada surat-surat Melayu lama. Data yang dikumpul itu, dianalisis menggunakan pendekatan kualitatif konseptual yang menurut Suwardi (2008), proses analisis data dalam pendekatan ini selalu dihubungkan dengan konteks dan konstruk analisis. Konteks adalah berkaitan hal-hal yang berhubungan dengan struktur karya sastera manakala konstruk ialah binaan konsep analisis yang menjadi kerangka analisis. Menerusi pendekatan tersebut, perkataan dikumpulkan ke dalam elemen rujukan yang umum bagi memudahkan pembinaan konsep. Namun dalam kajian ini, analisis hanya dijalankan terhadap kaedah ejaan Jawi sahaja tanpa melibatkan struktur karya sastera. Tidak ketinggalan pendekatan kualitatif turut digunakan dalam kajian ini untuk menentukan kaedah ejaan yang paling dominan digunakan dalam surat-surat tersebut.

3.7 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual bertujuan untuk menjelaskan prosedur pelaksanaan kajian ini. Menerusi kerangka konseptual yang dibina, pengkaji dapat menerangkan dengan lebih jelas tentang kajian ini. Kerangka konseptual kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 3.3 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.4 Kerangka konseptual kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 KESIMPULAN

Bab III mengandungi penerangan terperinci tentang metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Sehubungan itu bab ini telah menerangkan perkara penting yang mendasari kajian, merangkumi sampel kajian (bahan dan bilangan bahan yang dikaji), metodologi kajian (kajian kepustakaan), reka bentuk kajian (kajian kualitatif dan kuantitatif), peringkat kajian, prosedur pengumpulan data (penentuan unit analisis, semakan dan penandaan, pemilihan data, transformasi data dan pencatatan data), prosedur analisis data (analisis kualitatif: analisis kandungan dan perbandingan, analisis kuantitatif: penentuan kekerapan), kategori suku kata (SKB+SKB, SKB+SKT, SKT+SKB dan SKT+SKT), pola ejaan (ejaan kombinasi vokal (ekasuku dan dwi/trisuku), ejaan kombinasi diftong) dan kaedah ejaan (Kaedah Tanpa Vokal, Kaedah Vokal dan Kaedah Campuran).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB IV

ANALISIS KAEDAH EJAAN JAWI

4.1 PENGENALAN

Bab ini memuatkan analisis terperinci berhubung kaedah ejaan Jawi dari sepuluh pucuk Melayu lama yang ditulis dalam abad ke-16, 17 dan 18. Dalam analisis ini, setiap perkataan yang terkandung dalam bahan kajian dikategorikan mengikut pola iaitu pola kombinasi vokal dan pola kombinasi diftong bagi membolehkan satu dapatan terperinci berhubung ejaan Jawi yang digunakan dalam bahan tersebut ditemui. Analisis pola kombinasi vokal ini merujuk kepada analisis terhadap suku kata dalam perkataan ekasuku dan dwisuku manakala bagi perkataan trisuku pula analisis dilakukan kepada dua suku kata terakhir dalam perkataan tersebut. Bagi perkataan yang berimbuhan akhiran pula, analisis dibuat terhadap dua suku kata terakhir kata dasarnya. Walau bagaimanapun, perkataan berimbuhan bukanlah fokus utama dalam kajian ini dan hanya dibincangkan sepintas lalu apabila terdapat perubahan pada kata dasar perkataan tersebut ketika tidak berimbuhan.

4.2 A16/S1: SURAT SULTAN ABU HAYAT KEPADA RAJA PORTUGAL (1521M)

4.2.1 Analisis pola ejaan

a. Pola 1: Pola kombinasi vokal (e-a), (e-i) dan (e-u)

i. Pola kombinasi vokal (e-a)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-a) dalam dwisuku dan trisuku yang ditemui dalam A16/S1 ditunjukkan dalam Jadual 4.1 dan rumusannya pula menerusi Jadual 4.2.

Jadual 4.1 Analisis ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-a) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1

Pola	Kategori			
	SKB+SKB	SKB+SKT	SKT+SKB	SKT+SKT
A16/S1	(1+0)	(0+0)	(0+0)	(0+0)
Kombinasi vokal	كرا (ن)	سرت	دغر	امڤت
(e-a)	kera(na)	serta	dengar	empat
			(0+0)	(0+0)
	-	-	لكس	لڠكڤ له
			lekas	lengkaplah
			(0+0)	
	-	-	اسرهكن	-
			aserahkan	

Perbincangan dalam Jadual 4.1, adalah berhubung ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-a). Dapatan menunjukkan, perkataan yang kombinasi vokalnya berpola (e-a) dieja tanpa menggunakan huruf vokal pada suku kata praakhir mahupun suku kata akhir kecuali pada perkataan كرا (ن) (keran(na)). Pola yang sama dapat dilihat dalam ejaan bagi kategori SKB+SKT, SKT+SKB dan SKT+SKT. Secara terperinci, didapati dalam contoh perkataan bagi kategori SKB+SKT iaitu سرت (serta), huruf vokal tidak digunakan dalam suku kata praakhir mahupun suku kata akhir. Begitu juga keadaannya pada tiga contoh perkataan bagi kategori SKT+SKB iaitu دغر (dengar), لكس (lekas) dan اسرهكن (aserahkan) serta contoh bagi kategori SKT+SKT iaitu امڤت (empat) dan لڠكڤ له (lengkaplah). Perkataan سره (serah) dan لڠكڤ (lengkap), masing-masingnya menerima akhiran كن dan partikel له. Semua contoh yang ditemui bagi ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-a) dalam A16/S1 tidak menggunakan huruf vokal. Bagi contoh kategori SKB+SKB كرا(ن) yang berkemungkinan sebutannya adalah *kera*(*na*), ditemui huruf vokal *alif* pada suku kata praakhirnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis di atas, terdapat satu perkataan sahaja dalam kategori SKB+SKB yang menggunakan Kaedah Campuran (1+0) iaitu (ن)كرا (kerana). Itu pun jika benar sebutannya *kerana*, memandangkan ejaan perkataan tersebut tidak lengkap kerana bahan A16/S1 telah rosak pada bahagian berkenaan. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa kategori SKB+SKT, SKT+SKB, dan SKT+SKT yang berkombinasi vokal (e-a) dieja menggunakan Kaedah Tanpa Vokal (0+0) iaitu tanpa huruf vokal. Kaedah ejaan Jawi dengan kombinasi vokal (e-a) dapat dilihat dalam Jadual 4.2 berikut:

Jadual 4.2 Kaedah ejaan Jawi dengan kombinasi vokal (e-a) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1

Kategori	Huruf vokal pada suku kata akhir	Huruf vokal pada suku kata praakhir	Bilangan	Kaedah Ejaan
SKB+SKB	Ada 1+0	Tiada	1	Kaedah Campuran
SKB+SKT	Tiada 0+0	Tiada	1	Kaedah Tanpa Vokal
SKT+SKB	Tiada 0+0	Tiada	3	Kaedah Tanpa Vokal
SKT+SKT	Tiada 0+0	Tiada	2	Kaedah Tanpa Vokal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Pola kombinasi vokal (e-i)

Ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-i) dalam dwisuku dan trisuku yang ditemui dalam A16/S1 ditunjukkan dalam Jadual 4.3 dan rumusannya pula menerusi Jadual 4.4.

Jadual 4.3 Analisis ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-i) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1

Pola	Kategori	
	SKB+SKB	SKB+SKT
A16/S1 Kombinasi vokal (e-i)	(1+0) ناكري negeri (1+0) بري beri	(0+0) سڤرة سڤرت seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ejaan bagi kata yang mempunyai kombinasi vokal (e-i) dipaparkan menerusi Jadual 4.3. Dapatan menunjukkan terdapat contoh bagi kategori SKB+SKB dan SKB+SKT manakala tiada contoh bagi kategori SKT+SKB dan SKT+SKT dalam A16/S1.

Merujuk Jadual 4.3, contoh kategori SKB+SKB yang kombinasi vokalnya berpola (e-i) dapat dilihat pada perkataan ناكري (negeri) dan بري (beri). Berdasarkan contoh tersebut, didapati huruf vokal *ya* (ي) digunakan dalam suku kata akhir. Bagi kategori SKB+SKT pula, tidak ada sebarang huruf vokal digunakan sama ada dalam suku kata praakhir atau pun suku kata akhir. Contohnya pada perkataan *seperti*. Perkara yang menonjol ialah perkataan *seperti* dieja dengan dua lambang *ta* iaitu *ta* terbuka (ت) dan *t*a tertutup (ة). Ejaan pertama *seperti* (سڤرة) menggunakan huruf *ta* tertutup (*ta marbutah*) manakala ejaan kedua *seperti* (سڤرت) menggunakan *ta* terbuka (*ta maftuhah*). Namun begitu pola ejaannya tidak berubah (0+0).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis di atas, dapat disimpulkan bahawa Kaedah Campuran (1+0) telah digunakan bagi kategori SKB+SKB manakala kategori SKB+SKT pula menggunakan Kaedah Tanpa Vokal (0+0). Namun begitu tidak dapat dipastikan pola ejaan bagi kategori SKT+SKB dan SKT+SKT kerana contohnya tidak ditemui dalam A16/S1. Kaedah ejaan Jawi dengan kombinasi vokal (e-i) dapat dilihat dalam Jadual 4.4 berikut:

Jadual 4.4 Kaedah ejaan Jawi dengan kombinasi vokal (e-i) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1

Kategori	Huruf vokal pada suku kata akhir	Huruf vokal pada suku kata praakhir	Bilangan	Kaedah Ejaan
SKB+SKB	Ada	Tiada	2	Kaedah Campuran
		1+0		
SKB+SKT	Tiada	Tiada	1	Kaedah Tanpa Vokal
		0+0		
SKT+SKB SKT+SKT	Tiada contoh			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Pola kombinasi vokal (e-u)

Ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-u) dalam dwisuku dan trisuku yang ditemui dalam A16/S1 ditunjukkan dalam Jadual 4.5 dan rumusannya pula menerusi Jadual 4.6.

Jadual 4.5 Analisis ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-u) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1

Pola	Kategori	
	SKB+SKT	SKT+SKT
Kombinasi vokal (e-u) (e-o)	(0+0) سر Serro	(0+0) جمڤت jemput

Jadual 4.5 memaparkan ejaan kata yang kombinasi vokalnya berpola (e-u) atau (e-o). Dua contoh ditemui dalam A16/S1 iaitu ejaan bagi kategori SKB+SKT dan SKT+SKT. Contoh bagi kategori SKB+SKT ialah سر (Serro). Dalam perkataan ini, huruf vokal *ya* tidak digunakan untuk mengeja bunyi *e* dalam suku kata praakhir. Hal yang sama dapat dilihat dalam perkataan berpola SKT+SKT. Huruf vokal *wau* juga tidak digunakan untuk mengeja bunyi *u* dalam perkataan جمڤت (jemput).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk kepada Jadual 4.5, dapat disimpulkan bahawa kata yang berkombinasi vokal (e-u) bagi kategori SKB+SKT dan SKT+SKT dieja menggunakan Kaedah Tanpa Vokal (0+0). Namun begitu tidak dapat dipastikan ejaan kata yang sepola dengannya bagi kategori SKT+SKB dan SKB+SKT kerana tidak ditemui contohnya dalam A16/S1. Kaedah ejaan Jawi dengan kombinasi vokal (e-u) dapat dilihat dalam Jadual 4.6 berikut:

Jadual 4.6 Kaedah ejaan Jawi dengan kombinasi vokal (e-u) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1

Kategori	Huruf vokal pada suku kata akhir	Huruf vokal pada suku kata praakhir	Bilangan	Kaedah Ejaan
SKB+SKT	Tiada	Tiada	1	Kaedah Tanpa Vokal
SKT+SKT	Tiada	Tiada	1	Kaedah Tanpa Vokal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my 0+0 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

...sambungan

			0+0	
SKB+SKB SKT+SKB	Tiada contoh			

b. Pola 2: Pola kombinasi vokal (a-a), (a-i) dan (a-u)

i. Pola kombinasi vokal (a-a)

Ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-a) dalam dwisuku dan trisuku yang ditemui dalam A16/S1 ditunjukkan dalam Jadual 4.7 dan rumusannya pula menerusi Jadual 4.8.

Jadual 4.7 Analisis ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-a) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1

Pola	Kategori			
	SKB+SKB	SKB+SKT	SKT+SKB	SKT+SKT
Kombinasi vokal (a-a)	(0+1) راج raja	(0+0) هرت harta	(0+1) داتغ datang	(0+1) درامڤس dirampas
	(0+1) مام mama	-	(0+0) علم alam	(0+0) لڤكر لسكر لشكر lasykar
	(0+1) كران kerana	-	(0+1) باسر basar	-
	(0+1) بيناس بناس binasa	-	(0+0) بجهن Bajahan (0+0) انق anak	-
	(0+0) اد ada	-	(0+0) دلم dalam	-
	(0+0) مک maka	-	(0+1) داڤت dapat	-
	(0+0) كڤد kepada	-	(0+1) بڤارغ beparang	-
	(0+0) ڤد pada	-	(1+1) بڤاراغ له beparang lah	-
	(0+0) درڤد daripada	-	(0+1) باڤق banyak	-
	(1+1) ممباوا	-	(0+1) تاغن	-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

...sambungan

membawa		tangan	
(0+1) براف berapa	-	(0+1) بلاير belayar	-
(0+1) كات kata	-	(0+1) دايم dayam	-
(0+1) تياد tiada	-	(0+1) ابحايت Abu Hayat	-
(0+1) سودارا saudara	-	(1+0) كروال Kerawal	-

Merujuk Jadual 4.7 dalam kategori SKB+SKB, huruf vokal *alif* telah digunakan dalam suku kata praakhir. Penggunaan ini dapat dilihat dalam perkataan راج (raja), مام (mama), كران (kerana), بناس/ بيناس (binasa), سودار (saudara), براف (berapa), كات (kata) dan تياد (tiada). Terdapat juga beberapa perkataan ditemui di bawah kategori SKB+SKB tetapi tidak menggunakan huruf vokal *alif* dalam suku kata praakhir seperti dalam perkataan مک (maka), اد (ada), کڤد (kepada), ڤد (pada) dan درڤد (daripada). Semua perkataan ini termasuk dalam kategori Ejaan Tradisi. Perkataan ممباوا (membawa) pula menggunakan huruf vokal *alif* pada kedua-dua suku kata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis bagi kategori SKT+SKB, menunjukkan terdapat satu contoh perkataan yang ditemui iaitu هرت (harta). Perkataan *harta* dieja tanpa sebarang huruf vokal (0+0). Seterusnya bagi kategori SKB+SKT pula, huruf vokal digunakan pada suku kata praakhir dalam kebanyakan perkataan yang ditemui. Contohnya داتغ (datang), باسر (basar), داڤت (dapat), بڤارغ (berparang), باڤق (banyak), تاغن (tangan), بلاير (belayar), دايم (dayam) dan ابحايت (Abu Hayat). Perkataan (كروال) Kerawal dieja menggunakan huruf vokal *alif* pada suku kata akhir. Sedikit sahaja contoh perkataan bagi kategori SKT+SKB yang tidak menggunakan huruf vokal iaitu علم (alam), بجهن (Bajahan), انق (anak) dan دلم (dalam). Perkataan bagi kategori SKT+SKT pula dieja dengan dua pola iaitu (0+0) dan (1+0). Contohnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

لشكر/لسكر/لشكر (lasykar/laskar) dieja dengan pola (0+0) dan درامڤس (dirampas) menggunakan pola (1+0). Terdapat juga keadaan, dua atau tiga perkataan yang sama sebutan tetapi berlainan ejaan. Contohnya perkataan *binasa* yang dieja dengan بيناس dan بناس, *lasykar* dieja dengan tiga bentuk ejaan iaitu لشكر/ لسكر/ لشكر dan *berparang* dengan dua bentuk ejaan iaitu بڤارڠ dan بڤاراڠ.

Merujuk kepada Jadual 4.7, dapat disimpulkan bahawa ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-a) dalam A16/S2 dieja menggunakan Kaedah Tanpa Vokal (0+0) dan Kaedah Campuran (0+1) bagi kategori SKB+SKB dan SKT+SKT. Kategori SKB+SKT menggunakan Kaedah Tanpa Vokal (0+0) manakala kategori SKT+SKB menggunakan Kaedah Tanpa Vokal (0+0), Kaedah Campuran (0+1) dan Kaedah Vokal (1+1). Kaedah ejaan Jawi dengan kombinasi vokal (a-a) dapat dilihat dalam Jadual 4.8 berikut:

Jadual 4.8 Kaedah ejaan Jawi dengan kombinasi vokal (a-a) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kategori	Huruf vokal pada suku kata akhir		Huruf vokal pada suku kata praakhir	Bilangan	Kaedah Ejaan
SKB+SKB	Tiada	0+0	Tiada	5	Kaedah Tanpa Vokal
	Tiada	0+1	Ada	8	Kaedah Campuran
	Ada	1+1	Ada	1	Kaedah Vokal
SKB+SKT	Tiada	0+0	Tiada	1	Kaedah Tanpa Vokal
SKT+SKB	Tiada	0+0	Tiada	4	Kaedah Tanpa Vokal
	Tiada	0+1	Ada	10	Kaedah Campuran
	Ada	1+1	Ada	1	Kaedah Vokal
SKT+SKT	Tiada	0+0	Tiada	1	Kaedah Tanpa Vokal
	Tiada	0+1	Ada	1	Kaedah Campuran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Pola kombinasi vokal (a-i)

Ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-i) dalam dwisuku dan trisuku yang ditemui dalam A16/S1 ditunjukkan dalam Jadual 4.9 dan rumusannya pula menerusi Jadual 4.10.

Jadual 4.9 Analisis ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-i) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1

Pola	Kategori		
	SKB+SKB	SKT+SKB	SKT+SKT
Kombinasi vokal (a-i)	(0+0) در dari	(0+1) ترناته Ternateh	(0+0) دامبل diambil
	(0+1) ترناة ترنات Ternate	(0+1) كاسه kasih (0+1) ساكت sakit	-
	(0+1) مات mati	(0+1) كمبالک kembalik	-
	(0+0) بک bagi	(0+1) هادرله hadirlah	-
	(0+1) مارله marilah	-	-
	(1+1) هاري hari	-	-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9 merujuk kepada ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-i) dalam A16/S1. Menerusi contoh bagi kategori SKB+SKB, didapati huruf vokal tidak digunakan dalam perkataan در (dari) dan بک (bagi) manakala bagi perkataan هاري (hari), huruf vokal *alif* digunakan pada kedua-dua suku kata. Bagi pola kombinasi vokal (a-i) untuk perkataan مات (mati), مارله (marilah), dan ترناة/ترنات (Ternate) pula, huruf vokal *alif* digunakan pada suku kata praakhir sahaja. Bagi kategori SKT+SKB pula, didapati huruf vokal *alif* digunakan dalam suku kata praakhir. Contohnya dapat diperhatikan dalam perkataan ترناته (Ternateh), كاسه (kasih), ساكت (sakit), كمبالک (kembalik) dan هادرله (hadirlah). Bagi kategori SKT+SKT pula, tidak ada huruf vokal *alif* digunakan dalam suku kata akhir. Contohnya dapat dilihat pada perkataan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

دامبل (diambil) yang tidak menggunakan huruf vokal *ya*. Dalam hal ini huruf vokal *alif* di awal kata dasar, bukanlah *alif* vokal tetapi pengganti kepada konsonan hentian glotis yang padanan Jawinya ialah huruf *hamza*h.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk kepada A18/S5 pula, daripada 3 perkataan yang dianalisis, 2 perkataan menggunakan Kaedah Campuran, 1 perkataan menggunakan Kaedah Vokal dan tiada perkataan menggunakan Kaedah Tanpa Vokal. Analisis kategori bagi A18/S5 pula menunjukkan kombinasi vokal (e-i) digunakan dalam kategori SKB+SKB ialah (KTV=0, KC=2, KV=1), kategori SKB+SKT (KTV=0, KC=0, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=0, KC=0, KV=0) dan kategori SKT+SKT (SKT=0, KC=0, KV=0). Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A18/S5 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (e-i) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

Peratusan penggunaan setiap kaedah dalam A18/S4 dan A18/S5 ialah Kaedah Tanpa Vokal (33%), Kaedah Campuran (56%) dan Kaedah Vokal (11%). Dari segi kategori bagi kedua-dua surat (A18/S4, A18/S5) ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-i) digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=0%, KC=56%, KV=11%), kategori SKT+SKB (KTV=22%, KC=0%, KV=0%) dan kategori SKT+SKT (KTV=11%, KC=0%, KV=0%) manakala tiada contoh ditemui dalam kategori SKB+SKT. Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A18/S4 dan A18/S5 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (e-i) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis keseluruhan yang dibuat mengikut tempat, didapati kaedah yang paling banyak digunakan untuk mengeja ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-i) ialah Kaedah Campuran (57%) diikuti Kaedah Tanpa Vokal (38%) dan Kaedah Vokal (5%). Rumusan bagi penggunaan kaedah ejaan yang paling dominan mengikut kategori pula, dipaparkan menerusi Jadual 5.10 hingga 5.13 di bawah:

Jadual 5.10 Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKB+SKB: [e-i]

ABAD	BIL. KATA	PENGGUNAAN KAEDAH			KAEDAH YANG DOMINAN
		KTV	KC	KV	
16	6	3	3	0	KTV=KC
17	11	3	8	0	KC
18	22	1	19	2	KC
JUMLAH	39	7	30	2	KC

Berdasarkan Jadual 5.10, kaedah ejaan yang paling dominan bagi kategori SKB+SKB: [e-i] ialah Kaedah Campuran manakala kaedah yang kurang digunakan ialah Kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tanpa Vokal dan Kaedah Vokal. Kaedah ejaan paling dominan bagi kategori SKB+SKT ditunjukkan dalam Jadual 5.11 di bawah:

Jadual 5.11 Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKB+SKT: [e-i]

ABAD	BIL. KATA	PENGGUNAAN KAEDAH			KAEDAH YANG DOMINAN
		KTV	KC	KV	
16	2	1	1	0	KTV=KC
17	2	2	0	0	KTV
18	2	1	1	0	KTV=KC
JUMLAH	6	4	2	0	KTV

Berdasarkan Jadual 5.11, kaedah ejaan yang paling dominan bagi kategori SKB+SKT: [e-i] ialah Kaedah Tanpa Vokal manakala kaedah yang tidak digunakan ialah Kaedah Vokal. Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKT+SKB pula ditunjukkan dalam Jadual 5.12 berikut:

Jadual 5.12 Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKT+SKB: [e-i]

ABAD	BIL. KATA	PENGGUNAAN KAEDAH			KAEDAH YANG DOMINAN
		KTV	KC	KV	
16	1	1	0	0	KTV
17	6	3	3	0	KTV=KC
18	5	5	0	0	KTV
JUMLAH	12	9	3	0	KTV

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.12 menunjukkan kaedah ejaan yang paling dominan bagi kategori SKT+SKB: [e-i] ialah Kaedah Tanpa Vokal manakala kaedah yang tidak digunakan ialah Kaedah Vokal. Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKT+SKT dipaparkan dalam Jadual 5.13 berikut:

Jadual 5.13 Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKT+SKT: [e-i]

ABAD	BIL. KATA	PENGGUNAAN KAEDAH			KAEDAH YANG DOMINAN
		KTV	KC	KV	
16	0	0	0	0	-
17	1	1	0	0	KTV
18	2	2	0	0	KTV
JUMLAH	3	3	0	0	KTV

Berdasarkan Jadual 5.13, kaedah ejaan yang paling dominan bagi kategori SKT+SKT: [e-i] ialah Kaedah Tanpa Vokal manakala kaedah ejaan yang tidak digunakan ialah Kaedah Campuran dan Kaedah Vokal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk kepada analisis dalam Jadual 5.10 hingga 5.13, didapati bahawa kaedah ejaan yang paling dominan dalam mengeja kombinasi vokal (e-i) bagi kategori SKB+SKB ialah Kaedah Campuran, manakala kaedah ejaan bagi kategori SKB+SKT, SKT+SKB dan kategori SKT+SKT ialah Kaedah Tanpa Vokal. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kaedah yang dominan bagi mengeja kombinasi vokal (e-i) ialah Kaedah Tanpa Vokal. Dapatan ini menunjukkan wujudnya pengaruh sistem ejaan Arab iaitu tidak menggunakan huruf vokal dalam kedua-dua suku kata. Rumusan bagi kaedah ejaan perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (e-i) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5 ditunjukkan dalam Jadual 5.14 berikut:

Jadual 5.14 Kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (e-i) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5

Kod Surat/ Kategori Suku kata	Kombinasi Vokal (e-i) SKB+SKB	SKB+SKT	SKT+SKB	SKT+SKT
A16/S1	KC	KTV	-	-
A16/S2	KTV+KC	KTV	KTV	-
A17/S1	KTV+KC	-	-	-
A17/S2	KTV+KV	KTV	KTV	KTV
A17/S3	KC	-	KC+KTV	-
A18/S1	-	-	KC+KTV	-
A18/S2	KC	KTV+KC	KTV	KTV
A18/S3	KC	-	-	-
A18/S4	KC	-	KTV	KTV
A18/S5	KV+KC	-	-	-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.3 Perbandingan kombinasi vokal (e-u)

Bahagian ini membincangkan tentang ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-u) mengikut kategori SKB+SKB, SKB+SKT, SKT+SKB dan SKT+SKT dalam A16/S1 hingga A18/S5. Hasil analisis ditunjukkan dalam Jadual 5.15 (Lampiran O) dan rumusannya dalam Jadual 5.16 (Lampiran P).

a. Surat Ternate: A16/S1 dan A16/S2

Surat dari Ternate (A16/S1 dan A16/S2) menunjukkan sejumlah 2 perkataan telah dianalisis bagi mengenal pasti kaedah ejaan yang digunakan dalam kedua-dua surat tersebut dengan A16/S1 (2 perkataan) dan A16/S2 (0 perkataan). Dapatan analisis menunjukkan kaedah ejaan yang digunakan dalam A16/S1 ialah Kaedah Tanpa Vokal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(2), Kaedah Campuran (0) dan Kaedah Vokal (0). Dari segi kategori pula, ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-u) bagi A16/S1 dalam kategori SKB+SKB ialah (KTV=0, KC=2, KV=0), kategori SKB+SKT (KTV=1, KC=0, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=0, KC=0, KV=0), dan kategori SKT+SKT (KTV=1, KC=0, KV=0). Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A16/S1 ialah Kaedah Tanpa Vokal dan kombinasi vokal (e-u) ditemui sama banyak dalam kategori SKB+SKB dan SKT+SKT. Bagi A16/S2, tiada contoh ditemui dalam surat ini.

Peratusan penggunaan setiap kaedah dalam A16/S1 dan A16/S2 ialah Kaedah Tanpa Vokal (100%), Kaedah Campuran (0%) dan Kaedah Vokal (0%). Dari segi kategori bagi A16/S1 dan A16/S2, ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-u) digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=0%, KC=0% dan KV=0%), kategori SKB+SKT (KTV=50%, KC=0%, KV=0%), kategori SKT+SKB (KTV=0%, KC=0%, KV=0%) dan kategori SKT+SKT (KTV=50%, KC=0%, KV=0%). Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A16/S1 dan A16/S2 ialah Kaedah Tanpa Vokal dan kombinasi vokal (e-u) ditemui sama banyak dalam kategori SKB+SKB dan SKT+SKT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Surat Aceh: A17/S1, A17/S2 dan A17/S3

Analisis surat dari Aceh melibatkan surat A17/S1, A17/S2 dan A17/S3. Jumlah perkataan yang dianalisis ialah sebanyak 7 perkataan iaitu 3 perkataan bagi A17/S1, 3 perkataan bagi A17/S2 dan 1 perkataan bagi A17/S3. Secara terperinci, kaedah ejaan yang digunakan dalam A17/S1 ialah Kaedah Tanpa Vokal (2), Kaedah Campuran (1), dan Kaedah Vokal (0). Dari segi kategori, bilangan ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-u) digunakan dalam kategori SKB+SKB ialah (KTV=0, KC=1, KV=0), kategori SKB+SKT (KTV=0, KC=0, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=1, KC=0, KV=0) dan kategori SKT+SKT (KTV=1, KC=0, KV=0). Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A17/S1 ialah Kaedah Tanpa Vokal dan kombinasi vokal (e-u) ditemui sama banyak dalam kategori SKB+SKB dan SKT+SKB.

Bagi A17/S2, kaedah ejaan yang digunakan ialah Kaedah Tanpa Vokal (1), Kaedah Campuran (2) dan Kaedah Vokal (0). Dari segi kategori, didapati bilangan ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-u) digunakan dalam kategori SKB+SKB

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

(KTV=0, KC=2, KV=0), kategori SKB+SKT ialah (KTV=0, KC=0, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=1, KC=0, KV=0) dan kategori SKT+SKT (KTV=0, KC=0, KV=0). Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A17/S2 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (e-u) ditemui dalam kategori SKB+SKB.

Kaedah ejaan yang digunakan dalam A17/S3 pula ialah Kaedah Tanpa Vokal (1), Kaedah Campuran (0) dan Kaedah Vokal (0). Dari segi kategori, didapati bilangan ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-u) digunakan dalam kategori SKB+SKB ialah (KTV=0, KC=0, KV=0), kategori SKB+SKT (KTV=0, KC=0, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=1, KC=0, KV=0) dan kategori SKT+SKT (KTV=0, KC=0, KV=0). Oleh itu kaedah ejaan paling dominan dalam A17/S3 ialah Kaedah Tanpa Vokal dan kombinasi vokal (e-u) ditemui dalam kategori SKT+SKB.

Peratusan penggunaan setiap kaedah dalam A17/S1, A17/S2 dan A17/S3 ialah Kaedah Tanpa Vokal (57%), Kaedah Campuran (43%) dan Kaedah Vokal (0%). Dari segi kategori bagi A17/S1, A17/S2 dan A17/S3, didapati ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-u) digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=0%, KC=43%, KV=0%), kategori SKB+SKT (KTV=0%, KC=0%, KV=0%), kategori SKT+SKB (KTV=43%, KC=0%, KV=0%) dan kategori SKT+SKT (KTV=14%, KC=0%, KV=0%). Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A17/S1, A17/S2 dan A17/S3 ialah Kaedah Tanpa Vokal dan kombinasi vokal (e-u) ditemui sama banyak dalam kategori SKB+SKB dan SKT+SKB.

c. Surat Bengkulu: A18/S1

Seterusnya, analisis surat dari Bengkulu (A18/S1) menunjukkan bilangan kata yang ditemui dengan ejaan kombinasi vokal (e-u) ialah sebanyak 2 perkataan. Pecahan mengikut kaedah ejaan ialah Kaedah Tanpa Vokal (1), Kaedah Campuran (1), dan Kaedah Vokal (0). Peratusan penggunaan setiap kaedah dalam A18/S1 ialah Kaedah Tanpa Vokal (50%), Kaedah Campuran (50%) dan Kaedah Vokal (0%). Analisis kategori bagi A18/S1 pula mendapati ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-u) digunakan dalam kategori SKT+SKB (KTV=1, KC=1, KV=0) dan tidak digunakan dalam kategori SKB+SKB, SKB+SKT dan SKT+SKT. Oleh itu, kaedah ejaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dominan dalam A18/S1 ialah Kaedah Tanpa Vokal dan Kaedah Vokal kerana kombinasi vokal (e-u) ditemui sama banyak dalam kategori SKB+SKB dan SKT+SKB.

d. Surat Muko-muko: A18/S2

Merujuk kepada analisis surat dari Muko-muko (A18/S2), jumlah perkataan yang ditemui dengan kombinasi vokal (e-u) adalah sebanyak 3 perkataan. Daripada jumlah tersebut, 3 perkataan menggunakan Kaedah Tanpa Vokal, manakala tiada perkataan menggunakan Kaedah Campuran dan Kaedah Vokal. Peratusan penggunaan setiap kaedah dalam A18/S2 ialah Kaedah Tanpa Vokal (100%), Kaedah Campuran (0%) dan Kaedah Vokal (0%). Analisis kategori menunjukkan kombinasi vokal (e-u) digunakan dalam kategori SKB+SKT (KTV=3, KC=0, KV=0) dan tidak ditemui dalam kategori SKB+SKB, SKT+SKB dan SKT+SKT. Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A18/S3 ialah Kaedah Tanpa Vokal dan kombinasi vokal (e-u) ditemui sama banyak dalam kategori SKT+SKB.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

e. Surat Palembang: A18/S3

Analisis surat dari Palembang (A18/S3) telah menemui 1 perkataan yang mempunyai ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-u). Perkataan tersebut menggunakan Kaedah Tanpa Vokal (1). Peratusan penggunaan setiap kaedah dalam A18/S3 ialah Kaedah Tanpa Vokal (100%), Kaedah Campuran (0%) dan Kaedah Vokal (0%). Merujuk kepada analisis kategori pula, dapatan menunjukkan kombinasi vokal (e-u) hanya digunakan dalam kategori SKT+SKB (KTV=1, KC=0, KV=0). Tiada contoh ditemui dalam kategori SKB+SKB, SKB+SKT dan SKT+SKT. Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A18/S3 ialah Kaedah Tanpa Vokal dan kombinasi vokal (e-u) ditemui dalam kategori SKT+SKB.

f. Surat Banjarmasin: A18/S4 dan A18/S5

Analisis terhadap dua pucuk surat dari Banjarmasin pula mendapati sejumlah 2 perkataan ditemui dengan kombinasi vokal (e-u) dalam A18/S4 dan 1 perkataan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

A18/S5. Daripada 2 perkataan dalam A18/S4, didapati perkataan dieja menggunakan Kaedah Campuran (2) dan tiada perkataan dieja menggunakan Kaedah Tanpa Vokal dan Kaedah Vokal. Analisis kategori bagi A18/S4 pula menunjukkan kombinasi (e-u) digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=0 KC=0 KV=0), kategori SKB+SKT (KTV=0, KC=1, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=0, KC=1, KV=0) dan kategori SKT+SKT (SKT=0, KC=0, KV=0). Oleh, itu kaedah ejaan paling dominan dalam A18/S4 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (e-u) ditemui sama banyak dalam kategori SKB+SKT dan SKT+SKB.

Merujuk kepada A18/S5 pula, daripada 1 perkataan yang dianalisis didapati perkataan tersebut menggunakan Kaedah Tanpa Vokal manakala tiada perkataan menggunakan Kaedah Campuran dan Kaedah Vokal. Analisis kategori bagi A18/S5 pula menunjukkan kombinasi vokal (e-u) digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=0, KC=0, KV=0), kategori SKB+SKT (KTV=0, KC=0, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=1, KC=0, KV=0) dan kategori SKT+SKT (SKT=0, KC=0, KV=0). Oleh itu kaedah ejaan paling dominan dalam A18/S5 ialah Kaedah Tanpa Vokal dan kombinasi vokal (e-u) ditemui dalam kategori SKT+SKB.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peratusan penggunaan setiap kaedah dalam A18/S4 dan A18/S5 ialah Kaedah Tanpa Vokal (33%), Kaedah Campuran (67%) dan Kaedah Vokal (0%). Dari segi kategori bagi kedua-dua surat (A18/S1, A18/S2), ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-u) digunakan dalam kategori SKB+SKT (KTV=0%, KC=33.3%, KV=0%) dan kategori SKT+SKB (KTV=33.3%, KC=33.3%, KV=0%) manakala tiada contoh ditemui dalam kategori SKB+SKB dan SKT+SKT. Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A18/S4 dan A18/S5 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (e-u) ditemui sama banyak dalam kategori SKB+SKT dan SKT+SKB.

Berdasarkan analisis perkataan yang dibuat mengikut tempat, didapati bahawa kaedah yang paling banyak digunakan untuk mengeja ejaan kata dengan kombinasi vokal (e-u) ialah Kaedah Tanpa Vokal (67%) diikuti Kaedah Vokal (33%). Rumusan bagi penggunaan kaedah ejaan mengikut kategori pula, dipaparkan menerusi Jadual 5.17 hingga 5.20 di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.17 Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKB+SKB: [e-u]

ABAD	BIL. KATA	PENGGUNAAN KAEDAH			KAEDAH YANG DOMINAN
		KTV	KC	KV	
16	0	0	0	0	-
17	3	0	3	0	KC
18	0	0	0	0	-
JUMLAH	3	0	3	0	KC

Merujuk Jadual 5.17 kaedah ejaan yang dominan digunakan bagi kategori SKB+SKB:[e-u] ialah Kaedah Campuran manakala Kaedah Tanpa Vokal dan Kaedah Vokal tidak digunakan dalam kategori ini bagi mengeja perkataan dengan kombinasi vokal (e-u). Kaedah ejaan paling dominan mengikut bagi SKB+SKT ditunjukkan dalam Jadual 5.18 berikut:

Jadual 5.18 Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKB+SKT: [e-u]

ABAD	BIL. KATA	PENGGUNAAN KAEDAH			KAEDAH YANG DOMINAN
		KTV	KC	KV	
16	1	1	0	0	KTV
17	0	0	0	0	-
18	1	0	1	0	KC
JUMLAH	2	1	1	0	KTV=KC

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.18 menunjukkan bahawa tidak ada kaedah yang paling dominan bagi kategori SKB+SKT: [e-u]. Hal ini demikian kerana bilangan perkataan yang menggunakan Kaedah Tanpa Vokal dan Kaedah Campuran adalah sama namun kedua-duanya dalam kuantiti yang kecil. Kaedah Vokal pula tidak digunakan dalam kategori ini. Kaedah ejaan paling dominan mengikut bagi kategori SKT+SKB dipaparkan dalam Jadual 5.19 di bawah:

Jadual 5.19 Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKT+SKB: [e-u]

ABAD	BIL. KATA	PENGGUNAAN KAEDAH			KAEDAH YANG DOMINAN
		KTV	KC	KV	
16	0	0	0	0	-
17	3	3	0	0	KTV
18	8	6	2	0	KTV
JUMLAH	11	9	2	0	KTV

Berdasarkan Jadual 5.19, kaedah ejaan yang paling dominan bagi kategori SKT+SKB:[e-u] ialah Kaedah Tanpa Vokal manakala kaedah yang tidak digunakan ialah Kaedah Vokal. Kaedah ejaan paling dominan bagi kategori SKT+SKT ditunjukkan dalam Jadual 5.20 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.20 Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKT+SKT: [e-u]

ABAD	BIL. KATA	PENGGUNAAN KAEDAH			KAEDAH YANG DOMINAN
		KTV	KC	KV	
16	1	1	0	0	KTV
17	1	1	0	0	KTV
18	0	0	0	0	-
JUMLAH	2	2	0	0	KTV

Berdasarkan Jadual 5.20 di atas, kaedah ejaan paling dominan yang digunakan kategori SKT+SKT: [e-u] ialah Kaedah Tanpa Vokal manakala kaedah yang tidak digunakan ialah Kaedah Campuran dan Kaedah Vokal.

Merujuk kepada analisis dalam Jadual 5.17 hingga 5.20, didapati bahawa kaedah ejaan yang dominan dalam mengeja kombinasi vokal (e-u) bagi kategori SKB+SKB ialah Kaedah Campuran, kategori SKT+SKB dan SKT+SKT ialah Kaedah Tanpa Vokal manakala tiada kaedah ejaan yang dominan bagi kategori SKB+SKT kerana terdapat dua kaedah ejaan yang digunakan iaitu Kaedah Tanpa Vokal dan Kaedah Campuran. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kaedah ejaan yang banyak digunakan untuk mengeja kata dengan kombinasi vokal (e-u) ialah Kaedah Tanpa Vokal. Dapatan ini menunjukkan adanya pengaruh sistem ejaan Arab iaitu tidak menggunakan huruf vokal di kedua-dua suku kata. Rumusan bagi kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (e-u) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5 ditunjukkan dalam Jadual 5.21 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.21 Kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (e-u) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5

Kod Surat/ Kategori Suku kata	Kombinasi Vokal (e-u)			
	SKB+SKB	SKB+SKT	SKT+SKB	SKT+SKT
A16/S1	-	KTV	-	KTV
A16/S2	-	-	-	-
A17/S1	KC	-	KTV	KTV
A17/S2	KC	-	KTV	-
A17/S3	-	-	KTV	-
A18/S1	-	-	KTV+KC	
A18/S2	KTV	-	-	-
A18/S3	-	-	KTV	-
A18/S4	-	KC	KC	-
A18/S5	-	-	KTV	-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.4 Perbandingan kombinasi vokal (a-a)

Bahagian ini membincangkan tentang analisis perbandingan ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-a) mengikut kategori SKB+SKB, SKB+SKT, SKT+SKB dan SKT+SKT dalam A16/S1 hingga A18/S5. Hasil analisis ditunjukkan dalam Jadual 5.22 (Lampiran Q) dan rumusannya dalam Jadual 5.23 (Lampiran R). Secara terperinci didapati ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-a) lebih banyak digunakan dalam kategori SKB+SKB (203 perkataan), diikuti kategori SKT+SKB (155 perkataan), SKT+SKT (35 perkataan) dan SKB+SKT (28 perkataan).

a. Surat Ternate: A16/S1 dan A16/S2

Analisis mendapati sebanyak 31 perkataan telah ditemui menggunakan kombinasi vokal (a-a) dalam A16/S1. Jumlah ini merangkumi 11 perkataan menggunakan Kaedah Tanpa Vokal, 18 perkataan menggunakan Kaedah Campuran, dan 2 perkataan menggunakan Kaedah Vokal. Dari segi kategori, ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-a) digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=5, KC=8, KV=1), kategori SKB+SKT (KTV=1, KV=0, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=4, KC=9, KV=1), kategori SKT+SKT (KTV=1, KC=1, KV=0). Oleh itu kaedah ejaan yang dominan dalam A16/S1 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-a) banyak ditemui dalam kategori SKT+SKB.

Dalam A16/S2, jumlah kata dengan kombinasi vokal (a-a) adalah sebanyak 29 yang terdiri daripada 10 perkataan menggunakan Kaedah Tanpa Vokal, 19 menggunakan Kaedah Campuran dan 3 perkataan menggunakan Kaedah Vokal. Dari segi kategori, ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-a) digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=3, KC=8, KV=0), kategori SKB+SKT (KTV=2, KV=1, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=0, KC=10, KV=0), kategori SKT+SKT (KTV=5, KC=0, KV=0). Oleh itu kaedah ejaan yang dominan dalam A16/S2 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-a) banyak ditemui dalam kategori SKT+SKB.

Peratusan penggunaan setiap kaedah dalam A16/S1 dan A16/S2 ialah Kaedah Tanpa Vokal (35%), Kaedah Campuran (62%) manakala tidak ada contoh perkataan

yang menggunakan Kaedah Vokal (0%). Dari segi kategori, ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-a) ditemui dalam kategori SKB+SKB (KTV=13%, KC=26%, KV=2%), dalam kategori SKB+SKT (KTV=5%, KC=2%, KV=0%), kategori SKT+SKB (KTV=6%, KC=32%, KV=2%) dan SKT+SKT (KTV=10%, KV=2%, KV=0%). Oleh itu kaedah ejaan paling dominan dalam A16/S1 dan A16/S2 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-a) banyak ditemui dalam kategori SKT+SKB.

b. Surat Aceh: A17/S1, A17/S2 dan A17/S3

Merujuk kepada tempat kedua iaitu Aceh, sejumlah 29 perkataan ditemui dalam A17/S1. Pecahan mengikut kaedah ejaan ialah 13 perkataan menggunakan Kaedah Tanpa Vokal, 16 perkataan menggunakan Kaedah Campuran dan tidak ada perkataan yang menggunakan Kaedah Vokal. Dari segi kategori, ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-a) digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=7, KC=10, KV=0), kategori SKB+SKT (KTV=2, KV=0, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=4, KC=6, KV=0), kategori SKT+SKT (KTV=0, KC=0, KV=0). Oleh itu kaedah ejaan yang dominan dalam A17/S1 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-a) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

Bagi A17/S2, analisis menunjukkan sebanyak 24 perkataan menggunakan Kaedah Tanpa Vokal, 34 perkataan menggunakan Kaedah Campuran dan 1 perkataan menggunakan Kaedah Vokal. Jumlah kata yang ditemui dalam A17/S2 ialah 59 perkataan. Dari segi kategori, ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-a) digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=9, KC=22, KV=1), kategori SKB+SKT (KTV=4, KV=1, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=8, KC=11, KV=0), kategori SKT+SKT (KTV=3, KC=0, KV=0). Oleh itu kaedah ejaan yang dominan dalam A17/S2 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-a) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

Seterusnya dalam A17/S3, sejumlah 35 perkataan telah dianalisis dengan penggunaan Kaedah Tanpa Vokal (17), Kaedah Campuran (17) dan Kaedah Vokal (1). Dari segi kategori, ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-a) digunakan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kategori SKB+SKB (KTV=7, KC=5, KV=1), kategori SKB+SKT (KTV=2, KV=1, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=5, KC=11, KV=0), kategori SKT+SKT (KTV=3, KC=0, KV=0). Oleh itu kaedah ejaan yang dominan dalam A17/S3 ialah Kaedah Campuran dan Kaedah Tanpa Vokal kerana bilangan perkataan berkombinasi vokal (a-a) adalah sama.

Peratusan penggunaan setiap kaedah dalam A17/S1, A17/S2 dan A17/S3 ialah Kaedah Tanpa Vokal (44%), Kaedah Campuran (54%) dan Kaedah Vokal (2%). Dari segi kategori, ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-a) banyak digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=19%, KC=30%, KV=1%), kategori SKT+SKB (KTV=14%, KC=23%, KV=0%), kategori SKB+SKT (KTV=6%, KC=2%, KV=0) dan kategori SKT+SKT (KTV=5%, KC=0%, KV=0%). Oleh itu kaedah ejaan yang dominan dalam A17/S1, A17/S2 dan A17/S3 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-a) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

c. Surat Bengkulu: A18/S1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya analisis bagi surat dari Bengkulu (A18/S1) menunjukkan bilangan kata yang ditemui dengan ejaan kombinasi vokal (a-a) adalah sebanyak 64 perkataan. Daripada jumlah tersebut kaedah yang paling banyak digunakan ialah Kaedah Campuran (36), diikuti Kaedah Tanpa Vokal (24) dan Kaedah Vokal (4). Peratusan penggunaan setiap kaedah dalam A18/S1 ialah KTV (38%), KC (56%) dan KV (6%). Analisis kategori pula mendapati ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-a) kerap digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=7, KC=20, KV=4), kategori SKT+SKB (KTV=7, KC=16, KV=0), kategori SKT+SKT (KTV=7, KC=0, KV=0) dan kategori SKB+SKT (KTV=3, KC=0, KV=0). Oleh itu kaedah ejaan yang dominan dalam A18/S1 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-a) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

d. Surat Muko-muko: A18/S2

Merujuk kepada analisis bagi surat dari Muko-muko jumlah perkataan yang ditemui dengan kombinasi (a-a) adalah sebanyak 48 dengan pecahan: 15 perkataan

menggunakan Kaedah Tanpa Vokal, 32 perkataan menggunakan Kaedah Campuran dan 1 perkataan menggunakan Kaedah Vokal. Peratus penggunaan setiap kaedah dalam A18/S2 ialah Kaedah Tanpa Vokal (31%), Kaedah Campuran (67%) dan Kaedah Vokal (2%). Analisis kategori menunjukkan kombinasi (a-a) banyak digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=5, KC=18, KV=1), diikuti kategori SKT+SKB (KTV=4, KC=12, KV=0), kategori SKB+SKT (KTV=2, KC=2, KV=0) dan kategori SKT+SKT (KTV=4, KC=0, KV=0). Oleh itu kaedah ejaan yang dominan dalam A18/S2 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-a) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

e. Surat Palembang: A18/S3

Analisis surat dari Palembang (A18/S3) pula menunjukkan sebanyak 32 perkataan telah ditemui dengan perincian 17 perkataan menggunakan Kaedah Tanpa Vokal dan 15 perkataan menggunakan Kaedah Campuran. Peratus penggunaan setiap kaedah dalam A18/S2 ialah Kaedah Tanpa Vokal (53%), Kaedah Campuran (47%) dan Kaedah Vokal (0%). Merujuk kepada analisis kategori pula, dapatan menunjukkan kombinasi (a-a) banyak digunakan dalam SKB+SKB (KTV=7, KC=9, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=5, KC=6, KV=0), kategori SKT+SKT (KTV=3, KC=0, KV=0) dan kategori SKB+SKT (KTV=2, KC=0, KV=0). Oleh itu kaedah ejaan yang dominan dalam A18/S3 ialah Kaedah Tanpa Vokal dan kombinasi vokal (a-a) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

f. Surat Banjarmasin: A18/S4 dan A18/S5

Akhir sekali, analisis terhadap dua pucuk surat dari Banjarmasin mendapati sejumlah 54 perkataan ditemui dengan kombinasi (a-a) dalam A18/S4 dan 39 perkataan dalam A18/S5. Daripada 54 perkataan dalam A18/S4, 17 perkataan menggunakan Kaedah Tanpa Vokal, 35 perkataan menggunakan Kaedah Campuran dan 2 perkataan menggunakan Kaedah Vokal. Analisis kategori bagi A18/S4 pula menunjukkan kombinasi (a-a) banyak digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=7, KC=15, KV=1) diikuti kategori SKT+SKB (KTV=5, KC=18, KV=1), kategori SKT+SKT (KTV=4, KC=1, KV=0) dan kategori SKB+SKT (KTV=1, KC=1, KV=0). Oleh itu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kaedah ejaan yang dominan dalam A18/S4 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-a) banyak ditemui dalam kategori SKT+SKB.

Merujuk kepada A18/S5, daripada 39 yang dianalisis, 20 perkataan menggunakan Kaedah Tanpa Vokal, 18 menggunakan Kaedah Campuran dan 1 menggunakan Kaedah Vokal. Analisis kategori bagi A18/S5 menunjukkan kombinasi (a-a) banyak digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=9, KC=11, KV=1) diikuti kategori SKT+SKB (KTV=5, KC=7, KV=0), kategori SKT+SKT (KTV=3, KC=0, KV=0) dan kategori SKB+SKT (KTV=3, KC=0, KV=0). Oleh itu kaedah ejaan yang dominan dalam A18/S5 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-a) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

Peratus penggunaan setiap kaedah dalam A18/S4 dan A18/S5 ialah Kaedah Tanpa Vokal (40%), Kaedah Campuran (57%) dan Kaedah Vokal (3%). Dari segi kategori keseluruhan bagi kedua-dua bahan, ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-a) banyak digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=17%, KC=28%, KV=2%), diikuti kategori SKT+SKB (KTV=11%, KC=27%, KV=1%), kategori SKT+SKT (KTV=8%, KC=1%, KV=0%) dan kategori SKB+SKT (KTV=2%, KC=4%, KV= 1%). Oleh itu kaedah ejaan yang dominan dalam A18/S4 dan A18/S5 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-a) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

Berdasarkan analisis perkataan yang dibuat mengikut tempat, didapati bahawa kaedah yang paling banyak digunakan untuk mengeja ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-a) ialah Kaedah Campuran (57%), diikuti Kaedah Tanpa Vokal (40%) dan Kaedah Vokal (3%). Rumusan bagi penggunaan kaedah ejaan mengikut kategori pula, dipaparkan menerusi Jadual 5.24 hingga Jadual 5.27 berikut:

Jadual 5.24 Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKB+SKB: [a-a]

ABAD	BIL. KATA	PENGGUNAAN KAEDAH			KAEDAH YANG DOMINAN
		KTV	KC	KV	
16	25	8	16	1	KC
17	62	23	37	2	KC
18	115	35	73	7	KC
JUMLAH	202	66	126	10	KC

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk Jadual 5.24, penggunaan kaedah ejaan bagi kata dengan kombinasi vokal (a-a) mengikut kategori menunjukkan kaedah yang dominan dalam kategori SKB+SKB ialah Kaedah Campuran dan kaedah ejaan yang paling kurang digunakan ialah Kaedah Vokal. Kaedah ejaan paling dominan dalam kategori SKT+SKB pula ditunjukkan dalam Jadual 5.25 di bawah:

Jadual 5.25 Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKB+SKT: [a-a]

ABAD	BIL. KATA	PENGGUNAAN KAEDAH			KAEDAH YANG DOMINAN
		KTV	KC	KV	
16	4	3	1	0	KTV
17	10	8	2	0	KTV
18	24	11	3	0	KTV
JUMLAH	38	22	6	0	KTV

Berdasarkan Jadual 5.25 mengeja kombinasi vokal (a-a) bagi kategori SKB+SKT ialah Kaedah Tanpa Vokal manakala tiada contoh ditemui dieja dengan Kaedah Vokal. Bagi kategori SKB+SKT dapatannya ditunjukkan dalam Jadual 5.26 di bawah:

Jadual 5.26 Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKT+SKB: [a-a]

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABAD	BIL. KATA	PENGGUNAAN KAEDAH			KAEDAH YANG DOMINAN
		KTV	KC	KV	
16	24	4	19	1	KC
17	45	17	28	0	KC
18	86	26	59	1	KC
JUMLAH	155	47	106	2	KC

Merujuk Jadual 5.26 di atas, kaedah ejaan yang paling dominan dalam mengeja perkataan dengan kombinasi vokal (a-a) ialah Kaedah Campuran manakala kaedah yang paling kurang digunakan ialah Kaedah Vokal. Dapatan bagi kategori SKT+SKT pula ditunjukkan dalam Jadual 5.27 di bawah.

Jadual 5.27 Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKT+SKT: [a-a]

ABAD	BIL. KATA	PENGGUNAAN KAEDAH			KAEDAH YANG DOMINAN
		KTV	KC	KV	
16	7	6	1	0	KTV
17	6	6	0	0	KTV
18	22	21	1	0	KTV
JUMLAH	35	33	2	0	KTV

Jadual 5.27 menunjukkan bahawa kaedah ejaan yang dominan bagi mengeja perkataan dengan kombinasi vokal (a-a) ialah Kaedah Tanpa Vokal. Analisis turut menunjukkan tiada perkataan yang ditemui dengan ejaan Kaedah Vokal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Merujuk kepada analisis dalam Jadual 5.24 hingga 5.27, didapati bahawa kaedah ejaan yang dominan dalam mengeja kombinasi vokal (a-a) bagi kategori SKB+SKB dan kategori SKT+SKB ialah Kaedah Campuran manakala kaedah ejaan bagi kategori SKB+SKT dan SKT+SKT ialah Kaedah Tanpa Vokal. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kombinasi vokal (a-a) menggunakan dua kaedah ejaan iaitu Kaedah Tanpa Vokal dan Kaedah Campuran. Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat pengaruh sistem ejaan Arab dan Melayu dalam kaedah ejaan yang digunakan. Rumusan bagi kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (a-a) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5 ditunjukkan dalam Jadual 5.28 berikut:

Jadual 5.28 Kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (a-a) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5

Kod Surat/ Kategori Suku kata	Kombinasi Vokal (a-a)			
	SKB+SKB	SKB+SKT	SKT+SKB	SKT+SKT
A16/S1	KTV+KC	KTV	KTV+KC+KV	KTV+KC
A16/S2	KTV+KC	KTV+KC	KC	KTV+KC
A17/S1	-	KTV	KC+KTV	-
A17/S2	KC+KTV+KV	-	KTV+KC	KTV
A17/S3	KC+KTV+KV	KTV+KC	KTV+KC	KTV
A18/S1	KC+KTV+KV	KTV	KC	KTV
A18/S2	-	-	KC+KTV	KTV
A18/S3	KTV+KC	KV	KTV+KC	KTV
A18/S4	-	KC	KC	-
A18/S5	KTV+KV+KC	KTV	KTV+KC	KTV

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.5 Perbandingan kombinasi vokal (a-i)

Bahagian ini membincangkan tentang ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-i) mengikut kategori SKB+SKB, SKB+SKT, SKT+SKB dan SKT+SKT dalam A16/S1 hingga A18/S5. Hasil analisis ditunjukkan dalam Jadual 5.29 (Lampiran S) dan rumusannya dalam Jadual 5.30 (Lampiran T). Secara terperinci, didapati ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-i) lebih banyak digunakan dalam kategori SKT+SKB (45 perkataan), diikuti kategori SKB+SKB (51 perkataan), SKB+SKT (12 perkataan) dan SKT+SKT (8 perkataan).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Surat Ternate: A16/S1 dan A16/S2

Surat dari Ternate (A16/S1 dan A16/S2) menunjukkan sejumlah 20 perkataan telah dianalisis bagi mengenal pasti kaedah ejaan yang digunakan dalam kedua-dua surat tersebut dengan A16/S1 (12 perkataan) dan A16/S2 (8 perkataan). Dapatan analisis menunjukkan kaedah ejaan yang digunakan dalam A16/S1 ialah Kaedah Campuran (8) diikuti Kaedah Tanpa Vokal (3) dan Kaedah Vokal (1). Dari segi ejaan mengikut kategori pula, analisis kategori bagi A16/S1 menunjukkan kombinasi (a-i) banyak digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=2, KC=3, KV=1), diikuti kategori SKT+SKB (KTV=0, KC=5, KV=0), kategori SKT+SKT (KTV=1, KC=0, KV=0) manakala tiada contoh dalam kategori SKB+SKT. Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A16/S1 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-i) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

Bagi A16/S2, jumlah kata dengan kombinasi vokal (a-i) ialah 8 perkataan yang terdiri daripada KTV (2), KC (5) dan KV (1). Analisis kategori bagi A16/S2 menunjukkan penggunaan kombinasi (a-a) mengikut kategori ialah seperti berikut; kategori SKB+SKB (KTV=1, KC=2, KV=0), kategori SKB+SKT (KTV=1, KC=1, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=0, KC=2, KV=0), kategori SKT+SKT (KTV=0, KC=0, KV=1). Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A16/S2 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-i) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

Peratusan penggunaan setiap kaedah dalam A16/S1 dan A16/S2 ialah Kaedah Tanpa Vokal (25%), Kaedah Campuran (65%) dan Kaedah Vokal (10%). Dari segi kategori, ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-i) digunakan dalam kategori SKB+SKB ialah (KTV=15%, KC=25% dan KV=5%), kategori SKB+SKT (KTV=5%, KC=5%, KV=0%) kategori SKT+SKB (KTV=0%, KC=35%, KV=0%) dan kategori SKT+SKT (KTV=5%, KV+0%, KV=5%). Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A16/S1 dan A16/S2 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (e-i) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Surat Aceh: A17/S1, A17/S2 dan A17/S3

Analisis surat dari Aceh melibatkan surat A17/S1, A17/S2 dan A17/S3. Jumlah perkataan yang dianalisis ialah sebanyak 26 perkataan iaitu 2 perkataan bagi A17/S1, 11 perkataan bagi A17/S2 dan 13 perkataan bagi A17/S3. Secara terperinci, kaedah ejaan yang digunakan dalam A17/S1 ialah Kaedah Tanpa Vokal (1) dan Kaedah Campuran (1). Analisis kategori bagi A17/S1 menunjukkan penggunaan kombinasi (a-i) mengikut kategori adalah seperti berikut; kategori SKB+SKB (KTV=0, KC=0, KV=0), kategori SKB+SKT (KTV=0, KC=1, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=1, KC=0, KV=0), kategori SKT+SKT (KTV=0, KC=0, KV=0). Oleh itu, kaedah ejaan dominan dalam A17/S1 ialah Kaedah Campuran dan Kaedah Tanpa Vokal kerana kombinasi vokal (a-i) ditemui sama banyak dalam kategori SKB+SKT dan SKT+SKB.

Bagi A17/S2, kaedah ejaan yang digunakan ialah Kaedah Tanpa Vokal (2), Kaedah Campuran (8) dan Kaedah Vokal (1) Analisis kategori bagi A17/S2 menunjukkan penggunaan kombinasi (a-a) mengikut kategori ialah seperti berikut; kategori SKB+SKB (KTV=0, KC=3, KV=1), kategori SKB+SKT (KTV=0, KC=2, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=1, KC=3, KV=0), kategori SKT+SKT (KTV=1, KC=0, KV=1). Oleh, itu kaedah ejaan dominan dalam A17/S2 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-i) ditemui sama banyak dalam kategori SKB+SKB dan SKT+SKB.

Kaedah ejaan yang digunakan dalam A17/S3 ialah Kaedah Tanpa Vokal (3), Kaedah Campuran (8) dan Kaedah Vokal (2). Analisis kategori bagi A17/S3 menunjukkan penggunaan kombinasi (a-i) mengikut kategori ialah seperti berikut; kategori SKB+SKB (KTV=1, KC=5, KV=2), kategori SKB+SKT (KTV=1, KC=0, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=0, KC=3, KV=0), kategori SKT+SKT (KTV=1, KC=0, KV=0). Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A17/S3 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-i) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

Peratusan penggunaan setiap kaedah dalam A17/S1, A17/S2 dan A17/S3 ialah Kaedah Tanpa Vokal (23%), Kaedah Campuran (65%) dan Kaedah Vokal (12%). Dari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

segi kategori, didapati ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-i) digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=4%, KC=30%, KV=11%), kategori SKB+SKT (KTV=4%, KC=12%, KV=0%), kategori SKT+SKB (KTV=8%, KC=23%, KV=0%) dan kategori SKT+SKT (KTV=8%, KC=0%, KV=0%). Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A17/S1, A17/S2 dan A17/S3 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-i) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

c. Surat Bengkulu: A18/S1

Seterusnya, analisis bagi surat dari Bengkulu (A18/S1) menunjukkan bilangan kata yang ditemui dengan ejaan kombinasi vokal (a-i) adalah sebanyak 17 perkataan. Daripada jumlah tersebut kaedah yang paling banyak digunakan ialah Kaedah Campuran (13), diikuti Kaedah Tanpa Vokal (3) dan Kaedah Vokal (1). Peratusan penggunaan setiap kaedah dalam A18/S1 ialah Kaedah Tanpa Vokal (18%), Kaedah Campuran (76%) dan Kaedah Vokal (6%). Analisis kategori pula mendapati ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-i) digunakan dalam kategori SKB+SKB (KC=0, KC=6, KV=1), kategori SKT+SKB (KTV=1, KC=2, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=0, KC=5, KV=0) dan kategori SKT+SKT (KTV=2, KC=0, KV=0). Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A18/S1 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-i) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

d. Surat Muko-muko: A18/S2

Merujuk kepada analisis surat dari Muko-muko jumlah perkataan yang ditemui dengan kombinasi (a-i) ialah sebanyak 18 perkataan. Daripada jumlah tersebut, 4 (22%) perkataan menggunakan Kaedah Tanpa Vokal, 11 (61%) perkataan menggunakan Kaedah Campuran dan 3 (17%) perkataan menggunakan Kaedah Vokal. Analisis kategori menunjukkan kombinasi (a-i) digunakan dalam SKB+SKB ialah (KTV=1, KC=5, KV=3), kategori SKB+SKT (KTV=0, KC=1, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=2, KC=5, KV=0) dan kategori SKT+SKT (KTV=1, KC=0, KV=0). Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A18/S2 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-i) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

e. Surat Palembang: A18/S3

Analisis surat Palembang (A18/S3) telah menemui 9 perkataan yang mempunyai ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-i) dalam A18/S3. Perkataan tersebut menggunakan Kaedah Tanpa Vokal (1), Kaedah Campuran (7) dan Kaedah Vokal (1). Peratusan penggunaan ialah 11% bagi Kaedah Tanpa Vokal, 78% bagi Kaedah Campuran dan 11% bagi Kaedah Vokal. Merujuk kepada analisis kategori pula, dapatan menunjukkan bahawa, kombinasi (a-i) digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=0, KC=1, KV=1), kategori SKB+SKT (KTV=1, KC=0, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=0, KC=5, KV=0) dan SKT+SKT (ktv=0, KC=1, KV=0). Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A18/S3 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-i) banyak ditemui dalam kategori SKT+SKB.

f. Surat Banjarmasin: A18/S4 dan A18/S5

Analisis terhadap dua pucuk surat dari Banjarmasin (A18/S4 dan A18/S5) pula mendapati sejumlah 15 perkataan ditemui dengan kombinasi (a-i) dalam A18/S4 dan 11 perkataan dalam A18/S5. Daripada 11 perkataan dalam A18/S4, 4 perkataan menggunakan Kaedah Tanpa Vokal, 8 perkataan menggunakan Kaedah Campuran dan 3 perkataan menggunakan Kaedah Vokal. Analisis kategori pula menunjukkan kombinasi (a-i) digunakan dalam SKB+SKB (KTV=3 KC=2, KV=2), kategori SKB+SKT (KTV=1, KC=0, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=0, KC=5, KV=1) dan SKT+SKT (KTV=0, KC=0, KV=0). Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A18/S4 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-i) banyak ditemui dalam kategori SKB+SKB.

Merujuk kepada A18/S5 pula, daripada 11 yang dianalisis, 8 perkataan menggunakan Kaedah Campuran dan 3 perkataan menggunakan Kaedah Vokal. Analisis kategori pula menunjukkan kombinasi (a-i) digunakan dalam SKB+SKB (KTV=0 KC=2, KV=2), kategori SKB+SKT (KTV=0, KC=0, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=0, KC=6, KV=1) dan SKT+SKT (KTV=0, KC=0, KV=0). Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A18/S5 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-i) banyak ditemui dalam kategori SKT+SKB.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peratusan penggunaan setiap kaedah dalam A18/S4 dan A18/S5 ialah Kaedah Tanpa Vokal (15%), Kaedah Campuran (62%) dan Kaedah Vokal (23%). Dari segi kategori, ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-i) bagi A18/S1 dan A18/S2, banyak digunakan dalam kategori SKB+SKB (KTV=12%, KC=19%, KV=15%), diikuti kategori SKT+SKB (KTV=0%, KC=42%, KV=8%), SKB+SKT (KTV=4%, KC=0%, KV=0%) manakala tiada contoh untuk kategori SKB+SKT. Oleh itu, kaedah ejaan paling dominan dalam A18/S4 dan A18/S5 ialah Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-i) banyak ditemui dalam kategori SKT+SKB.

Berdasarkan analisis perkataan yang dibuat mengikut tempat, didapati bahawa kaedah yang paling banyak digunakan untuk mengeja ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-i) ialah Kaedah Campuran (66%), diikuti Kaedah Tanpa Vokal (20%) dan Kaedah Vokal (14%). Dari segi penggunaan mengikut kategori pula, rumusannya ditunjukkan dalam Jadual 5.31 hingga 5.34 berikut:

Jadual 5.31 Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKB+SKB: [a-i]

ABAD	BIL. KATA	PENGGUNAAN KAEDAH			KAEDAH YANG DOMINAN
		KTV	KC	KV	
16	9	3	5	1	KTV
17	12	1	8	3	KC
18	30	4	17	9	KC
JUMLAH	51	8	30	13	KC

Merujuk Jadual 5.31, kaedah ejaan paling dominan dalam mengeja kombinasi vokal (a-i) bagi kategori SKB+SKB ialah Kaedah Campuran. Kaedah ejaan bagi kategori SKB+SKT pula ditunjukkan dalam Jadual 5.32 di bawah:

Jadual 5.32 Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKB+SKT: [a-i]

ABAD	BIL. KATA	PENGGUNAAN KAEDAH			KAEDAH YANG DOMINAN
		KTV	KC	KV	
16	2	1	1	0	KTV=KC
17	4	1	3	0	KC
18	6	3	3	0	KTV=KC
JUMLAH	12	5	7	0	KC

Berdasarkan Jadual 5.32, kaedah ejaan paling dominan yang digunakan untuk mengeja perkataan dengan kombinasi vokal (a-i) dalam kategori SKB+SKT ialah Kaedah Campuran manakala kaedah bagi kategori SKT+SKB pula ditunjukkan dalam Jadual 5.33 berikut:

05-4504832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.33 Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKT+SKB: [a-i]

ABAD	BIL. KATA	PENGGUNAAN KAEDAH			KAEDAH YANG DOMINAN
		KTV	KC	KV	
16	7	0	7	0	KC
17	8	2	6	0	KC
18	30	2	26	2	KC
JUMLAH	45	4	39	2	KC

Jadual 5.33 menunjukkan kaedah ejaan paling dominan yang digunakan untuk mengeja perkataan dengan kombinasi vokal (a-i) di bawah kategori SKT+SKB. Kaedah tersebut ialah Kaedah Campuran manakala yang kaedah yang kurang digunakan ialah Kaedah Vokal. Kaedah untuk kategori SKT+SKT pula ditunjukkan dalam Jadual 5.34 di bawah:

Jadual 5.34 Kaedah ejaan paling dominan mengikut kategori SKT+SKT: [a-i]

ABAD	BIL. KATA	PENGGUNAAN KAEDAH			KAEDAH YANG DOMINAN
		KTV	KC	KV	
16	2	1	0	1	KTV
17	2	2	0	0	KTV
18	4	3	1	0	KTV
JUMLAH	8	6	1	1	KTV

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 5.34, kaedah ejaan yang paling dominan digunakan untuk mengeja perkataan berkombinasi (a-i) bagi kategori SKT+SKT ialah Kaedah Tanpa Vokal. Kaedah lain yang turut digunakan ialah Kaedah Campuran dan Kaedah Vokal.

Merujuk kepada analisis dalam Jadual 5.31 hingga 5.34, didapati bahawa kaedah ejaan yang dominan dalam mengeja kombinasi vokal (a-i) bagi kategori SKB+SKB, SKB+SKT dan kategori SKT+SKB ialah Kaedah Campuran manakala kaedah ejaan bagi kategori SKT+SKT ialah Kaedah Tanpa Vokal. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kombinasi vokal (a-i) lebih banyak menggunakan Kaedah Campuran. Dapatan ini menunjukkan telah ada penggunaan huruf vokal sama ada pada suku kata pertama atau suku kata kedua. Kaedah ini boleh dikaitkan dengan pengaruh sistem ejaan Melayu. Rumusan bagi kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (a-i) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5 ditunjukkan dalam Jadual 5.35 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.35 Kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (a-i) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5

Kod Surat/ Kategori Suku kata	Kombinasi Vokal (a-i)			
	SKB+SKB	SKB+SKT	SKT+SKB	SKT+SKT
A16/S1	KTV+KC	-	KC	KTV
A16/S2	KTV+KC	KTV+KC	KC	KV
A17/S1	-	KC	-	-
A17/S2	KC+KTV+KV	KC	KC+KTV	KTV
A17/S3	KC+KTV+KV	KTV	KC+KTV	-
A18/S1	KC+KV	KC+KTV	KC	KTV
A18/S2	KC+KV	KC	KTV+KC	KTV
A18/S3	KC+KV	KTV	KC	KC
A18/S4	KTV+KC+KV	KTV+KC	KTV+KC+KV	KTV+KC
A18/S5	KC+KV	-	KC+KTV+KV	-

5.2.6 Perbandingan kombinasi vokal (a-u)

Bahagian ini membincangkan tentang ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-u) mengikut kategori SKB+SKB, SKB+SKT, SKT+SKB dan SKT+SKT dalam A16/S1 hingga A18/S5. Hasil analisis ditunjukkan dalam Jadual 5.36 (LampiranU). Secara terperinci didapati ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-u) lebih banyak digunakan dalam kategori SKT+SKB (39 perkataan), diikuti kategori SKB+SKB (30 perkataan), SKT+SKT 12 perkataan) dan SKB+SKT (5 perkataan). Rumusan analisis tersebut ditunjukkan dalam Jadual 5.37 (Lampiran V).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Surat Ternate: A16/S1 dan A16/S2

Surat dari Ternate (A16/S1 dan A16/S2) menunjukkan sejumlah 4 perkataan telah dianalisis bagi mengenal pasti kaedah ejaan yang digunakan dalam kedua-dua surat tersebut. Dapatan analisis menunjukkan, kaedah ejaan yang digunakan dalam A16/S1 ialah Kaedah Tanpa Vokal (1), Kaedah Campuran (3) dan Kaedah Vokal (0). Dari segi kategori pula, ejaan kata dengan kombinasi vokal (a-u) bagi A16/S1 dalam kategori SKB+SKB (KTV=0, KC=1, KV=0), kategori SKB+SKT ialah (KTV=0, KC=1, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=0, KC=1, KV=0), dan kategori SKT+SKT (KTV=1, KC=0, KV=0). Oleh itu, kaedah ejaan yang dominan dalam A16/S1 ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah Campuran dan kombinasi vokal (a-u) ditemui sama banyak dalam semua kategori.

Analisis kategori bagi A16/S2 pula menunjukkan dapatan berikut; kategori SKB+SKB (KTV=1, KC=1, KV=0), kategori SKB+SKT (KTV=0, KC=0, KV=0), kategori SKT+SKB (KTV=1, KC=1, KV=0), dan kategori SKT+SKT (KTV=0, KC=0, KV=0). Oleh itu, kaedah ejaan yang dominan dalam A16/S2 ialah Kaedah Campuran dan Kaedah Tanpa Vokal kerana perkataan berkombinasi vokal (a-u) ditemui sama banyak dalam kedua-dua kategori.

Merujuk kepada Jadual 5.89, tidak ada contoh perkataan yang dengan kombinasi diftong (oi) ditemui kecuali pada perkataan هيل (Hoyle). Perkataan tersebut adalah nama individu berbangsa Inggeris yang disebut dalam surat iaitu *Mister Hoyle.* Dalam perkataan tersebut, bunyi (oy) ditulis dengan kombinasi dengan huruf vokal *alif* sahaja tanpa huruf vokal *ya*. Rumusan analisis ditunjukkan dalam Jadual 5.90 (Lampiran AN).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 PERBANDINGAN PENGGUNAAN HURUF GUBALAN MELAYU DALAM A16/S1 HINGGA A18/S5

Bahagian ini membincangkan tentang perbandingan penggunaan huruf Jawi gubalan dalam A16/S1 hingga A18/S5. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti sama ada huruf-huruf Jawi tambahan telah digunakan dan sebaliknya dalam abad ke-16 hingga ke-18 dan lambang huruf-huruf tersebut. Hasil perbandingan analisis ditunjukkan dalam Jadual 5.91 (Lampiran AO). Analisis menunjukkan terdapat 5 huruf Jawi tambahan telah digunakan iaitu huruf ڽ (*nya*), ڤ (*pa*),ڬ (*ga*), چ (*ca*) dan ڠ (*nga*).

5.4.1 Huruf چ (*ca*)

Berdasarkan analisis, huruf *ca* tidak digunakan dalam A16/S1 tetapi digunakan dalam A16/S2. Hal ini menunjukkan huruf *ca* telah digunakan pada abad ke-16. Dari segi lambang pula, terdapat dua lambang huruf *ca* yang digunakan iaitu bertitik tiga di tengah (چ) dan bertitik satu di tengah (ڃ). Bentuk pertama lebih banyak digunakan berbanding bentuk kedua.

pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.2 Huruf ڽ (*nya*)

Huruf ڽ (*nya*) telah digunakan secara tekal sejak abad ke-16. Huruf ini ditemui dalam semua surat kajian. Terdapat dua lambang *nya* iaitu bertitik tiga di atas (ڽ) dan bertitik tiga di bawah (ڀ). Kedua-dua lambang tersebut digunakan dalam A16/S1, manakala A16/S2 menggunakan satu lambang sahaja iaitu bertitik tiga di atas (ڽ).

Merujuk kepada lambang ڽ (*nya*) dalam abad ke-17, analisis mendapati A17/S1 menggunakan *nga* bertitik tiga di bawah (ڀ) berbeza dengan A17/S2 yang menggunakan kedua-dua lambang *nga.* Walau bagaimanapun, antara kedua-dua lambang tersebut, *nya* bertitik tiga di bawah (ڀ) lebih banyak digunakan berbanding *nya* bertitik tiga di atas (ڽ). Kaedah perletakan titik lebih jelas dalam A17/S3 apabila penentuannya dibuat berdasarkan kedudukan huruf tersebut dalam sesuatu perkataan. Berdasarkan dapatan dalam A17/S3, titik tiga di bawah dibuat apabila huruf tersebut berada di hujung perkataan manakala titik tiga di atas ketika huruf berada di tengah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkataan. Kedudukan titik ini tekal digunakan dalam A18/S1, A18/S2, A18/S3, A8/S4 dan A18/S5.

5.4.3 Huruf ڠ (*nga*)

Seterusnya, analisis menunjukkan bahawa huruf *nga* telah digunakan mulai abad ke-16. Terdapat dua bentuk huruf *nya* iaitu bertitik tiga di atas (ڠ) dan tanpa titik (ع) telah ditemui dalam surat-surat kajian. Analisis menunjukkan lambang *nga* bertitik tiga di atas (ڠ) telah digunakan secara tekal dalam A16/S1, A16/S2, A17/S1, A17/S2, A17/S3, A18/S1, A18/S2, A18/S3, A18/S4 dan A18/S5. Di samping lambang tersebut, lambang *nga* tanpa titik (ع) juga digunakan dalam A18/S2 namun bilangan adalah sedikit.

5.4.5 Huruf ڬ (*ga*)

Berbanding huruf-huruf gubalan yang lain, huruf ڬ (*ga*) lebih unik kerana mempunyai lima lambang penulisan iaitu tanpa titik (ک), bertitik satu di bawah (ڽ), titik satu di atas (ڬ), titik tiga di bawah (ڰ) dan titik tiga di atas (ڭ). Bentuk ک dan ڰ digunakan semenjak abad ke-16 apabila lambang ini ditemui dalam A16/S1 dan A16/S2. Lambang baharu *ga* dengan titik satu di atas (ڬ) telah ditemui dalam A17/S1 di samping lambang tanpa titik (ک). Walau bagaimapun lambang, *ga* bertitik tiga di bawah (ڰ) tidak digunakan dalam A17/S1. Penggunaan ketiga-tiga lambang (ک, ڬ ڰ) telah ditemui dalam A17/S2 dan A17/S3.

Analisis terhadap A18/S1 menemui satu lagi lambang baru *ga* iaitu bertitik tiga di atas (ڭ) digunakan bersama dua lambang *ga* yang lain (ک, ڬ) manakala A18/S2 pula hanya menggunakan satu lambang sahaja (ک) sama seperti A18/S3 yang menggunakan lambang *ga* bertitik satu di atas (ڬ). Analisis 18/S4 pula menemui satu lambang *ga* yang berbeza digunakan iaitu bertitik satu di bawah (ڽ) di samping penggunaan lambang *ga* bertitik satu di atas (ڬ) dan bertitik tiga di bawah (ڰ). Walau bagaimanapun dalam A18/S5 lambang *ga* bertitik tiga di bawah sudah tidak digunakan lagi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.6 Huruf ڤ (*pa*)

Analisis terhadap huruf *pa* pula mendapati dua lambang yang digunakan ialah *pa* bertitik satu di atas (ف) dan *pa* bertitik tiga di atas (ڤ). Lambang *pa* bertitik tiga di atas (ڤ) telah digunakan secara tekal dalam A16/S1, A16/S2, A17/S1, A17/S2, A17/S3, A18/S1, A18/S2 dan A18/S3. Walau bagaimanapun, lambang ini tidak ditemui dalam A18/S4 dan A18/S5. Analisis terhadap penggunaan lambang *pa* bertitik satu (ف) menunjukkan lambang tersebut mula ditemui dalam A17/S2 dan digunakan bersama lambang *pa* bertitik tiga (ڤ) dalam A17/S3, A18/S1, A18/S2 dan A18/S3. Di samping itu, lambang *pa* bertitik satu (ف) juga digunakan untuk huruf *fa* dan *va* dalam A18/S4 dan A18/S5.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa huruf-huruf Jawi gubalan Melayu telah digunakan seawal abad ke-16 berdasarkan analisis yang dijalankan terhadap 10 surat dari abad ke-16 hingga abad ke-18. Huruf yang telah digunakan dalam abad ke-16 ialah ڽ (*nya*), ڤ (*pa*), ک (*ga*). dan ڠ (*nga*). Dari segi lambang pula, jelas menunjukkan bahawa pada peringkat awal, huruf-huruf tersebut mempunyai lebih daripada satu lambang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 PERBANDINGAN PENGGUNAAN TANDA DIAKRITIK DALAM A16/S1 HINGGA A18/S5

Bahagian ini membincangkan tentang analisis penggunaan tanda diakritik antara A16/S1 hingga A18/S5. Hasil perbandingan analisis ditunjukkan dalam Jadual 5.92 (Lampiran AP).

Merujuk kepada analisis dapatan yang ditunjukkan dalam Jadual 5.92, tanda diakritik telah digunakan dengan agak meluas dalam penulisan surat Melayu lama. Tanda diakritik yang banyak digunakan ialah tanda *tasydid* dan tanda baris. Analisis menunjukkan, tanda diakritik kurang digunakan dalam surat abad ke-16. Secara terperinci, tanda ini lebih banyak digunakan dalam A16/S2 berbanding A16/S1. Hal ini menunjukkan kecenderungan penulis A16/S2 menggunakan kaedah bahasa Arab dalam penulisannya. Jika diteliti, terdapat satu *tanda baris di bawah* dan satu tanda

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tasydid dalam A16/S1 manakala A16/S2 pula mengandungi lapan tanda diakritik yang terdiri dari *tanda baris di atas*, tanda *sukun,* tanda *mad* dan tanda *tasydid*.

Analisis perbandingan bagi penggunaan tanda diakritik dalam abad ke-17 pula menunjukkan terdapat banyak tanda diakritik dalam A17/S1, A17/S2 dan A17/S3. Tanda diakritik yang digunakan dalam A17/S1 ialah *tanda baris di atas*, *baris di bawah* dan *baris di hadapan*. Tanda lain ialah tanda *sukun*, tanda *mad* dan tanda *tasydid*. Merujuk kepada A17/S2, tanda diakritik yang digunakan ialah tanda *tasydid* dan tanda *mad*. Tiada *tanda baris* digunakan dalam A17/S2. Seterusnya analisis dalam A17/S3 pula mendapati *tanda baris di atas*, *di bawah* dan *di hadapan* digunakan dalam surat tersebut. Tanda lain ialah tanda *sukun* serta beberapa tanda *mad* dan tanda *tasydid*. Analisis bagi surat abad ke-18 pula memperlihatkan pengurangan dalam penggunaan tanda diakritik. Didapati tanda *tasydid* sahaja yang digunakan dalam A18/S1 hingga A18/S5. Tanda *baris* pula hampir tidak digunakan kerana terdapat satu perkataan sahaja yang menggunakan *tanda baris di atas*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa tanda diakritik digunakan dalam abad ke-16 hingga abad ke-18, namun penggunaannya lebih ketara dalam abad ke-17 berbanding abad ke-16 dan abad ke-18. Antara semua tanda diakritik, tanda *tasydid* paling banyak digunakan dalam abad ke-18 manakala tanda baris semakin kurang penggunaannya. Dapatan ini menunjukkan, ejaan Jawi dalam abad ke-16 hingga ke-18 masih dipengaruhi oleh sistem ejaan Arab tahap 1 yang menggunakan tanda diakritik dan dalam masa yang sama juga memperlihatkan pengaruh ejaan Melayu yang menggunakan huruf vokal. Pengaruh Arab tahap 1 ialah ejaan yang mengekalkan tanda-tanda diakritik manakala pengaruh Arab tahap 2 ialah menghilangkan tanda-tanda tersebut. Kewujudan huruf vokal sama ada pada suku kata praakhir atau suku kata terakhir adalah merujuk kepada pengaruh Melayu tahap 1 manakala tahap 2 pula merujuk kepada kewujudan huruf vokal pada kedua-dua suku kata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 PERBANDINGAN EJAAN KATA GANDA DALAM A16/S1 HINGGA A18/S5

Bahagian ini membincangkan tentang perbandingan analisis ejaan kata ganda dalam A16/S1 hingga A18/S5. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti kaedah ejaan kata ganda dalam abad ke-16 hingga ke-18. Hasil perbandingan analisis ditunjukkan dalam Jadual 5.93 (Lampiran AQ). Berdasarkan jadual, terdapat dua jenis kata ganda iaitu pengulangan penuh dan pengulangan separa. Kata ganda pengulangan penuh bermaksud menggandakan seluruh kata dasar jenis kata nama atau kata kerja tanpa sebarang perubahan bentuk manakala pengulangan separa ialah menggandakan sebahagian daripada kata dasar.

Penelitian secara terperinci mendapati, ejaan kata ganda pengulangan penuh dalam A16/S2 dan A17/S2 dieja dengan menggandakan seluruh kata dasar jenis kata nama tanpa sebarang perubahan bentuk. Contohnya كنق كانق (kanak-kanak), رجراج (raja-raja),انده انده (indah-indah) dan ملّي ملّي (mulia-mulia). Kaedah ini berubah dalam A17/S3, A18/S1, A18/S2, A18/S3, A18/S4 dan A18/S5 kerana kata ganda pengulangan penuh dieja dengan menggandakan seluruh kata dasar tanpa sebarang perubahan bentuk dengan menggunakan angka dua Arab (٢). Contohnya dapat dilihat dalam perkataan تيڤ٢ (tiap-tiap),اسل٢ (asal-asal),باپک٢ (baik-baik),راج٢ (raja-raja),موک٢ (Muko-muko),دهول٢ (dahulu-dahulu),هرڬ٢ (harga-harga) dan lain-lain lagi.

Bagi kata ganda pengulangan separa pula, terdapat dua kaedah ejaan yang digunakan iaitu menggandakan sebahagian daripada kata dasar sahaja dan menggandakan sebahagian daripada kata dasar dengan menggunakan angka dua Arab (٢). Kaedah pertama digunakan dalam A17/S1, A17/S2, A17/S3 dan A18/S5. Contohnya سبنربنرپ (sebenar-benarnya), برمبي رميکن (berumbai-rumaikan), تورن تمورن (turun- temurun), ڤوچ ڤچيّن (puji- pujian), برکاسه کاسيهن (berkasih-kasihan), صحبت برصحبت (sahabat-bersahabat) dan lain-lain. Kaedah kedua pula digunakan dalam A17/S3, A18/S2 dan A18/S3. Contohnya dalam perkataanبرتمبه٢ (bertambah-tambah),سراڤت٢ (serapat-rapat),سلمانْ٢ (selama-lamanya) رعيةنْ٢ (rakyat-rakyatnya) dan برکسهن٢ (berkasih-kasihan). Analisis turut menunjukkan kaedah ejaan kata ganda dalam A18/S5 lebih sistematik kerana kata ganda pengulangan penuh dieja dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan angka dua Arab (٢) manakala kata ganda pengulangan separa digandakan sebahagian kata dasarnya sahaja.

5.7 PERBANDINGAN EJAAN BERANGKAI DALAM A16/S1 HINGGA A18/S5

Bahagian ini membincangkan tentang perbandingan analisis ejaan berangkai yang digunakan dalam A16/S1 hingga A18/S5. Perbandingan tersebut ditunjukkan dalam Jadual 5.94 (Lampiran AR). Analisis menunjukkan semua surat yang dikaji menggunakan ejaan berangkai kecuali surat abad ke-17. Hal ini berbeza dengan surat daripada abad ke-16 dan abad ke-18. Bilangan perkataan berangkai yang ditemui dalam setiap surat abad ke-18 lebih banyak daripada surat abad ke-16. Jenis perkataan yang dieja berangkai terbahagi kepada dua iaitu dirangkai dengan perkataan sebelum dan dirangkai dengan perkataan selepas. Bagi perkataan berangkai sebelum ialah perkataan yang didahului dengan perkataan "barang". Contohnya seperti بارغتاه (barang tahu), بارغمعلوم (barang maklum), بارغدو (barang dua) dan بارغدسمفيكن (barang disampaikan). Selain itu, perkataan yang didahului dengan perkataan "yang" seperti يغبولهٔ (yang boleh), يغتون (Yang Tuan), يغترڠ (yang tergong), يغترمكتوب (yang termaktub), يغترسمڤه (yang tersempah) dan يغمموڠت (yang memungut). Bagi perkataan yang dirangkaikan selepasnya ialah, perkataan yang berada di hadapan perkataan "pun" seperti ادفون (ada pun), ايتفون (itu pun), سڠكهڤون (sungguh pun) dan سواتفون (suatu pun).

Di samping dua jenis yang dinyatakan di atas, analisis turut menunjukkan beberapa perkataan lain turut dieja berangkai seperti perkataan yang didahului dengan *kan* atau *akan* (كنداتڠ) dan perkataan yang mendahului perkataan lagi seperti سباكيلاڬ (sebagai lagi) dan شهدانلاڬ (syahdan lagi). Di samping itu, terdapat beberapa perkataan yang turut dieja berangkai seperti ابحايت (Abu Hayat), ادجوا (ada jua), اورعكاي (orang kaya), سرتدافت (serta dapat) dan دريٮت (dari itu).

Berdasarkan perbandingan analisis di atas, dapat dirumuskan bahawa ejaan berangkai digunakan dalam surat-surat Melayu lama yang dikaji. Walau pun secara asasnya ejaan berangkai dieja untuk perkataan yang didahului oleh *yang* dan perkataan yang diikuti oleh *pun* namun ada juga perkataan yang tidak tergolong dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kedua-dua jenis tersebut. Oleh itu, tidak dapat ditentukan satu panduan khusus untuk ejaan berangkai ini.

5.8 PERBANDINGAN EJAAN PERKATAAN PINJAMAN ARAB DALAM A16/S1 HINGGA A18/S5

Bahagian ini membincangkan tentang kaedah ejaan perkataan pinjaman daripada bahasa Arab dalam A16/S1 hingga A18/S5. Analisis dilakukan dengan menyenaraikan perkataan Arab yang ditemui dalam semua surat dan mengenal pasti ejaan asal perkataan tersebut serta membandingkan dengan ejaan yang digunakan dalam surat kajian.

Jadual 5.95 (Lampiran AS) mengandungi analisis berhubung ejaan perkataan Arab dalam surat A16/S1 hingga A18/S5. Tujuan analisis ini adalah untuk mengenal pasti bentuk ejaan perkataan Arab sama ada mengekalkan ejaan asal atau sebaliknya. Analisis menunjukkan semua surat kajian menggunakan perkataan Arab dan kebanyakan perkataan tersebut telah diterima dalam perbendaharaan perkataan Melayu. Penggunaan perkataan Arab banyak digunakan dalam surat abad ke-17 dan 18 berbanding abad ke-16.

Penelitian terperinci mendapati, perkataan سلطان (sultan) telah dieja secara tekal dalam semua surat kajian. Perkataan Arab yang lain turut dikekalkan ejaannya kerana sudah menjadi kelaziman surat-surat Melayu lama menggunakan ayat dalam bahasa Arab pada permulaan surat, penutup surat serta puji-pujian kepada Allah dan Rasul. Contohnya الحمد لله رب العالمين, تمت الكلام dan نبي صلى عليه وسلم. Jika diteliti dari sudut ejaan pula, didapati kebanyakan perkataan Arab mengekalkan ejaan asalnya namun begitu tidak ketinggalan juga ada perkataan yang berubah ejaannya. Perkataan yang berubah ejaan ialah علم (asal: عالم), ياعزيز ياعفار (asal:ياعزيز ياغفّار), صحبت (asal: صحابة), دوله (asal: دولة), آ لت (asal: آ لة), سبَاب (asal: سبَبَ), تكرم (asal: تكريم), سعبن (asal: شعبان), انشا الله (asal: انشاء الله), وكاطِبُهُ (asal: وكاتِبُهُ), ريل (asal: ريال), وقيل (asal: وكيل), فيكر (asal: فكر), رضا (asal: رضى), متاخر (asal: متأخر), ورقه (asal: ورقة), صحبت (asal: صحابة), عافيت (asal: عافية),علامت المحبة (asal: علامة المحبّة), راجب (asal: رجب) dan الحفه (asal: الحقه). Perubahan ini besar kemungkinan kerana berlakunya kesalahan ketika proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penulisan berlangsung seperti وكاطبُة (asal: وكاتِبُة) dan راجب (asal: رجب). Bagi sesetengah perkataan perubahan berlaku kerana perbezaan huruf yang digunakan seperti *ta marbutah* kepada *ta maftuhah*. Contohnya: دوله (asal: دولة),عافيت (asal: عافية) dan آلت (asal: آ لة) manakala sesetengah lagi kerana mengikut lidah Melayu seperti فيكر (asal: فكر), صحبت (asal:صحابة) dan علم (asal: عالم).

Berdasarkan perbincangan di atas jelas menunjukkan surat-surat Melayu lama abad ke-16 hingga abad ke-18 masih menggunakan perkataan pinjaman Arab dan kebanyakan perkataan tersebut dikekalkan ejaan asalnya.

5.9 DAPATAN KAJIAN PERBANDINGAN EJAAN JAWI ANTARA SURAT DAN ANTARA ABAD

5.9.1 Kaedah ejaan Jawi bagi mengeja perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal mengikut kategori suku kata

i. Kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (e-a) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5, menggunakan Kaedah Tanpa Vokal dan sedikit Kaedah Campuran. Hal ini menggambarkan bahawa kaedah ejaan yang digunakan lebih cenderung kepada pengaruh Arab tahap 1 dan 2. Tidak ketinggalan terdapat sedikit pengaruh Melayu tahap 1.

ii. Kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (e-i) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5, menggunakan Kaedah Tanpa Vokal dan Kaedah Campuran. Oleh itu, kaedah ejaan yang digunakan lebih cenderung kepada pengaruh Arab tahap 1 dan 2. Terdapat juga pengaruh Melayu tahap 1 namun penggunaan kaedah ejaan tahap 2 adalah tidak menonjol.

iii. Kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (e-u) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5, menggunakan Kaedah Tanpa Vokal dan Kaedah Campuran. Hal ini menggambarkan, kaedah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ejaan yang digunakan lebih cenderung kepada pengaruh Arab tahap 1 dan 2 dan pengaruh Melayu tahap 1. Tiada pengaruh Melayu tahap 2.

iv. Kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (a-a) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5 menggunakan Kaedah Tanpa Vokal dan Kaedah Campuran. Dalam kombinasi vokal ini, Kaedah Vokal telah mula digunakan walau pun bilangannya adalah kecil. Oleh itu, kaedah ejaan yang digunakan lebih cenderung kepada pengaruh Arab tahap 1, tahap 2, dan pengaruh Melayu tahap 1 di samping sedikit pengaruh Melayu tahap 2.

v. Kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (a-i) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5, menggunakan Kaedah Tanpa Vokal, Kaedah Campuran dan sedikit Kaedah Vokal. Oleh itu, kaedah ejaan yang digunakan lebih cenderung kepada pengaruh Arab tahap 1 dan 2, dan pengaruh Melayu tahap 1 dan 2.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi. Kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (a-u) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5, menggunakan Kaedah Tanpa Vokal, Kaedah Campuran dan sedikit Kaedah Vokal. Hal ini menggambarkan kaedah ejaan yang digunakan lebih cenderung kepada pengaruh Arab tahap 1 dan 2, pengaruh Melayu tahap 1 dan sedikit pengaruh Melayu tahap 2.

vii. Kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (u-a) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5, menggunakan Kaedah Tanpa Vokal, Kaedah Campuran dan sedikit Kaedah Vokal. Hal ini menggambarkan kaedah ejaan yang digunakan lebih cenderung kepada pengaruh Arab tahap 1 dan 2, dan pengaruh Melayu tahap 1 manakala terdapat sedikit pengaruh Melayu tahap 2.

viii. Kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (u-i) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5, menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah Tanpa Vokal, Kaedah Campuran dan Kaedah Vokal. Kaedah ejaan ini lebih cenderung kepada pengaruh Melayu tahap 1 dan terdapat sedikit pengaruh Melayu tahap 2 dan pengaruh Arab tahap 1 dan 2.

ix. Kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (u-u) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5, menggunakan Kaedah Tanpa Vokal, Kaedah Campuran dan sedikit Kaedah Vokal. Kaedah ejaan ini lebih cenderung kepada pengaruh Melayu tahap 1 di samping sedikit pengaruh tahap 2 dan pengaruh Arab.

x. Kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (i-a) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5 menggunakan Kaedah Tanpa Vokal, Kaedah Campuran dan Kaedah Vokal. Kaedah ejaan ini lebih cenderung kepada pengaruh Arab tahap 1 dan 2, dan pengaruh Melayu tahap 1 manakala pengaruh Melayu tahap 2 adalah sedikit.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

xi. Kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (i-i) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5 menggunakan Kaedah Campuran, Kaedah Vokal dan sedikit Kaedah Tanpa Vokal. Kaedah ejaan ini lebih cenderung kepada pengaruh Melayu tahap 1 dan 2 manakala pengaruh Arab adalah sedikit.

xii. Kaedah ejaan bagi perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal (i-u) mengikut kategori suku kata dalam A16/S1 hingga A18/S5 menggunakan Kaedah Campuran, Kaedah Vokal dan sedikit Kaedah Tanpa Vokal. Kaedah ejaan ini lebih cenderung kepada pengaruh Melayu tahap 1 dan 2 manakala pengaruh Arab adalah kurang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.9.2 Kaedah ejaan Jawi bagi mengeja perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi diftong mengikut kategori suku kata

Kaedah ejaan untuk perkataan dwisuku/trisuku yang berkombinasi diftong dalam A16/S1 hingga A18/S5 adalah sama, manakala tiada contoh ditemui dalam A16/S2. Kaedah ejaan bagi semua kombinasi diftong ialah:

i. Perkataan berkombinasi diftong (ai) tidak menggunakan huruf vokal *alif* dan *ya*.
ii. Perkataan berkombinasi diftong (au) tidak menggunakan huruf vokal *alif* dan *wau*.
i. Perkataan berkombinasi diftong (oi) tidak menggunakan huruf vokal *alif* dan *wau*.

5.9.3 Kaedah ejaan Jawi bagi perkataan ekasuku mengikut kategori huruf vokal

Kaedah ejaan untuk perkataan ekasuku dalam A16/S1 hingga A18/S5 adalah sama iaitu perkataan ekasuku dieja dengan dua kaedah. Kaedah pertama menggunakan huruf vokal dan kaedah kedua tidak menggunakan huruf vokal.

5.9.4 Kaedah ejaan Jawi paling dominan bagi mengeja perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal mengikut kategori suku kata

i. Kaedah ejaan yang dominan bagi perkataan dwi/trisuku berkombinasi vokal (e-a) bagi kategori SKB+SKB, SKB+SKT, SKT+SKB dan SKT+SKT ialah Kaedah Tanpa Vokal.

ii. Kaedah ejaan yang dominan bagi perkataan dwi/trisuku berkombinasi vokal (e-i) bagi kategori SKB+SKB ialah Kaedah Campuran, manakala kaedah ejaan bagi kategori SKB+SKT, SKT+SKB dan kategori SKT+SKT ialah Kaedah Tanpa Vokal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Kaedah ejaan yang dominan bagi perkataan dwi/trisuku berkombinasi vokal (e-u) bagi kategori SKB+SKB ialah Kaedah Campuran, kategori SKT+SKB dan SKT+SKT ialah Kaedah Tanpa Vokal manakala tiada kaedah ejaan yang dominan bagi kategori SKB+SKT kerana terdapat dua kaedah ejaan yang digunakan iaitu Kaedah Tanpa Vokal dan Kaedah Campuran.

iv. Kaedah ejaan yang dominan bagi perkataan dwi/trisuku berkombinasi vokal (a-a) bagi kategori SKB+SKB dan kategori SKT+SKB ialah Kaedah Campuran manakala kaedah ejaan bagi kategori SKB+SKT dan SKT+SKT ialah Kaedah Tanpa Vokal.

v. Kaedah ejaan yang dominan bagi perkataan dwi/trisuku berkombinasi vokal (a-i) bagi kategori SKB+SKB, SKB+SKT dan kategori SKT+SKB ialah Kaedah Campuran manakala kaedah ejaan bagi kategori SKT+SKT ialah Kaedah Tanpa Vokal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi. Kaedah ejaan yang dominan bagi perkataan dwi/trisuku berkombinasi vokal (a-u) bagi kategori SKB+SKB, SKB+SKT, SKT+SKB ialah Kaedah Campuran manakala kategori SKT+SKT menggunakan Kaedah Tanpa Vokal dan Kaedah Campuran.

vii. Kaedah ejaan yang dominan bagi perkataan dwi/trisuku berkombinasi vokal (i-a) bagi kategori SKB+SKB dan SKT+SKB ialah Kaedah Campuran manakala kaedah ejaan bagi kategori SKB+SKT dan SKT+SKT ialah Kaedah Tanpa Vokal.

viii. Kaedah ejaan yang dominan bagi perkataan dwi/trisuku berkombinasi vokal (i-i) bagi kategori SKB+SKB ialah Kaedah Campuran, bagi kategori SKB+SKT dua kaedah ejaan digunakan iaitu Kaedah Tanpa Vokal dan Kaedah Campuran, bagi kategori SKT+SKB ialah Kaedah Campuran dan bagi kategori SKT+SKT ialah Kaedah Tanpa Vokal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ix. Kaedah ejaan yang dominan bagi perkataan dwi/trisuku berkombinasi vokal (i-u) bagi kategori SKB+SKB dan SKT+SKB ialah Kaedah Campuran, bagi kategori SKB+SKT dua kaedah digunakan iaitu Kaedah Tanpa Vokal dan Kaedah Vokal manakala tiada contoh ditemui bagi kategori SKT+SKT.

x. Kaedah ejaan yang dominan bagi perkataan dwi/trisuku berkombinasi vokal (u-a) bagi kategori SKB+SKB, SKB+SKT, SKT+SKB dan SKT+SKT ialah Kaedah Campuran.

xi. Kaedah ejaan yang dominan bagi perkataan dwi/trisuku berkombinasi vokal (u-i) bagi kategori SKB+SKB, SKB+SKT dan SKT+SKB ialah Kaedah Campuran manakala bagi kategori SKT+SKT ialah Kaedah Vokal.

xii. Kaedah ejaan yang dominan bagi perkataan dwi/trisuku berkombinasi vokal (u-u) bagi kategori SKB+SKB dan SKT+SKB ialah Kaedah Campuran, bagi kategori SKB+SKT pula tiada kaedah ejaan yang dominan kerana bilangan penggunaan Kaedah Campuran dan Kaedah adalah sama manakala kaedah ejaan bagi kategori SKT+SKT ialah Kaedah Tanpa Vokal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.9.5 Penggunaan huruf gubalan Melayu

Ejaan Jawi dalam surat-surat yang dikaji dari abad ke-16 hingga abad ke-18 telah menggunakan huruf gubalan Melayu iaitu *ca* (چ), *pa* (ڤ), *ga* (ک), *nga* (ڠ) dan *nya* (ڽ). Huruf gubalan Melayu telah digunakan seawal abad ke-16. Secara terperinci dapatannya adalah seperti berikut:

i. Empat huruf gubalan Melayu dalam A16/S1 ialah huruf ڽ (*nya*), ڠ (*nga*), ڤ (*pa*), ک (*ga*). Huruf *pa* dan *nga* telah digunakan secara tekal dalam A16/S1. Dua huruf lain iaitu ڽ (*nya*) dan ک (*ga*) tidak tekal kerana menggunakan lebih dari satu lambang penulisan. Lambang *nya* yang digunakan ialah (ڽ) dan (ڥ) manakala lambang bagi huruf *ga* ialah tanpa titik (ک) dan tiga bertitik di bawah (ګ).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Lima huruf gubalan Melayu dalam A16/S2 ialah huruf ڽ *(nya)*, ڃ *(ca)*, ڠ *(nga)*, ڤ *(pa)* dan ڮ *(ga)*. Huruf yang tekal digunakan dengan satu lambang sahaja ialah huruf ڽ *(nya)*, ڃ *(ca)*, ڠ *(nga)* dan ڤ *(pa)*. Huruf *ga* ditulis dengan tiga lambang iaitu tanpa titik (ک), satu titik di bawah (ڮ) dan tiga titik di bawah (ڰ).

iii. Lima huruf gubalan Melayu dalam A17/S1 ialah ڽ *(nya)*, ڃ *(ca)*, ڠ *(nga)*, ڤ *(pa)* dan ڮ *(ga)*. Huruf ialah ڽ *(nya)*, ڠ *(nga)* dan ڤ *(pa)* telah digunakan dengan satu lambang manakala huruf *ca* ditulis dengan titik satu di bahagian tengah (ڃ) dan bertitik tiga di bahagian tengah (ڄ) manakala *ga* ditulis tanpa titik di atas (ک) dan titik satu di atas (ڮ).

iv. Lima huruf gubalan Melayu dalam A17/S2 ialah ڽ *(nya)*, ڃ *(ca)*, ڠ *(nga)*, ڤ *(pa)* dan ڮ *(ga)*. Huruf ڃ *(ca)* dan ڠ *(nga)* telah digunakan secara tekal. Lambang bagi huruf *nya* ialah bertitik tiga di atas (ڽ) dan bertitik tiga di bawah (ڀ), huruf *pa* bertitik satu di atas (ف) dan bertitik tiga di atas (ڤ) manakala lambang *ga* pula bertitik satu di atas (ڮ), tanpa titik (ک) dan bertitik tiga di bawah (ڰ).

v. Lima huruf gubalan Melayu dalam A17/S3 ialah ڽ *(nya)*, ڃ *(ca)*, ڠ *(nga)*, ڤ *(pa)* dan ڮ *(ga)*. Daripada lima huruf tersebut, huruf *ca* dan *nga* telah digunakan secara tekal dengan satu lambang penulisan. Huruf *nya* ditulis dengan bertitik tiga di atas (ڽ) dan bertitik tiga di bawah (ڀ), huruf *ga* ditulis tanpa titik (ک), bertitik satu di atas (ڮ) dan bertitik tiga di atas (ڰ) manakala huruf *pa* bertitik satu (ف) dan bertitik tiga di atas (ڤ).

vi. Lima huruf gubalan Melayu dalam A17/S4 ialah huruf ڽ (*nya*), ڃ (*ca*), ڠ (*nga*), ڤ (*pa*) dan ڮ (*ga*). Daripada lima huruf tersebut, huruf ڄ (ca) dengan lambang tiga titik di tengah (ڃ) telah digunakan secara tekal. Huruf *nya* mempunyai dua lambang iaitu bertitik tiga di atas (ڽ) dan bertitik tiga di bawah (ڀ). Huruf *nga* bertitik tiga di atas (ڠ) dan tanpa titik (ع), huruf *ga* ditulis tanpa titik (ک), bertitik tiga di atas (ڰ) dan bertitik tiga di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bawah (ﭖ) manakala dua lambang bagi *pa* ialah bertitik tiga di atas (ﭗ) dan bertitik satu di atas (ف).

vii. Lima huruf gubalan Melayu dalam A18/S2 ialah ڽ (*nya*), ڃ (*ca*), ڠ (*nga*), ڤ (*pa*) dan ڬ (*ga*). Huruf *ga* ditulis dalam tiga lambang iaitu bertitik satu di atas (ڬ), tanpa titik (ک) dan bertitik tiga di bawah (ﮒ), huruf ڤ (*pa*) ditulis dengan dua lambang iaitu bertitik tiga di atas (ﭙ) dan bertitik satu (ف) manakala huruf ڽ (*nya*) bertitik tiga di atas (ڽ) ketika berada di hujung perkataan dan bertitik tiga di bawah (پ) ketika berada di tengah perkataan.

viii. Empat huruf gubalan dalam 18/S3 ialah huruf ڽ (*nya*), ڠ (*nga*), ڤ (*pa*), ڬ (*ga*). Huruf ڠ(*nga*) dan ڬ (*ga*) telah digunakan secara tekal manakala huruf ڃ (*ca*) tidak ditemui dalam A18/S3. Dua lambang *nya* ialah bertitik tiga di atas (ڽ) dan bertitik tiga di bawah (پ). Lambang bertitik tiga di atas (ﭙ) digunakan bagi huruf *pa* manakala lambang bertitik satu di atas (ف) digunakan bagi huruf *fa* dan *va*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ix. Lima huruf gubalan dalam A18/S4 ialah huruf ڽ (*nya*), ڃ (*ca*), ڠ (*nga*), ڤ (*pa*), ڬ (*ga*). Lambang *nya* bertitik tiga di atas (ڽ) dan bertitik tiga di bawah (پ). Huruf *ga* ditulis dalam tiga lambang iaitu bertitik satu di atas (ڬ), tanpa titik (ک) dan bertitik tiga di bawah (ﮒ) manakala *pa* ditulis dengan lambang satu titik di atas (ف). Lambang ف juga digunakan bagi bunyi *fa* dan *va.*

x. Lima huruf gubalan Melayu dalam A18/S5 ialah huruf ڽ (*nya*), ڃ (*ca*), ڠ (*nga*), ڤ (*pa*) dan ڬ (*ga*). Huruf ڃ (*ca*) dan ڠ (*nga*) telah tekal penulisannya. Dua lambang *nya* ialah bertitik tiga di atas (ڽ) dan titik tiga di bawah (پ). Huruf *pa* ditulis dengan lambang bertitik satu di atas (ف) dan lambang ini juga digunakan bagi huruf *va* dan *fa* manakala lambang *ga* ialah bertitik satu di atas (ڬ) dan bertitik satu di bawah (ک).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.9.6 Penggunaan tanda diakritik

Secara terperinci dapatan analisis pengaruh sistem ejaan Arab dalam kaedah ejaan Jawi adalah seperti berikut:

i. Tanda baris dan tanda *tasydid* digunakan dalam A16/S1.
ii. Tanda *tasydid*, tanda *mad* dan tanda *sukun* digunakan dalam A16/S2.
iii. Tanda baris digunakan dalam A17/S1.
iv. Tanda t*asydid* dan tanda baris digunakan dalam A17/S2
v. Tanda baris dan tanda *mad* digunakan dalam A17/S3
vi. Tanda *tasydid* dan baris digunakan dalam A18/S1.
vii. Tiada tanda diakritik dalam A18/S2.
viii. Tiada tanda diakritik dalam A18/S3.
ix. Tanda *tasydid* digunakan dalam A18/S4.
x. Tanda *tasydid* digunakan dalam A18/S5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.9.7 Kaedah ejaan kata ganda

Secara terperinci kaedah ejaan kata ganda adalah seperti berikut:

i. Tiada contoh kata ganda yang ditemui dalam A16/S1.

ii. Kaedah ejaan kata ganda pengulangan penuh dalam A16/S2 ialah menggandakan seluruh kata dasar jenis kata nama tanpa sebarang perubahan bentuk.

iii. Kaedah ejaan kata ganda pengulangan separa dalam A17/S1 ialah menggandakan sebahagian daripada kata dasar.

iv. Kaedah ejaan kata ganda pengulangan separa dalam A17/S2 ialah mengandakan sebahagian daripada kata dasar manakala kata ganda pengulangan penuh dieja dengan menggandakan seluruh kata dasar jenis kata nama tanpa sebarang perubahan bentuk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

v. Kaedah ejaan kata ganda pengulangan separa dalam A17/S3 ialah kata ganda menggandakan sebahagian kata dasar menggunakan angka dua Arab (٢) dan kata ganda pengulangan penuh dieja dengan menggandakan seluruh kata dasar jenis kata nama tanpa sebarang perubahan bentuk dengan menggunakan angka dua Arab (٢).

vi. Kaedah ejaan kata ganda pengulangan separa dalam A18/S1 ialah menggandakan seluruh kata dasar jenis kata nama tanpa sebarang perubahan bentuk dengan menggunakan angka dua Arab (٢) di hujung perkataan.

vii. Kaedah ejaan kata ganda pengulangan pengulangan penuh dan pengulangan separa dalam A18/S2 ialah mengandakan keseluruhan kata dasar dengan mengunakan angka dua Arab (٢) di hujung perkataan.

viii. Kaedah ejaan kata ganda pengulangan penuh dan kata ganda pengulangan separa dalam A18/S3 ialah menggandakan keseluruhan kata dan mengunakan angka dua Arab (٢) di hujung perkataan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ix. Kaedah ejaan kata ganda pengulangan penuh dalam A18/S4 ialah pertama; menggandakan keseluruhan kata dasar dan menggunakan angka dua Arab di hujung perkataan. Kedua; tidak menggunakan angka dua Arab tetapi ejaan perkataan dibuat dengan mengulang kata dasar. Kaedah ini turut digunakan bagi kata ganda pengulangan penuh dan kata ganda pengulangan separa.

x. Kaedah ejaan kata ganda pengulangan penuh dalam A18/S5 ialah menggunakan tanda angka dua Arab (٢) di hujung perkataan manakala kata ganda pengulangan separa ditulis tanpa menggunakan angka dua Arab tetapi dengan cara mengulang sebahagian kata dasar.

5.9.8 Kaedah ejaan kata pinjaman Arab

Kaedah ejaan kata pinjaman daripada bahasa Arab dalam A16/S1 hingga A18/S5 mengekalkan ejaan asalnya kecuali beberapa perkataan yang berubah ejaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.9.9. Kaedah ejaan berangkai

Secara terperinci, kaedah ejaan berangkai ditemui dalam semua surat kecuali A17/S1, A17/S2 dan A18/S2. Walau pun secara asasnya ejaan berangkai digunakan untuk perkataan yang didahului oleh perkataan *yang* dan perkataan yang diikuti oleh perkataan *pun* namun ada juga perkataan yang tidak tergolong dalam kedua-dua jenis tersebut juga dieja berangkai. Oleh itu, tidak dapat ditentukan satu kaedah khusus untuk ejaan berangkai ini.

5.10 KESIMPULAN

Bab ini telah membincangkan tentang perbandingan analisis ejaan Jawi antara surat dan antara abad ke-16 hingga abad ke-18. Perbandingan telah dibuat berdasarkan pola kombinasi vokal yang dianalisis mengikut empat kategori iaitu Kategori 1: Suku kata Terbuka+Suku kata Terbuka (SKB+SKB), Kategori 2: Suku kata Tertutup+Suku kata Terbuka (SKT+SKB), Kategori 3: Suku kata Terbuka+Suku kata Tertutup (SKB+SKT) dan Kategori 4: Suku kata Tertutup+Suku kata Tertutup (SKT+SKT) manakala pola kombinasi diftong juga dianalisis mengikut empat kategori iaitu Kategori 1: Suku kata Terbuka+Suku kata Diftong (SKB+SKD), Kategori 2: Suku kata Tertutup+Suku kata Diftong (SKT+SKD), Kategori 3: Suku kata Diftong+Suku kata Terbuka (SKD+SKB) dan Kategori 4: Suku kata Diftong+Suku kata Tertutup (SKD+SKT). Seterusnya bagi perkataan ekasuku pula perbandingan dibuat mengikut kategori huruf vokal iaitu e, a, i, u dan o. Aspek lain yang turut dibandingkan ialah huruf-huruf gubalan Melayu dan lambangnya berdasarkan surat dari abad ke-16 hingga abad ke-18. Huruf yang telah digunakan dalam abad ke-16 ialah ڽ (*nya*), ڤ (*pa*), ڬ (*ga*). dan ڠ (*nga*). Perbandingan turut dibuat bagi penggunaan tanda diakritik, kaedah ejaan berangkai, kaedah ejaan kata ganda dan perkataan pinjaman daripada bahasa Arab.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB VI

RUMUSAN DAN PENUTUP

6.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan rumusan dan penutup kajian *Kaedah ejaan Jawi berdasarkan surat Melayu lama dari abad ke-16 hingga abad ke-18*. Kajian yang menggabungkan bentuk kualitatif dan kuantitatif ini memberi tumpuan kepada sepuluh pucuk surat Melayu lama sebagai bahan kajian dalam usaha mengenal pasti kaedah ejaan Jawi dari abad ke-16 hingga abad ke-18, dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan perbandingan. Surat Melayu lama yang dikaji ialah Surat Sultan Abu Hayat, Ternate kepada King John 111, Portugal (1521 M), Surat Sultan Abu Hayat, Ternate kepada King John 111, Portugal (1522 M), Surat Izin berdagang dari Sultan Alaudin Shah, Aceh kepada Kapten Harry Middleton (1602 M), Surat Sultan Iskandar Muda dari Aceh kepada Raja Inggeris James, (1615 M), Surat Raja Ambon di Makasar kepada Gubernur Syarikat India Timur (1658 M), Surat dari Sultan Gandam Syah, Muko-Muko 1 kepada Syarikat India Timur (1733 M), Surat Gabenor Jeneral R. De Klerk kepada Sultan Muhammad Bahauddin Palembang (1782 M), Surat Sultan Sulaiman, Banjarmasin kepada G. J. Williem Arnold Alting (1792 M) dan Surat Sultan Banjar kepada G. J. Williem Arnold Alting (1796 M).

Dalam bab ini, pengkaji membuat rumusan dan membincangkan tentang penemuan kajian, menjelaskan sumbangan dan implikasi kajian serta mencadangkan aspek lain yang perlu diberi perhatian dalam kajian lanjutan. Semua ini digarapkan dalam empat subtopik iaitu (i) Perbincangan dapatan kajian berdasarkan objektif dan persoalan kajian; (ii) Sumbangan dan Implikasi Kajian yang berupa penghasilan *Panduan eJawi Ria;* (iii) Cadangan Kajian Lanjutan berhubung aspek lain yang boleh dikaji dalam kajian selanjutnya dan (vi) Penutup Kajian.

6.2 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbincangan dalam bahagian ini dibuat mengikut urutan persoalan kajian yang dibina daripada objektif kajian. Semua hasil dapatan bagi setiap persoalan kajian dirangkum bagi membolehkan pengkaji membuat rumusan akhir.

6.2.1 Kaedah ejaan Jawi bagi mengeja perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal mengikut kategori suku kata

Kaedah ejaan yang banyak digunakan dalam A16/S1 hingga A18/S5 ialah Kaedah Tanpa Vokal dan Kaedah Campuran. Hal ini menggambarkan bahawa ejaan Jawi lama cenderung kepada ejaan pengaruh Arab dan tidak ketinggalan dipengaruhi juga oleh sistem ejaan Melayu sendiri. Didapati, kebanyakan perkataan tidak menggunakan huruf vokal namun sebahagian besarnya pula menggunakan huruf vokal dalam salah satu daripada suku katanya. Di sini jelaslah bahawa, kaedah penggunaan huruf vokal dalam kedua-dua suku kata kurang dipraktikkan dalam ejaan Jawi lama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penggunaan huruf vokal dalam salah satu suku kata ini dikaitkan Kang (1990) dengan kewujudan pengaruh Melayu tahap 1 manakala penggunaan huruf vokal dalam kedua-dua suku kata merujuk kepada pengaruh Melayu tahap 2. Justeru, kajian ini selari dengan kajian Kang (1990) berhubung kewujudan pengaruh Arab dan Melayu dalam sistem ejaan Jawi dan pandangan Amat Juhari (1996) berhubung perubahan sistem ejaan Jawi berlaku secara bertahap daripada pengaruh ejaan Arab secara berbaris hinggalah kepada pengaruh Melayu yang menggunakan huruf-huruf vokal seluruhnya pada suku katanya. Dapatan kajian ini turut menyokong pandangan Amat Juhari (1996) dan Hashim (1999) yang menyatakan walau pun bertahap namun perkembangan kaedah ejaan Jawi tidak berlaku secara serentak dan menyeluruh di semua tempat di Alam Melayu tetapi berkembang secara berasingan serta bergantung pada perkataan yang dieja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.2.2 Kaedah ejaan Jawi bagi mengeja perkataan dwisuku/trisuk berkombinasi diftong mengikut kategori suku kata

Perkataan berkombinasi diftong dieja tanpa menggunakan huruf vokal. Hal ini bermakna, kombinasi diftong (ai) tidak menggunakan huruf vokal *alif* dan *ya*, kombinasi diftong (*au*) tidak menggunakan huruf vokal *alif* dan *wau* dan kombinasi diftong (*oi*) juga tidak menggunakan huruf vokal *alif* dan *wau*. Menurut Nik Safiah et al. (2011) sistem ejaan Jawi lama menggunakan ejaan yang sama atau bercampur-campur bagi mengeja perkataan diftong. Perkataan berkombinasi diftong jika dieja tanpa huruf vokal akan menimbulkan kekeliruan kepada pembaca. Untuk mengelakkan masalah tersebut, abjad-abjad *alif*, *wau* dan *ya* perlu digunakan untuk melambangkan kombinasi diftong (Hashim 1999). Dapatan kajian ini menepati penemuan Asmah (1991) yang meneliti ejaan diftong dalam *'Aqa'id Al-Nasafi* kitab Melayu tertua abad ke-16. Perkataan berkombinasi diftong dalam teks tersebut juga tidak menggunakan kombinasi *alif* dan ya bagi *ai* dan *alif* dan *wau* untuk bunyi *ui/oi*. Oleh itu, pembaca perlu mahir dan cekap dalam membezakan perkataan-perkataan yang sama ejaan tetapi berlainan sebutan itu kerana ia merupakan antara ciri-ciri ejaan Jawi lama.

6.2.3 Kaedah ejaan Jawi bagi perkataan ekasuku mengikut kategori huruf vokal

Kaedah ejaan untuk perkataan ekasuku dalam A16/S1 hingga A18/S5 adalah sama iaitu perkataan ekasuku dieja dengan dua kaedah. Kaedah pertama menggunakan huruf vokal dan kaedah kedua tidak menggunakan huruf vokal. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa ejaan dengan pola ekasuku ada kalanya memakai huruf vokal dan adakala sebaliknya. Pola ejaannya tidak tetap kerana ada beberapa perkataan yang dieja mengikut Ejaan Lazim. Perkataan yang dieja mengikut Ejaan Lazim dan tekal kaedah ejaannya dalam semua surat ialah perkataan يڠ (yang) di bawah kategori vokal (a) yang dieja tanpa huruf vokal dan perkataan دان (dan) mempunyai huruf vokal manakala perkataan ڤون (pun) di bawah kategori vokal (u/o) dieja dengan huruf vokal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.2.4 Kaedah ejaan Jawi paling dominan bagi mengeja perkataan dwisuku/trisuku berkombinasi vokal mengikut kategori suku kata

Kaedah ejaan yang paling dominan digunakan bagi mengeja perkataan dwi/trisuku berkombinasi vokal ialah Kaedah Tanpa Vokal. Dengan kata lain, Kaedah Campuran dan Kaedah Vokal kurang digunakan dalam ejaan tersebut. Kaedah Tanpa Vokal bermaksud, huruf vokal tidak digunakan pada kedua-dua suku kata sesuatu perkataan. Dapatan ini selaras dengan pandangan Amat Juhari (1996) bahawa terdapat sistem campuran dari segi ejaan Jawi lama dalam satu-satu teks kerana ada perkataan yang mengikut ejaan pengaruh Arab tahap 1 dan 2, dan ada juga ejaan daripada pengaruh Melayu tahap 1 dan 2.

Dapatan kajian ini turut menunjukkan bahawa evolusi ejaan Jawi bermula dengan penggunaan huruf konsonan sahaja tanpa huruf vokal. Bunyi vokal tidak diberi apa-apa lambang dan hanya diandaikan sahaja menerusi penggunaan baris-baris *harakat* seperti dalam Bahasa Arab yang dikenali sebagai Kaedah Tanpa Vokal/Kaedah Baris. Menerusi Kaedah Tanpa Vokal, baris *fathah* melambangkan vokal [a], baris *kasrah* melambangkan vokal [i] dan baris *dammah* melambangkan vokal [u]. Dapatan ini selaras dengan pandangan Hamdan (2013) yang menyatakan kaedah ejaan Jawi bertitik tolak dari Kaedah Baris yang tidak menggunakan huruf vokal, kaedah itu bergerak menuju kepada penggunaan huruf vokal, yang akhirnya melahirkan Kaedah Campuran dengan dua pola ejaan kata bagi dwisuku dan trisuku iaitu [0 + 1] = Menggunakan huruf vokal di suku kata pertama sahaja, [1 + 0] = Menggunakan huruf vokal di suku kata kedua sahaja dan Kaedah Vokal iaitu [1 + 1] = Menggunakan huruf vokal di kedua-dua suku kata. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini sedikit bercanggah dengan dapatan kajian Ismail (2008) yang merumuskan bahawa tidak terdapat petunjuk bahawa kaedah pemvokalan suku kata perkataan Jawi ini berkembang secara bertahap daripada kaedah pemvokalan suku kata perkataan Jawi secara baris kepada kaedah pemvokalan suku kata perkataan Jawi secara abjad, bermula dari suku kata awal, berkembang ke suku kata kedua dan akhirnya digunakan dalam kedua-dua suku kata perkataan Jawi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.2.5 Penggunaan dan perubahan lambang huruf gubalan Melayu

